

DN.7.12.2000

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 7 Disember 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA

Setiausaha [Encik Abdullah Abdul Wahab]: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan dan mengikut aturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat 1, Majlis Mesyuarat Dewan Negara akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah menerima hanya satu cadangan nama Ahli yang hendak dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam suratnya bertarikh 28 November 2000 telah memberitahu bahawa beliau berhasrat mengemukakan satu usul di Mesyuarat hari ini bagi maksud memilih seorang Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Sekarang dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengemukakan cadangan memilih Tuan Yang di-Pertua.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Setiausaha, saya mencadangkan bahawa Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan mengikut Peraturan Mesyuarat 2(1) saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Setiausaha, saya mohon menyokong Usul itu.

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana seorang sahaja yang dicadang dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(3) saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

[Tepuk]

[Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara memakai jubah dan songkok]

MENGANGKAT SUMPAH

Tuan Yang di-Pertua: Saya, Dato' Michael Chen Wing Sum setelah dipilih memegang jawatan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara adalah dengan ini berikrar dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan jujur, dengan sedaya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya.

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN TUAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bersyukur kepada Tuhan di atas perlantikan saya ini. Saya berasa sangat bertuah dan bangga di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada saya oleh kerajaan dan semua Ahli untuk membolehkan saya memegang jawatan yang penting dan tertinggi ini. Saya akan dengan segala upaya saya mengekalkan kepercayaan dan penghargaan yang telah diberikan itu untuk menjalankan tugas saya sebagai Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah menjunjung kasih di atas perkenaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perlantikan saya ini dan mengucap setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri dan merangkap Presiden Barisan Nasional, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, Menteri Pengangkutan merangkap Presiden MCA dan Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu, Menteri Kerja Raya merangkap Presiden MIC yang memberikan kepercayaan kepada saya menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara.

Saya ingat ingin mengambil kesempatan ini mengucap terima kasih kepada bekas Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, yang baru sahaja melepaskan jawatan ini. Saya akan cuba mengikuti contoh-contoh yang baik yang telah dicontohkan oleh beliau. Moga-moga dengan kerjasama Ahli-ahli Dewan Negara saya akan dapat menunaikan tanggungjawab ini dengan adil dan saksama.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Zainudin bin Maidin** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah benar laporan Financial Times UK mengatakan Proton bercadang untuk menyenaraikan saham Lotus di London Stock Exchange pada tahun hadapan dan apakah asas yang mendorong Proton untuk mengambil langkah ini.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, di samping menyampaikan tahniah, saya mengemukakan pertanyaan yang pertama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' atas pilihan sebagai Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, laporan akhbar *Financial Time* di United Kingdom mengenai rancangan penyenaian saham-saham syarikat Lotus di Bursa Saham London adalah tidak benar. Menurut Proton, ianya tidak mempunyai sebarang rancangan untuk menyenaraikan Lotus di Bursa Saham London ataupun menjual sebahagian daripada sahamnya kepada pihak awam. Malah pihak Lotus sendiri tidak mengambil sebarang langkah untuk penyenaian di London Stock Exchange seperti yang dilaporkan di dalam akhbar *Financial Time*. Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Dr. Chin Fook Weng [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian untuk mengurangkan jurang pendapatan yang semakin besar antara penduduk bandar dan luar bandar.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang kawan lama dari tahun 1969 semasa Tuan Yang di-Pertua, berkhidmat di Hulu Selangor, kawasan yang dipegang oleh saya pada masa sekarang, saya pun mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas jawatan tertinggi ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, jurang pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar memang wujud dan semakin membesar. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah dan sedang mengambil langkah

serius untuk menangani isu ini meliputi strategi pembangunan manusia, pembangunan ekonomi, pembangunan prasarana dan pembangunan sistem penyampaian.

Berhubung dengan pembangunan ekonomi, di antara tumpuan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ialah pendekatan pembangunan pertanian komersial, pancuan pasaran, perluasan skim pinjaman mudah, pembangunan pelancongan desa, insentif pengeluaran pekebun kecil dan insentif khas kepada pengusaha desa. Sekian, terima kasih.

Tuan N. Marimuthu: Saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Penduduk-penduduk India berada di dalam kawasan pedalaman ladang-ladang tidak mengetahui rancangan-rancangan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sehingga kini pelaksanaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak memberi apa-apa kesan kepada kaum India yang berada di kawasan ladang dan juga kawasan bandar. Saya membayangkan rancangan kementerian tidak begitu memuaskan. Apakah tindakan yang berkesan untuk mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, tidak patutlah kalau Yang Berhormat berkata Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak membawa apa-apa kesan kepada penduduk luar bandar termasuk masyarakat India. Mengenai masalah-masalah yang dibangkit oleh Yang Berhormat, kementerian ini akan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran rakyat jelata khasnya masyarakat India mengenai skim-skim yang diuruskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membantu mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati usaha kerajaan untuk menyempitkan jurang pemisahan ini telah berlalu begitu lama sejak Rancangan Malaysia Pertama hinggalah Rancangan Malaysia Kelapan, tetapi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi jurangnya makin melebar. Soalan saya sekarang ini selain daripada pendapatan yang kita hendak tuju ini, apakah pendapatan, level dia, tahap pendapatan yang sepatutnya dijadikan pendapatan luar bandar. Dan apakah pula kualiti-kualiti hidup yang lain seperti saya berpendapat, seperti api, air, apakah nisbah, peratusan yang kini dicapai di luar bandar

bagi menentukan mereka dapat dimasukkan di dalam arus perdana pembangunan ekonomi negara. Terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, nisbah ketidakseimbangan pendapatan luar bandar dan bandar yang disebut tadi oleh Yang Berhormat ialah pada sekarang pendek kata kalau penduduk bandar mendapat RM2.00, penduduk luar bandar mendapat RM1.00, 1:2 pada ratio. Ini sudah meningkatkan dari tahun 1991 di mana nisbah ini ialah 1:1.57 pada tahun 1991 dan pada masa sekarang nisbah ketidakseimbangan ini sudah meningkatkan kepada 1:2.04 perbezaan antara luar bandar dan bandar. It is quiet frightening ketidakseimbangan ini antara pendapatan bandar dan luar bandar.

Justeru itu, kerajaan sudah mengambil tindakan-tindakan serius untuk membawa satu perubahan besar kepada penduduk-penduduk luar bandar dan ini boleh dilihat dari segi peruntukan dan pelaburan yang dibuat oleh kerajaan dan juga swasta di kawasan-kawasan luar bandar dan kalau kita meningkatkan ataupun membetulkan ataupun mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan antara penduduk bandar dan penduduk luar bandar kita perlu berubah asas ekonomi penduduk luar bandar. Mereka tidak boleh lagi bergantung hanya kepada aktiviti-aktiviti pertanian tradisional. Asas ekonomi kita di luar bandar mesti berubah dan kalau rancangan-rancangan kita untuk membawa perubahan kepada asas ekonomi luar bandar berjaya iaitu satu ekonomi di mana it is market driven dan kita menambahkan aktiviti-aktiviti value added goods, agro-base industries dan lain-lain. Kita masuk industri baru seperti pelancongan di luar bandar. Saya ingat tidak lama dalam 10 tahun atau sebelum kita mencapai visi 2020 kita boleh mengurangkan nisbah pendapatan di antara bandar dan luar bandar ke peringkat di mana kita boleh capai 80% dan kita boleh mengurangkan atau membetulkan ketidakseimbangan ini. Sekian, terima kasih.

3. **Puan Melanie Chia Chui Ket** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan akan mengkaji semula Skim Anuiti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kerana sejak pengenalan skim tersebut ianya telah mendapat banyak tentangan khasnya dari persatuan-persatuan buruh.

Puan Melanie Chia Chui Ket: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucap tahniah kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas perlantikan jawatan yang penting itu.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Anuiti KWSP diwujudkan bagi memberikan pilihan kepada ahli KWSP dalam menguruskan simpanan persaraan mereka. Sebelum ia diperkenalkan, skim ini telah dikaji dengan mendalam dan dengan demikian Skim Anuiti ini akan dikekalkan sebagai pilihan untuk ahli KWSP. Dengan adanya Skim Anuiti KWSP ini, ahli KWSP mempunyai empat pilihan atas simpanan mereka di KWSP apabila bersara kelak, iaitu;

- (i) menerima bayaran anuiti secara bulanan sepanjang hayat bagi yang menyertai Skim Anuiti KWSP;
- (ii) mengeluarkan sekali gus dengan izin, *lump sum withdrawal*;
- (iii) mengeluarkan dividen sahaja setahun sekali; dan
- (iv) mengeluarkan simpanan secara berkala seperti bayaran pencen.

Tuan Yang di-Pertua, rasa tidak puas hati terhadap skim ini adalah disebabkan kurang kefahaman oleh pihak-pihak tersebut. Bagaimanapun, KWSP telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini dengan memberi penerangan dan taklimat kepada ahli-ahli serta pihak-pihak lain yang berkenaan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada saya merakamkan tahniah kepada Dato' selaku Tuan Yang di-Pertua baru, saya ingin mengemukakan soalan tambahan berkenaan skim anuiti oleh KWSP. Apakah keadaan semasa membenarkan beberapa agensi ataupun organisasi kewangan termasuk insurans telah dibenarkan untuk mengambil wang daripada KWSP untuk didepositkan di bawah skim-skim tertentu kerana saya dapati mutakhir ini ada gerakan sama ada ianya telah diperkenan atau dipersetujui oleh kerajaan ataupun tidak tetapi salah satunya ialah melalui insurans Takaful yang telah menyediakan skim anuiti daripada KWSP ini. Kalau ianya benar, mohon sedikit penjelasan daripada kementerian. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya lapan syarikat insurans telah dipilih oleh pihak KWSP untuk menyertai skim insurans anuiti yang saya sebutkan tadi.

Kelapan-lapan syarikat insurans ini diambil ataupun dipilih untuk menyertai skim anuiti ini adalah oleh kerana mereka telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Antara kriteria-kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ialah:

- (i) sesebuah syarikat insurans yang dipilih mesti mengadakan penyertaan ekuiti secara elektif oleh warganegara Malaysia sekurang-kurangnya 51%;
- (ii) syarikat yang berkenaan mesti mempunyai kumpulan wang pemegang syer sekurang-kurangnya sebanyak RM50 ribu juta;
- (iii) syarikat berkenaan mesti mempunyai polisi sekurang-kurangnya sebanyak RM300 juta; dan
- (iv) syarikat berkenaan mesti mencatatkan pulangan pelaburan bagi tempoh 1995 hingga 1997 pada kadar purata sekurang-kurangnya 7% dan syarikat berkenaan mesti juga tiada sebarang laporan negatif yang nyata mengenai penanggung insurans tersebut.

Sekian, terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengucapkan tahniah kerana pelantikan Tuan Yang di-Pertua, sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun saya Ahli Lembaga Pengarah KWSP tetapi seperti mana yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri perkara ini telah dibincangkan lebih empat tahun dan Tuan Yang di-Pertua, setelah kajian dibuat dan pelaksanaan dijalankan memang benar skim anuiti ini adalah optional tetapi setelah pelaksanaan dijalankan Tuan Yang di-Pertua, beberapa kesulitan dan kurang senang telah wujud umpamanya dari segi soal premium yang tinggi dibayar dan pulangan baliknya begitu rendah kepada mereka yang bersara. Dari sebab ini Tuan Yang di-Pertua, mereka para

pekerja berpendapat bahawa premium ini tidak sewajarnya dilaksanakan oleh syarikat-syarikat insurans yang berkenaan, satu aspek.

Aspek yang kedua, Tuan Yang di-Pertua kebanyakan ejen insurans ini menggunakan taktik-taktik yang kotor, memaksa pekerja menerima atau membeli premium sedangkan premium ini adalah merupakan optional kepada pencarum.

Jadi, atas kedua-dua sebab ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah memohon kepada Lembaga Pengarah mesyuarat pada 4 Disember yang lepas supaya Lembaga Pengarah mengkaji semula anuiti skim ini sama ada ianya boleh dijalankan secara dalaman. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada kerajaan bercadang untuk melaksanakan secara dalaman dan dikendalikan oleh KWSP sendiri daripada dikendalikan oleh lapan buah syarikat insurans yang sudah semestinya mereka ini mencari keuntungan dan memaksa pekerja membeli *annuity scheme* dan ini membawa satu bencana yang buruk kepada KWSP sendiri.

Itu sebabnya mengapa perkara telah timbul rasa tidak puas hati dan pekerja tidak bersetuju atas skim anuiti ini. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat, Yang Berhormat mengatakan ejen-ejen insurans yang dilantik oleh pihak kerajaan semasa melaksanakan skim anuiti ini telah menggunakan taktik kotor untuk menarik penyertaan, maka saya harap kalau sekiranya ada berlaku apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, kita harap pihak-pihak yang berkenaan dapat melaporkan kepada pihak KWSP, Bank Negara dan Kementerian Kewangan supaya tindakan dapat diambil.

Cadangan Yang Berhormat yang kedua iaitu sama ada, ada tidak kemungkinan supaya skim anuiti ini dijalankan secara *in house* supaya premium dapat dikurangkan. Cadangan ini telah pun dikaji secara teliti dan sedalam-dalamnya oleh pihak KWSP dan didapati setakat ini KWSP belum bersedia untuk menjalankan skim ini secara *in house* kerana tiga perkara yang tidak dapat kita atasi.

Pertamanya, kekurangan kepakaran yang dihadapi oleh KWSP kerana untuk menjalankan satu skim insurans seperti skim anuiti, kita perlu menggunakan kepakaran, memang banyak dalam perkara ini dan ini memang KWSP tidak mempunyai.

Kedua ialah masalah *solvency* kerana struktur KWSP bukan satu struktur syarikat insurans. Oleh kerana itu kalau sekiranya skim ini dijalankan secara *in house* dan kalau sekiranya sambutan tidak menggalakkan, maka kita tidak dapat menjalankan skim ini secara efektif dan kita tidak ingin menggunakan wang yang dipunyai oleh sembilan juta ahli itu untuk membayar skim anuiti ini.

Soalan yang ketiga ialah masalah *critical mess*, kalau sekiranya *critical mess* tidak ada bila KWSP menjalankan skim, ia tidak akan menjayakan skim ini oleh kerana ini kita melantik syarikat insurans yang mempunyai *network* yang begitu luas, maka memudahkan mewujudkan *critical mess* yang ada ini.

Walau bagaimanapun, cadangan ini telah pun disemak dan diteliti secara mendalam oleh KWSP dan setakat ini saya hendak menegaskan, setakat ini kita belum sedia untuk menjalankannya secara *in house* tetapi kita sedia, kita rela untuk mengkaji semula cadangan sama ada ianya dapat dijalankan *in house* pada masa yang akan datang dan di mana kita dapat mencari jalan untuk menyelesaikan ketiga-tiga masalah yang saya sebutkan tadi mungkin kita akan menjalankan skim ini secara *in house*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy.

Dato' Poo Yew Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mengemukakan soalan ke empat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

4. **Dato' Poo Yew Choy** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bercadang menambah jumlah peruntukan bagi seorang Ahli Dewan Negara dari RM100 ribu (bagi tempoh tiga tahun setiap pelantikan) kepada RM200 ribu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan Dato'.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk menambah peruntukan khas Ahli Dewan Negara kepada RM200 ribu.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya, oleh kerana peruntukan ini adalah peruntukan daripada kerajaan, jadi, kita minta penjelasan, kenapa pihak kerajaan tidak memberi peruntukan yang sama kepada Ahli Dewan Negara daripada pembangkang. Sedangkan kami juga dilantik oleh negeri yang dipilih rakyat melalui proses demokrasi.

Kita lihat bagaimana contoh yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu memberikan peruntukan yang sama walaupun wakil rakyat daripada parti pembangkang. Jadi, di mana ketelusan dan kematangan yang kita yakin, negara kita mengamalkan pemerintahan yang adil, telus dan demokratik. Terima kasih.

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: Kadar peruntukan adalah berdasarkan kepada permohonan Ahli Dewan Negara dan kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan tahniah atas pelantikan sebagai Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Soalan tambahan saya adalah, adakah kerajaan bercadang supaya sebahagian daripada peruntukan ini dibolehkan membayar *allowance* atau gaji pembantu kepada seorang Senator.

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada senarai projek pemberian yang dibenarkan di bawah peruntukan khas Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Ahli Parlimen dan Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat boleh, kerana Jemaah Menteri telah pun mengambil keputusan supaya boleh memberi pembayaran urusan pejabat wakil rakyat ataupun Dewan Negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Charern Intachat.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Dato' atas pelantikan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

5. **Dato' Charern Intachat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kerajaan sedar tentang penduduk-penduduk di kawasan sempadan Thailand/Malaysia memiliki dua kerakyatan dan apakah bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap mereka ini yang juga bukan penyokong kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas atas pelantikan Yang Berhormat Dato' sebagai Tuan Yang di-Pertua, Dewan Negara pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Seterusnya untuk jawapan kepada Yang Berhormat Senator, pihak kerajaan tidak mengetahui mengenai adanya penduduk di kawasan sempadan Thailand/Malaysia memiliki dua kerakyatan iaitu Malaysia dan Thailand.

Jika benar terbukti mereka memiliki dokumen kewarganegaraan Malaysia dan juga Thailand, mereka boleh diambil tindakan melucutkan taraf kewarganegaraan Malaysia mereka mengikut peruntukan perlucutan kewarganegaraan di bawah Peraturan 24(1) Perlembagaan Malaysia yang menyebutkan, jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa seseorang warganegara telah memperolehi kewarganegaraan mana-mana negeri luar Persekutuan dengan cara pendaftaran, masukan ataupun perbuatan lain yang sengaja serta menurut peraturan lain daripada perkahwinan, maka Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan orang itu. Ada di antara mereka yang tidak menyokong kerajaan, sama ada mereka menyokong kerajaan atau sebaliknya, Kerajaan Malaysia mengamalkan sistem demokrasi yang membolehkan kebebasan memilih ikut kehendak individu itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setakat tahun ini sebagai soalan tambahan saya apakah sebab-sebab dan jenis-jenis kesalahan yang telah dilucutkan kerakyatan, kewarganegaraan oleh kerajaan dan kalau ada datalah. Dalam tahun ini banyak manakah kedudukan, tindakan yang telah dapat dilaksanakan oleh kerajaan.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan itu spesifik, saya perlukan notis untuk menjawab secara terperinci. Jika Yang Berhormat berkehendakkan sila hantar notis. Terima kasih.

6. **Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) program dan skim-skim yang sedang dilaksanakan oleh kementerian untuk membentuk usahawan di kalangan masyarakat bumiputera khususnya peniaga-peniaga kecil; dan
- (b) jumlah keseluruhan usahawan bumiputera sejak tahun 1990 hingga 1999 dan bilangan mereka yang tercicir akibat krisis ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, jawapan

- (a) Terdapat pelbagai program keusahawanan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan agensi-agensi di bawahnya untuk membentuk dan membangun usahawan di kalangan masyarakat bumiputera.

Program-program ini memberi tumpuan kepada pembangunan peluang perniagaan dan pemasaran. Latihan keusahawanan, penyediaan kemudahan pembiayaan dan premis perniagaan untuk manfaat usahawan bumiputera khususnya di kalangan peniaga kecil dan sederhana.

- (b) Secara keseluruhannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh seramai 15,105 usahawan bumiputera telah dapat dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan agensi-agensi di bawahnya di peringkat Persekutuan dan juga

negeri menerusi pelbagai program keusahawanan yang dilaksanakan.

Memandangkan Kementerian ini ditubuhkan pada tahun 1995, data yang diperolehi hanyalah bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu dari 1996 sehingga tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997 telah memberi kesan kepada usahawan bumiputera sama ada yang berskala besar atau kecil. Tidak dapat dinafikan ada yang tercicir, menutup operasi dan gulung tikar. Kementerian Pembangunan Usahawan tidak mengetahui bilangan sebenar usahawan yang terlibat.

Walau bagaimanapun, satu kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian ini pada tahun 1998 mendapati kebanyakan syarikat bumiputera mengalami pelbagai permasalahan seperti peningkatan kos pengeluaran akibat kenaikan kos bahan mentah dan komponen yang diimport dan tempatan. Pasaran yang lembap, penurunan permintaan produk serta kesukaran mendapatkan pinjaman dan membayar balik pinjaman. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih. Saya juga mengambil kesempatan untuk merakamkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setakat ini bagaimana sambutan yang diterima oleh usahawan kecil ini dan adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan bilangan penglibatan usahawan kecil ini? Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, Yang Berhormat. Setakat ini sambutan daripada usahawan-usahawan kita amatlah menggalakkan. Walau bagaimanapun, seperti yang diminta oleh Yang Berhormat tentang jumlah ataupun bilangan yang mendapat faedah daripada usaha-usaha Kementerian. Sebenarnya Kementerian daripada sejak penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan, kita telah berusaha untuk mewujudkan lebih ramai bilangan usahawan-usahawan yang berkualiti dan berdaya saing dalam bidang keusahawanan ini. Seperti yang telah saya jelaskan tadi memang jumlah ataupun bilangan usahawan yang telah kita bina setakat ini hanyalah dalam lingkungan 15,000 usahawan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk membangunkan usahawan kita ini,

khususnya bumiputera ini bukanlah satu usaha yang mudah dan dalam waktu yang singkat tetapi usaha kita adalah berterusan dan kita telah juga mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak bukan sahaja daripada Kementerian Pembangunan Usahawan tetapi juga kementerian-kementerian lain yang ada dalam negara kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, bahawa pelbagai program telah pun kita lancarkan untuk memberi peluang seberapa ramai usahawan-usahawan bumiputera kita ini untuk mendapat peluang dan juga mendapat latihan-latihan khususnya dalam semua bidang terutamanya usahawan-usahawan kecil kita di luar-luar bandar. Kita telah juga mewujudkan pelbagai pusat termasuk pusat bimbingan usahawan daerah dan juga pusat bimbingan usahawan negeri. Di samping itu, kita juga menyediakan tabung-tabung pembiayaan yang mencukupi untuk mereka yang menjadi usahawan. Saya yakin dalam Rancangan Malaysia Yang Kelapan ini kita akan terus berusaha untuk menambah lagi bilangan atau jumlah usahawan-usahawan yang ada dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas perlantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Soalan tambahan saya, bagaimanakah sambutan peniaga-peniaga kecil bumiputera terutama sekali mereka yang menjalankan perniagaan runcit ke atas program latihan yang diberi oleh kerajaan. Dan saya ingin juga tahu bagi mereka yang telah mengikuti kursus-kursus ini apakah pencapaian yang telah mereka perolehi? Sekian, terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dari segi bilangan penyertaan ataupun jumlah usahawan daripada program-program keusahawanan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan ini setakat hari ini penyertaan daripada usahawan ialah berjumlah 239,782 orang, jumlah penyertaan dari segi program-program keusahawanan yang telah kita laksanakan. Seperti yang saya telah katakan tadi, usahawan yang telah pun berjaya ataupun yang telah kita wujudkan daripada program-program tadi telah saya sebutkan angkanya iaitu, 15,110 orang. Itulah pencapaian yang telah kita capai setakat hari ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Benedict Bujang Tembak.

Tuan Benedict Bujang Tembak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut memberi ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya No. 7.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

7. Tuan Benedict Bujang Tembak minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) adakah benar atau tidak peruntukan bagi beberapa projek sekolah di luar bandar di Negeri Sarawak untuk mengatasi masalah penyediaan bekalan elektrik, jalan raya, rumah guru dan sebagainya sebenarnya dilencongkan ke berapa sekolah di bandar; dan
- (b) jika benar, berapa peratuskah peruntukan tersebut yang terlibat dan mengapa.

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan bahawa peruntukan bagi beberapa projek sekolah di luar bandar di negeri Sarawak dilencongkan kepada sekolah-sekolah bandar adalah tidak benar. Usaha mengubahsuai, membaiki, menaik taraf sekolah dan menyediakan infrastruktur-infrastruktur sekolah yang lain adalah perkara biasa yang dilakukan sebagai usaha berterusan tiap-tiap tahun. Sebagai tambahan kepada usaha ini, pihak Kementerian Pendidikan sedang juga berusaha untuk mendapatkan peruntukan khas bagi mengatasi masalah bekalan elektrik, bekalan air dan rumah guru untuk semua sekolah di Sarawak yang memerlukan kemudahan tersebut. Usaha besar-besaran ini dilakukan akibat daripada lawatan khas rombongan menteri-menteri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini ke sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Pada mutakhir ini ada dakwaan yang dinyatakan oleh beberapa pemimpin kerajaan negeri terutama sekali Terengganu dan Kelantan yang menyatakan Kerajaan Pusat telah menyekat pembinaan sekolah-sekolah di Terengganu dan Kelantan. Apakah dakwaan ini benar dan kalau ianya tidak benar, apakah sebenarnya rancangan Kerajaan Barisan Nasional Pusat untuk

membangunkan prasarana persekolahan ini di Terengganu dan Kelantan? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator itu adalah tidak benar. Kita sedang meneruskan pembinaan sekolah-sekolah baru dan juga mengubahsuai sekolah-sekolah lama seperti biasa yang kita pernah lakukan selama ini.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah pihak kementerian telah membuat pemantauan tentang peratus pencapaian akademik antara sekolah di bandar dan di luar bandar dan adakah pihak kementerian juga membuat pemantauan berkenaan dengan kes-kes salah laku di kalangan pelajar antara sekolah di bandar dan di luar bandar?

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pemantauan ini memang biasa dilakukan, baik daripada pencapaian mahupun kelakuan penyalahan sosial dan jikalau Ahli Yang Berhormat Senator ingin mengetahui secara mendalam, saya akan dapat menyediakannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid.

Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany: Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Soalan saya No. 8.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

8. Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk menswastakan semula perkhidmatan pembedaan kepada syarikat swasta lain.

Timbalan Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga turut merakamkan tahniah dan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua atas perlantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, penswastakan perkhidmatan pembedaan masih berjalan

memandangkan Indah Water Konsortium (IWK) masih merupakan pemegang konsesi dalam penswastaan ini. Kerajaan hanya memperolehi ekuiti dalam syarikat tersebut dan buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk menjual kepentingannya dalam IWK. Oleh itu tidak timbul persoalan akan penswastaan semula perkhidmatan tersebut kepada syarikat lain. Walau bagaimanapun, dimaklumkan juga bahawa kajian semula sektor pembetungan sedang dilaksanakan oleh juru perunding bertauliah. Kerajaan akan mengkaji segala syor dan akan dikemukakan melalui kajian tersebut sebelum membuat keputusan berkaitan status penswastaan yang ada sekarang. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Haji Gapar.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah di atas pelantikan Dato' sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan. Soalan tambahan saya adakah kementerian sedar bahawa orang ramai begitu risau dan juga rasa tidak puas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh IWK ini dan juga caj yang diakui terlalu tinggi sedangkan kita tahu perkhidmatannya tidak seberapa dan ada kawasan yang tidak kena diberi perkhidmatan pun dikenakan bilnya juga. Jadi ini menimbulkan keriuhan peringkat orang ramai. Jadi kita berharap kementerian mungkin mengetahui dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita sedar tentang rungutan yang terdapat dari orang ramai terhadap banyak aspek dari penswastaan pembetungan ini dalam masa yang lepas. Oleh sebab itu maka kita ada jalankan kajian semula tentang pelaksanaannya dan segala rungutan ini akan diambil kira apabila dasar baru dan juga kajian berkaitan dengan status dan sebagainya, apabila juru perunding yang bertauliah yang saya sebutkan tadi akan menghantarkan laporannya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan dan saya yakin dengan pengalaman yang begitu luas Tuan Yang di-Pertua ini maka ini akan membawa banyak kebaikan kepada Dewan yang

mulia ini. Soalan tambahan saya, sejak kementerian mengambil ekuiti dalam perkhidmatan pembedaan IWK ini selain daripada mengadakan kajian, apa lagi langkah-langkah yang telah diambil sebagai pemegang ekuiti dalam syarikat ini untuk memastikan bahawa perkhidmatan ini akan dijalankan dengan lebih baik dan lebih memuaskan. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya selain daripada kajian semula tentang dasarnya, kerajaan juga telah memutuskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan satu projek raksasa mengenai pembaharuan paip-paip yang sedia ada dan juga paip baru yang akan ditanamkan supaya rangkaianannya di seluruh negara terutamanya bandar-bandar besar akan disediakan untuk menjalankan perkhidmatan pembedaan di masa akan datang. Untuk maksud itu satu pinjaman daripada Bank of Japan International Corporation atau JBIC telah didapatkan untuk menjalankan tugas ini dan sejumlah RM1.5 bilion telah didapati daripada pinjaman itu. Duit ini akan digunakan untuk melaksanakan projek yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas perlantikan. Soalan saya No.9.

9. **Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai terdapat banyak kes-kes mahkamah yang tertangguh termasuk kes-kes rogol:-

- (a) berapakah jumlah kes-kes mahkamah yang masih tertangguh pada masa ini dan jumlah kes-kes rogol yang masih tertangguh; dan
- (b) apakah tindakan pihak Kerajaan/mahkamah bagi mengatasi masalah masalah ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan syabas di atas pelantikan yang baru.

- (a) Jumlah kes-kes sivil dan jenayah yang masih tertangguh di Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Majistret sehingga bulan Ogos 2000 adalah seperti berikut:-

Mahkamah	Kes Sivil	Kes jenayah	Kes Saman Jabatan/ Trafik	Jumlah
Tinggi	53,442	1,631	-	55,073
Sesyen	87,746	3,003	-	90,749
Majistret	171,892	55,210	326,593	553,695

Keseluruhannya kes-kes yang tertunggak untuk semua ketiga-tiga mahkamah atau kes Mahkamah Sivil sebanyak 313,080 kes, kes jenayah 29,844, kes saman jabatan dan trafik sebanyak 326,593 jumlah keseluruhannya sebanyak 659,517. Manakala kes rogol di Mahkamah Sesyen, kes rogol yang masih tertangguh adalah sebanyak 488 kes.

- (b) Tindakan yang diambil bagi mengatasi kes tertangguh. Pihak kerajaan telah menambah bilangan hakim dan juga pegawai kehakiman seperti Hakim Mahkamah Sesyen, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi dan Majistret. Kerajaan telah pun meluluskan beberapa jawatan baru di badan kehakiman bagi tujuan ini.

Selain daripada penambahan pegawai mahkamah juga telah menambah jawatan kakitangan sokongan seperti Pembantu Tadbir Undang-undang, Jurubahasa dan juga Pendaftar Mahkamah Rendah. Ketua Hakim Negara dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan telah dari masa ke semasa memberi arahan-arahan kepada pegawai-pegawai kehakiman dan juga hakim berkaitan dengan pelupusan kes-kes pengawalan ke atas penangguhan kes dan juga meneliti statistik pelupusan bagi setiap hakim dan majistret untuk tujuan pemantauan keberkesanan arahan-arahan tersebut.

Operasi penyemakan fail-fail telah dijalankan bagi memastikan fail-fail yang tidak aktif diambil tindakan, dengan mengemukakan surat tunjuk sebab kepada pihak-pihak tertentu, mengapa kes tersebut tidak patut dibatalkan. Operasi ini dijalankan setiap akhir tahun. Pindaan telah dibuat kepada kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Rendah terutama dari segi pengurusan kes. Ini termasuklah memendekkan jangka hayat sesuatu kes dan pindaan-pindaan lain yang bertujuan untuk mempercepatkan pelupusan satu-satu kes sivil. Pindaan ini telah pun berkuat kuasa pada 22 September 2000.

Terima kasih.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: *[Bangun]*

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hazizah dahulu.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Memandangkan kes rogol menjadi-jadi, di mana kita lihat hari ini anak gadis dirogol, nenek dirogol, isteri orang dirogol, kanak-kanak juga dirogol, adakah pihak kerajaan melihat bahawa kes rogol ini melibatkan maruah wanita kerana saya lihat banyak kes-kes rogol ini berlarutan hingga bertahun-tahun. Apakah pihak kerajaan bercadang ataupun menghadkan tempoh masa tertentu kepada kes-kes rogol dan penderaan-penderaan kepada satu jangka masa yang ditetapkan, sama ada tiga bulan, enam bulan supaya kes ini dapat diselesaikan, tidaklah berlarutan sehinggalah bertahun-tahun lamanya. Itu soalan saya, terima kasih.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang kita tidak nafikan kes rogol ini semakin lama semakin meningkat. Tetapi kalau mengikut pemimpin PAS dia salahkan wanita, kata pemimpin PASlah. Kalau itu betul banyaklah kes rogol berlaku di kolam-kolam mandi. Tetapi oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat supaya kita menyekat dalam tempoh tertentu untuk menyelesaikan satu-satu kes, ini mungkin tidak dapat kita laksanakan kerana dalam kes mahkamah di samping pihak pendakwa, pihak yang didakwa juga

mempunyai peguam bela, sudah tentu tempoh untuk membuktikan keadilan di mahkamah ini memang kita tidak boleh tentukan, kerana kita tidak boleh menghalang mana-mana pihak untuk memanggil saksi-saksi untuk memberi keterangan di dalam mahkamah. Jadi sebab itu kita telah pun mengeluarkan arahan-arahan tertentu supaya semua kes termasuklah kes rogol supaya ianya dapat diselesaikan dengan seberapa cepat yang mungkin. Terima kasih.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun:
[Bangun]

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hajah Azizah, beri dia chance sedikit ya.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan tahniah di atas pelantikan sebentar tadi. Soalan tambahan saya, kalau kita lihat daripada jumlah yang diberikan tadi bahawa kebanyakan kes-kes yang tertangguh yang terbanyak sekali ialah di peringkat Mahkamah Majistret. Adakah ini disebabkan banyak majistret yang mengambil tindakan untuk meninggalkan pekerjaan di bidang dalam kerajaan disebabkan oleh gaji mereka yang terlalu rendah. Kalau itu benar, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menaikkan gaji majistret ataupun pegawai kehakiman di peringkat majistret ini. Terima kasih.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Seperti yang telah saya katakan tadi bahawa pihak kerajaan telah pun meluluskan jawatan-jawatan baru dan setakat ini pihak kehakiman masih lagi mampu untuk mengendalikan kes-kes di semua peringkat mahkamah. Mengenai Mahkamah Majistret, memang kita tidak nafikan ada terdapat majistret-majistret yang berhenti, meletakkan jawatan dan menjadi peguam bela dan peguam cara. Namun demikian, ia bukanlah merupakan satu faktor yang menyebabkan kes-kes ini tertangguh terutamanya di Mahkamah-mahkamah Majistret. Kerana bila kita sebut sahaja kes dalam mahkamah ianya bukan sahaja melibatkan majistret sahaja, ianya melibatkan pembela, melibatkan peguam bela, melibatkan saksi-saksi dan ini menyebabkan

pihak-pihak yang terbabit di dalam menjalankan satu-satu kes ini kadang-kadang mereka tidak dapat hadir dalam sesuatu kes maka kes itu terpaksa kita tunda.

Bila kes ini ditunda, maka ianya sudah tentu begitu lambat untuk kita selesaikan, dan kes-kes baru juga semakin banyak kita dapat. Sebab itu ianya terus tertangguh. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya gaji majistret ini dinaikkan, setakat ini kita belum ada cadangan untuk berbuat demikian. Terima kasih.

10. **Datuk Haji Karim Ghani** minta Menteri Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia menyatakan adakah kementerian akan mendesak syarikat yang membekalkan perkhidmatan ASTRO supaya mengadakan program Inggeris dari BBC memandangkan kerajaan menggalakkan rakyat berbahasa Inggeris di mana sekarang hampir semua program Inggeris ada lah dalam bahasa Inggeris ala Amerika.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[**Tuan Chia Kwang Chye**]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada asasnya tidak banyak perbezaan di antara bahasa Inggeris seperti yang digunakan di Amerika Syarikat atau bahasa Inggeris yang digunakan di United Kingdom. Penggunaan bahasa Inggeris ala Amerika tidak dapat dielakkan memandangkan banyak sumber-sumber maklumat dan rancangan televisyen diperolehi daripada Amerika Syarikat. Namun demikian, adalah penting agar masyarakat didedahkan kepada penggunaan bahasa Inggeris secara meluas bagi mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka, terutama bagi tujuan berkomunikasi dengan izin, *English for communication*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek.

Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Dato' di atas pelantikan. Soalan saya No. 11.

11. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada mata pelajaran patriotisme diajar di semua peringkat sekolah dan kolej di Malaysia dan memastikan semua institusi-institusi tersebut menubuhkan kelab-kelab patriotisme bagi memupuk semangat cintakan negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah di atas perlantikan yang penting sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga mengucapkan terima kasih kepada bekas Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Haji Mohamed Ya'acob. Bagi menjawab soalan yang ke-11, patriotisme tidak diajar sebagai mata pelajaran khusus di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, pemupukan semangat patriotik dilaksanakan melalui pendekatan menyeluruh, bersepadu dan merentas kurikulum semua sama ada melalui mata pelajaran, kegiatan kurikulum serta aktiviti-aktiviti sekolah di semua peringkat bermula daripada prasekolah, sekolah rendah dan juga menengah.

Antaranya di peringkat prasekolah Semangat patriotik dipupuk melalui aspek-aspek nyanyian lagu-lagu patriotik dan cerita yang menimbulkan semangat cintakan negara. Di peringkat sekolah rendah diterapkan dalam mata pelajaran kajian tempatan. Selain daripada itu aspek merentas kurikulum dalam semua mata pelajaran. Di peringkat sekolah menengah, menjadikan Sejarah sebagai mata pelajaran teras yang wajib dipelajari dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Di peringkat lepas menengah, walaupun tidak menjadi mata pelajaran yang khusus tetapi diterapkan dalam mata pelajaran wajib seperti Pengajian Malaysia yang dilaksanakan di IPTS sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, melalui kegiatan kurikulum, diterapkan melalui kegiatan pasukan beruniform, persatuan, kelab rekreasi dan sebagainya. Pihak sekolah juga mengadakan program-program seperti Minggu Budaya, Minggu Patriotik, menaikkan jalur gemilang dan aktiviti-aktiviti yang dapat memupuk semangat cintakan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin.

Datuk Zainudin bin Maidin: Memandangkan kecenderungan ke arah penutupan minda yang berlaku di pusat-pusat atau institusi-institusi pengajian tinggi sekarang dan di samping nampak jelas berkembangnya *racial* polarisasi di institusi-institusi pengajian tinggi, maka apakah pihak Kementerian Pelajaran akan mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan semula kegiatan kebudayaan, kesenian dan sukan di institusi-institusi ini.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang Kementerian Pendidikan menjalankan usaha ini dan usaha ini dijalankan secara berterusan. Umpamanya Kementerian Pendidikan menggalakkan supaya penuntut-penuntut yang tinggal di asrama di universiti dapat hidup bergaul ataupun duduk secara satu bilik di antara semua kaum. Yang kedua, perkara sukan memang tidak pernah diputuskan dan kita juga dibantu oleh Kementerian Kebudayaan, Kementerian Belia dan Sukan dalam hal yang berkaitan.

Dalam pada itu juga kita sekarang berusaha supaya sekolah wawasan dimajukan supaya ketakutan daripada Yang Berhormat dapat kita atasi dengan segera dan saya mengharapkan sokongan supaya sekolah wawasan ini jangan disalahtakrifkan sebagai satu penindasan ataupun pengurangan kepada satu-satu kaum, tetapi ianya bertujuan semata-mata supaya semua kaum dapat hidup dengan lebih mesra dan berdekatan daripada sekolah hinggalah mereka lepas sekolah nanti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Koo Lay Hin.

Tuan Koo Lay Hin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga mengucapkan tahniah di atas perlantikan Datuk sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

12. Tuan Koo Lay Hin minta Menteri Penerangan menyatakan apakah benar menurut laporan kononnya RTM pernah menayangkan filem yang diharamkan oleh Lembaga Penapis Filem Malaysia seperti Frankenstein.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, laporan kononnya RTM pernah menayangkan filem yang diharamkan oleh Lembaga Penapis Filem Malaysia seperti filem Frankenstein adalah tidak benar. Semua filem yang ditayangkan oleh RTM telah diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem di bawah Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainuddin bin Maidin.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan. Adakah pihak RTM bercadang untuk menambahkan lagi atau mengadakan tayangan-tayangan filem daripada Timur Tengah terutamanya daripada negara-negara Arab supaya dapat membuka minda

orang-orang kita yang mempunyai persepsi yang salah terhadap kehidupan moden dan kehidupan sosial di negara-negara itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita telah pun mula agak lama menyiarkan filem-filem yang bercorak dan berbentuk moden yang datang daripada Timur Tengah. Malahan dalam bulan puasa ini pun kita menyiarkan tidak kurang daripada lapan tajuk filem-filem yang datang daripada Timur Tengah seperti daripada Iran sendiri yang semuanya menonjolkan cara hidup yang melambangkan ciri-ciri dan nilai Islam yang sebenar dari segi hubungan ke keluargaan, kemanusiaan kerana kita nampak di negara kita sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, ada suatu gambaran seolah-olah Islam itu dapat dikenali ataupun hendak dikenali dengan cara pakaian dan cara gaya hidup yang kononnya betul-betul berteraskan kepa da kehendak Islam itu sendiri tetapi sebenarnya adalah di sebaliknya.

Jadi, kita harap dengan adanya penyiaran filem-filem begini, terutama daripada negara-negara Timur Tengah, ianya akan membuka mata golongan-golongan yang cuba hendak memberikan satu gambaran yang berbeza dan asing tentang agama Islam di tanah air kita ini terutama sekali melalui pakaian, gaya dan gerak-geri yang sebenarnya tidak ada kena mengena dengan agama Islam. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jamilah binti Ibrahim.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya apakah definisi moden dalam perspektif dunia hari ini berbanding dengan martabat moden dalam Islam berkaitan dengan dunia perfileman. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, bila sampai kepada tafsir ianya banyak bergantung dan berkisar kepada pandangan dan perhitungan manusia sendiri. Jadi, saya mempunyai tafsiran yang tersendiri dan Yang Berhormat mungkin mempunyai tafsiran yang tersendiri dan berbeza. Tetapi, pokoknya sebagai suatu tamadun dan agama Islam yang saya tahu merupakan satu agama yang toleran, yang fleksibel, yang menggalak dan mendorong pengikut-pengikutnya supaya mempunyai pemikiran yang terbuka terhadap apa juga perkara

dalam usaha hendak memaju dan memperkembangkan lagi agama itu di muka bumi ini. Terima kasih.

[Soalan No. 13 - Y.B. Dato 'Ting Chee Sii tidak hadir]

14. Datuk Faridah binti Abu Hassan minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah peruntukan yang telah dan akan diberikan bagi tujuan pembinaan sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Dekat mana Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor 14.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Yang Berhormat Datuk, pada masa ini jumlah peruntukan untuk pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah masih dalam peringkat pertimbangan Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Oleh yang demikian, jumlah sebenar untuk peruntukan tersebut hanya akan dapat diketahui setelah mendapat kelulusan agensi berkenaan. Terima kasih.

15. Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah rumah kos rendah yang telah dibina sehingga tahun 2000 dan berapa peratuskah yang belum dijual dan sekiranya ada kenapa berlaku demikian.

Tuan Yang di-Pertua: 15, Menteri Perumahan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Sorry, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sangka soalan ini akan keluar juga [*Ketawa*]. Tuan Yang di-Pertua, sehingga Jun 2000 yang lalu, sebanyak 595,519 unit rumah kos rendah telah siap dibina di seluruh negara dan hanya 5,577 unit rumah kos rendah yang tidak terjual seperti pada Jun tahun 2000 ini. Dari angka ini jelas menunjukkan peratusan rumah kos rendah yang masih tidak terjual ialah 1% sahaja. Secara umumnya di antara sebab rumah kos rendah tidak dapat dijual ialah lokasi projek yang berjauhan dari pusat pertumbuhan.

Jenis rumah yang kurang memenuhi citarasa pembeli dan masalah kelayakan pinjaman pembiayaan akhir atau *end financing* bagi pembeli rumah kos rendah. Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus berusaha dan bekerjasama dengan pemaju

atau agensi kerajaan yang berkenaan supaya rumah-rumah yang tidak terjual ini dapat dijual kelak. Sekian terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah rumah-rumah kos rendah mempunyai keselarasan harganya di seluruh negara? Kalau tidak mengapa?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Yang Berhormat, memang ada harga-harga yang diselaraskan bagi rumah kos rendah ini oleh kementerian saya dan semua harga-harganya yang diputuskan itu dipatuhi oleh kerajaan negeri dan juga agensi-agensi kerajaan negeri yang memajukan rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa bagi jawab lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 13 dan 15 hingga 46 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2000) (No.2) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,. “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[6 Disember 2000]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Dato’ Dr. T. Marimuthu menyambung ucapan.

11.19 pagi

Dato’ Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin mengucapkan tahniah kepada Dato’ atas perlantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato’ Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan saya atas Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2000. Ini mengenai sekolah wawasan. Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed

baru-baru ini menjelaskan bahawa Akta Pendidikan 1996 jelas memberi perakuan dan perlindungan kepada SRJK(C) dan SRJK(T) di seluruh negara. Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga mengingatkan bahawa kuasa yang ada pada Menteri Pendidikan untuk menukar status SRJK kepada sekolah kebangsaan seperti yang terkandung dalam seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 telah dimansuhkan dan tidak ada dalam Akta Pendidikan 1966.

Walaupun jaminan telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai status SRJK(C) dan SRJK(T) dalam konsep sekolah wawasan sebahagian rakyat termasuk pendidik-pendidik Tionghua mengkhawatiri mengenai pelaksanaan konsep sekolah wawasan itu. Mereka bimbang mengenai perkongsian pe lbagai peralatan seperti dewan, padang permainan, kantin dan sebagainya. Ini akan menimbulkan beberapa masalah pentadbiran. Persepsi terhadap sekolah wawasan oleh masyarakat adalah kabur. Kekaburan dan persepsi yang negatif ini boleh diselesaikan jika garis panduan yang bertulis diperlaksanakan dan memperbaiki pentadbiran berdasarkan maklum balas. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya melaksanakan sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti berdasarkan garis panduan yang disediakan. Pelaksanaan konsep ini boleh dimonitor dengan dekat dan evaluate kejayaan atau kegagalan konsep ini.

Tuan Yang di-Pertua, konsep sekolah wawasan ini adalah penting untuk perpaduan masyarakat majmuk dan juga untuk perkembangan pendidikan negara kita. Oleh kerana itu kerajaan harus menerima kekhuatiran daripada beberapa pihak rakyat kita dan berusaha untuk mencapai konsep yang murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit atas perkara yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Dato' Aziz dan juga Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin iaitu mengenai penggunaan dan pembelajaran bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris pada masa sekarang sudah menjadi bahasa dunia. Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa rasmi dalam beberapa negara-negara Komanwel dan juga dalam beberapa negara di Arfika. Bahasa Inggeris juga ditutur oleh beberapa million penduduk di dunia. Bahasa Inggeris *is the language of discovery, invention and production of new knowledge* dengan izin selain daripada bahasa Jerman, bahasa Jepun, bahasa Mandarin dan sebagainya.

Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan kita. Polisi penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan telah dilaksanakan semenjak kemerdekaan iaitu tahun 1957. Pada dekad 50-an dan 60-an pengaruh bahasa Inggeris dalam pentadbiran kerajaan, institusi pendidikan dan sektor swasta adalah kuat. Tetapi daripada tahun 1970 penguatkuasaan polisi bahasa Malaysia telah diperkukuhkan. Pada masa kini bahasa Malaysia digunakan dalam seluruh sektor kerajaan, institusi pendidikan dari sekolah rendah sehingga universiti dan dalam sektor swasta juga. Bahasa Malaysia telah mencapai satu status sebagai bahasa nasional ditutur oleh majoriti rakyat Malaysia. Status ini tidak boleh dikompromi. Status yang dicapai oleh bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan adalah membanggakan. Kita harus ucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan, universiti-universiti yang telah berusaha dengan gigih untuk mempertingkatkan prestasi bahasa Malaysia di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka semenjak ditubuhkan telah menterjemah beberapa buku-buku teks, perkataan teknikal dan juga beberapa konsep sains dan teknologi untuk dipergunakan oleh murid-murid kita dan penuntut-penuntut kita. Kita harus memberi penghargaan kepada tokoh-tokoh iaitu Tuan Said Nasir bin Ismail, Pengarah pertama DBP, Datuk Haji Hassan bin Ahmad, Dato' Haji Aziz bin Deraman, Datuk Haji Jumaat bin Dato' Haji Mohamad Noor, Dr. Iskandar dan beberapa tokoh yang lain telah berkhidmat dengan bersungguh-sungguh bagi meninggikan status bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di institusi pendidikan dan juga sebagai bahasa rasmi negara kita.

Dalam tempoh pelaksanaan polisi bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan mata pelajaran Bahasa Inggeris telah diketepikan, sikap kepada pembelajaran Bahasa Inggeris telah menjadi negatif oleh bukan sahaja murid-murid, pelajar-pelajar tetapi juga ibu bapa, ahli-ahli politik dan rakyat jelata. Oleh kerana itu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris telah merosot sehingga Bahasa Inggeris diajar melalui Bahasa Malaysia. Guru-guru Bahasa Inggeris tidak begitu fasih dalam bahasa ini. Kita telah hilang satu aset ataupun modal pendidikan yang dipunyai oleh negara kita pada masa kemerdekaan. Dan saya ada di sini UPSR results pada tahun 2000 pencapaian dalam Bahasa Inggeris oleh sekolah kebangsaan adalah 56%, SJK(C)

adalah 63% dan SJK(T) adalah 45%. Walaupun prestasi ini boleh dikatakan tidak begitu menggalakkan tetapi murid-murid yang telah lulus Bahasa Inggeris tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris. Inilah keadaan kita pada masa sekarang.

Prestasi Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar adalah terlalu rendah. Golongan daripada luar bandar tidak boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris. Oleh kerana itu mereka tidak boleh mendapat manfaat yang penuh daripada era IT. Mereka tidak boleh access atau source knowledge ataupun maklumat daripada Internet menggunakan email dan mengambil bahagian dalam masyarakat digital dengan sepenuhnya. Ini adalah satu disservice kepada golongan ini. Mereka menjadi satu golongan yang tersekat di mana mereka tidak boleh menerima maklumat-maklumat yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan Kementerian Pendidikan yang ingin memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan bahasa Inggeris. Saya percaya bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam institusi pendidikan dan sektor-sektor lain akan menyedarkan rakyat kita kepada keekonomi.

Saya juga ingin mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk melengkapkan satu famili dengan satu komputer khususnya keluarga di luar bandar. Saya harap polisi satu keluarga satu komputer akan menyediakan tenaga manusia kepada keperluan keekonomi dan juga untuk menghadapi cabaran-cabaran yang muncul daripada proses globalisasi. Ini juga akan mengurangkan jurang perbezaan dan digital divide di antara kawasan luar bandar dan bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' boleh hentikan satu minit ya. Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat.

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Long bin Jidin: Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya amat bersetuju dengan pendapat Gabungan Pelajar Malaysia Semenanjung (GPMS) bahawa penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar dijadikan agenda negara tetapi saya

tidak begitu selesa dengan cadangan mereka mewujudkan sekolah aliran bahasa Inggeris. Cadangan ini tidak praktikal dan akan menimbulkan dan membawa beberapa masalah untuk negara kita. Apa yang diperlukan pada masa sekarang adalah satu kajian dan review comprehensive mengenai keadaan bahasa Inggeris daripada kindergarten sehingga ke universiti dan penguasaan bahasa Inggeris di perkhidmatan awam.

Selepas ini Kementerian Pendidikan dan kerajaan harus mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris. Jika perhatian yang serius dan tindakan yang serta merta tidak diambil negara kita akan di *left behind* dalam era globalisasi dan era teknologi maklumat.

Pada permulaan memperkukuhkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di peringkat tadika dan sekolah rendah. Jika kita mempertingkatkan prestasi bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah usaha kita akan dimudahkan. Kementerian Pendidikan juga memberi galakan dan insentif kepada IPTS untuk mengadakan beberapa kursus bahasa Inggeris untuk golongan yang tidak fasih dalam bahasa Inggeris. Ini adalah penting. IPTA dan IPTS boleh bekerjasama dalam usaha ini untuk mempertingkatkan prestasi bahasa Inggeris di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai B.14 iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Baru-baru ini saya memerhatikan satu kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa mulai tahun 2001 para pemaju perumahan diminta merizabkan 40% daripada jumlah kawasan dimajukan. Ini adalah untuk memberi lebih banyak kemudahan sosial dan rekreasi bagi menangani gejala keruntuhan moral di kalangan remaja.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah mengharamkan arked permainan video. Cadangan rizab kawasan dan tindakan mengharamkan permainan video dialu-alukan. Tetapi kementerian harus memberi peluang yang alternatif kepada kalangan remaja. Jika tidak mereka akan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus bermesyuarat dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk memberi peluang yang alternatif.

Mengenai tanah rizab, kementerian harus menjaga bahawa tanah rizab ini tidak digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang lain, melainkan bagi kegiatan sosial dan rekreasi. Saya sedar bahawa beberapa lapangan permainan telah digunakan untuk bangunan dan *shopping centers*. Apa kita katakan *green belt* atau *green lung* sekarang telah hilang selepas dua atau tiga tahun. Saya harap kementerian ini harus melaksanakan cadangannya dengan serta merta supaya penghuni kawasan perumahan itu akan menikmati kehidupan yang berkualiti dan sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit atas B.36 iaitu Polis Diraja Malaysia, oleh kerana ini adalah berkaitan dengan keselamatan negara iaitu mengenai pilihan raya kecil di Lunas. Malaysia adalah negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Rakyat memilih wakil-wakil untuk mempertahankan kepentingan mereka. Di seluruh dunia, cara memilih wakil rakyat kepada Parlimen telah ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Saya pun telah menghadapi beberapa pilihan raya.

Dalam negara kita, beberapa pilihan raya yang telah dijalankan semenjak kemerdekaan negara kita, telah dijalankan dengan lancar dan licin. Tidak ada insiden-insiden yang tidak diingini dilakukan. Ucapan tahniah kepada SPR. Saya sendiri telah mengambil bahagian sebagai calon di Teluk Kemang pada tahun 1990 dan membantu dalam kempen pilihan raya pada tahun 1995 dan juga 1999. Kedua-dua pilihan raya kecil itu telah dijalankan dengan sebaik-baiknya. Tetapi pilihan raya kecil di Kawasan Parlimen Teluk Kemang dan kawasan Lunas yang diadakan pada tahun ini, tidak begitu baik.

Saya pun terkejut dengan cara dan pendekatan yang digunakan oleh parti pembangkang pada masa tempoh kempen. Ahli-ahli parti semasa berkempen telah menjadi agresif dan *abusive*. Pada hari penamaan calon, sekumpulan penyokong parti pembangkang telah bertindak ganas dengan melompat naik ke atas bonet dan bumbung kereta ADUN Merbau Pulas, Kedah. Beberapa ahli parti BN pun telah diugut. Saya difahamkan bahawa Timbalan Menteri KDN, Dato' Chor Chee Heung pun telah kena.

Pada hari mengundi, penyokong parti pembangkang menahan bas penyokong parti BN dan merampas kad pengenalan mereka. Hari ini, *Utusan Malaysia* ada satu rencana iaitu mengenai "Lunas Dirampas Melalui Politik Kotor". Saya ingin petik

sedikit daripada artikel ini, “*Mereka memaki hamun, menjerit, memekik, mengugut, mencarut dan menunjukkan tanda-tanda lucah dengan tangan mereka kepada orang ramai*”. Tindakan ganas yang dilakukan oleh ahli dan penyokong KeADILan pada hari mengundi itu, dengan mengambil kuasa polis seperti menahan kenderaan orang awam, merampas bas, memecah bas, memeriksa kad pengenalan, mengugut atau mengancam orang ramai, jelas melanggar undang-undang negara.

Tindakan-tindakan seperti ini tidak boleh diterima. Jika polis dan SPR tidak mengambil tindakan yang wajar, saya fikir pilihan raya yang akan datang akan keadaan akan menjadi serius dan teruk sekali. Saya meminta SPR menyemak semula syarat-syarat dan cara-cara kempen untuk menentukan pilihan raya dijalankan dengan lancar dan licin seperti yang dahulu.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Long bin Jidin: Sila Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu.

11.40 pagi.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyentuh satu perkara sahaja iaitu pendidikan.

Pada tahun lepas, keputusan peperiksaan UPSR di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) amat teruk dan membimbangkan iaitu 0% tetapi selepas itu pada tahun 2000, kerajaan atau Kementerian Pendidikan telah menyedari masalah ini serius Justeru itu, pencapaian iaitu 0.7%, sekolah Tamil telah mewujudkan sedikit perkembangan. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana mengambil tindakan yang intensif.

Walaupun keputusan peperiksaan UPSR tahun 2000 menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.7% dalam Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Malaysia, tetapi apabila ditinjau keputusan setiap mata pelajaran, didapati bahawa mata pelajaran Sains dan Matematik menampakkan peningkatan 7.2% dan 3.0%.

Walaupun kerajaan menekankan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah, tetapi ini kemungkinan kurang berhasil jika kerajaan membiarkan SRJK (Tamil) mencapai peratus kelulusan di bawah taha lulus di mana dalam Kertas Bahasa Melayu, menampakkan penurunan sebanyak 0.6% iaitu daripada 44.5% pada tahun 1999 kepada 43.9% pada tahun 2000. Di samping

itu, terdapat peningkatan dalam Kertas Bahasa Melayu (Penulisan) sebanyak 40.3% iaitu 24.9% pada tahun 1999 kepada 39.2% pada tahun 2000 tetapi masih berada di bawah tahap lulus.

Pencapaian yang tidak seimbang disebabkan oleh kualiti pengajaran dan pembelajaran di SRJK(Tamil) tidak sistematik dan kurangnya guru terlatih yang berpengalaman untuk mengajar murid-muridnya menduduki UPSR. Kemudahan kelengkapan pengajaran seperti pusat sumber, perpustakaan dan sebagainya, khususnya SRJK(T) di ladang atau luar bandar. Keadaan sedemikian turut dialami di sekolah kebangsaan di luar bandar.

Pengajaran Bahasa Melayu diajar sebagai bahasa kedua selepas Bahasa Tamil, maka murid-murid memang lemah dalam mata pelajaran itu. Guru yang mengajar Kertas Bahasa Melayu kurang pendedahan dan pengalaman dalam Kertas Bahasa Melayu, khususnya kertas Pemahaman kerana bentuk soalan yang ditanya lebih sukar berbanding sekolah kebangsaan. Kerajaan harus menambah pengambilan ke maktab perguruan, khususnya untuk mata pelajaran Bahasa Melayu kerana terdapat guru sambilan yang mengajar mata pelajaran berkenaan.

Kemudahan ICT adalah perlu untuk mengorak dan mewujudkan generasi muda berbanding dengan pendidikan tinggi ke arah Wawasan 2020. Jika meninjau SRJK(Tamil), didapati dari 526 SJK(Tamil), hanya 48 buah sekolah Tamil memiliki lebih daripada 10 unit komputer yang dikhaskan untuk pengajaran dan pembelajaran untuk murid-murid di SJK(Tamil). Ini menunjukkan SJK(Tamil) tidak mempunyai kemudahan komputer untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Saya berharap kerajaan akan bertindak supaya semua murid-murid SJK(Tamil) berpeluang menimba kemudahan komputer lebih daripada 78% SJK(Tamil) yang berada di luar bandar yang kebanyakan ibu bapa tidak mampu membiayai anak-anak mereka ke kelas komputer yang dijalankan oleh pihak swasta. Ini memerlukan perhatian kerajaan. Kemudahan komputer harus ditingkatkan di SJK(Tamil) supaya murid-murid SJK(Tamil) dapat didedahkan dengan pengetahuan ICT. Guru-guru mestilah dilatih dengan pengetahuan ICT supaya mengajar balik kepada murid-murid SJK(Tamil).

Kerajaan harus menyediakan kemudahan yang ada kaitan seperti OHP, Astro, peralatan pendidikan dan sebagainya untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan murid-murid. Sekian sahaja, terima kasih., saya menyokong.

Tuan Long bin Jidin: Ada lagi Yang Berhormat? Ya, Dato' Lee Pit Chern. Silakan.

11.48 pagi.

Dato' Lee Pit Chern: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dengan harapan bahawa wabak penyakit tangan, kaki dan mulut ataupun dikenali sebagai HFM akan berakhir.

Saya mencadangkan kerajaan menubuhkan pusat kawalan penyakit untuk memantau, mencegah dan juga mencari penyelesaian bagi wabak-wabak tertentu. Kanak-kanak di negara kita bukan sahaja diserang HFM yang pada mulanya hanya di dapati di Singapura. Malah, pada tahun ini wabak taun juga berlaku di negeri Kelantan di mana sesetengah sekolah terpaksa ditutup disebabkan oleh serangan wabak taun.

Selain daripada HFM dan wabak taun, kanak-kanak negara kita juga diserang oleh virus Coxsackie, apatah lagi virus JE dan juga Nipah pada tahun yang lalu. Saya sedar bahawa wabak tidak mengenal sempadan negara. Dengan komunikasi yang berkembang dengan pesat di dunia, penyakit menular dengan cepat. Oleh itu, penyelarasan dan kerja sama di antara negara adalah sangat penting.

Jadi bagi pihak Singapura, kerjasama bukanlah setakat jual air kepada mereka ataupun orang Malaysia bekerja di sana sahaja, ini termasuklah penyelarasan dari segi memantau penyakit dan lain-lain aspek.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Malaysia mempunyai pakar-pakar yang mampu untuk mengenal pasti kuman-kuman ataupun virus-virus seperti apa yang dikaji oleh pakar-pakar perubatan di Amerika Syarikat, Center of Disease Control atau dikenali sebagai CDC di Atlanta. Saya bercadang kerajaan menimbangkan cadangan untuk menubuhkan CDC di negara kita sendiri dengan menggembe ling

tenaga dari semua universiti tempatan yang mempunyai fakulti perubatan seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan juga Universiti Sains Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang ini, saya percaya Malaysia boleh dan kita harus cuba mewujudkan sesuatu pusat sedemikian. Penyelarasan dan kerjasama di antara Malaysia dengan CDC di dunia juga akan dipertingkatkan sambil menerima pertolongan dari negara-negara lain, kita pun boleh menolong negara-negara lain. Professor Lum Sai Kit daripada Universiti Malaya telah mengesan virus baru semasa wabak JE di mana virus baru itu dinamakan sebagai Virus Nipah, tempat asal virus tersebut. Penyakit di kawasan tempatan boleh dikesan oleh pakar perubatan tempatan dan ini juga sudah terbukti.

Selain daripada ini, saya menyeru kerajaan memandang berat tentang kes-kes tragedi di mana orang yang tidak siaman yang telah bunuh jiran ataupun saudara-mara mereka, ini perkara yang serius dan saya tidak faham mengapa ia memakan masa yang panjang oleh pihak kementerian menubuh sesuatu rang undang-undang yang baru untuk pesakit-pesakit jiwa ini. Satu kes di Miri di mana 6 orang termasuk kanak-kanak telah dibunuh. Beberapa kes juga telah dilaporkan di Kelantan dan merata-rata tempat. Masalah utama mereka ialah tiada tempat yang sesuai untuk mereka dan tanpa penjagaan yang baik, kadangkala mereka tidak makan ubat berikut dengan jadual. Ini bermaksud, keadaan mereka tidak dikawal. Tambahan pula, mereka tidak ditempatkan di hospital swasta. Pandangan masyarakat terhadap mereka dan keluarga mereka turut menjadikan mereka dilihat dengan sesuatu stigma.

Di sini saya perlu tegaskan bahawa orang yang sakit jiwa merupakan pesakit juga dan mereka ini tidak berdosa. Mereka tidak seharusnya dibiarkan oleh ahli-ahli keluarga ataupun masyarakat sedemikian sahaja. Saya percaya saranan yang dibuat oleh pihak MMA - Malaysia Medical Association yang meminta pihak insurans meliputi perlindungan untuk mereka yang sakit jiwa seolah-olah batu yang dilemparkan ke dalam laut. Pihak insurans tidak akan berminat untuk memberi coverage kepada mereka ini yang dianggap sebagai tidak ada peluang sembuh melainkan memakan ubat sepanjang hayat mereka.

Selain daripada ini, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini supaya memberi perhatian terhadap doktor-doktor yang berkhidmat di hospital-

hospital kerajaan. Jurang gaji yang diterima oleh doktor yang berkhidmat di hospital swasta jauh lebih tinggi daripada mereka yang berkhidmat di sektor awam. Begitu juga nisbah doktor di kawasan bandar jika dibandingkan dengan kawasan luar bandar terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Ramai di antara mereka berhijrah ke sektor swasta kerana tertarik hati dengan gaji tinggi, masa kerja yang pendek dan juga prestasi yang dinikmati oleh mereka. Juga kita melihat doktor di hospital kerajaan, gaji mereka jauh lebih rendah daripada mereka yang berkhidmat di hospital swasta. Masa kerja mereka panjang dan mereka terpaksa berjumpa pesakit-pesakit yang ramai.

Inilah gejala-gejala yang tidak seimbang yang wujud di negara kita. Bagi pakar specialist ataupun consultant pendapatan mereka jauh lebih tinggi. Keadaan ini dijangka berterusan dan jurang ini semakin besar dengan kos perubatan kian mahal. Perkhidmatan perubatan yang diberi oleh kerajaan juga semakin penting kerana kos perubatan di sektor swasta akan melambung tinggi sampai tahap di mana bukan semua lapisan masyarakat yang mampu bayar kos yang tinggi ini. Saya harap kebajikan doktor-doktor yang berkhidmat di sektor awam boleh diperbaiki walaupun gaji mereka tidaklah setinggi dibandingkan dengan gaji doktor di sektor swasta. Kebajikan mereka boleh ditingkatkan misalnya mereka diberi elaun perumahan, peluang melanjutkan pelajaran dan sebagainya sebagai perangsang untuk mereka berkhidmat di sektor awam.

Demikian juga bagi jururawat-jururawat di hospital kerajaan. Saya mendapati kerja mereka terlalu berat dan banyak ataupun overloaded, dengan izin. Pendapatan mereka juga rendah jika dibandingkan dengan mereka yang berkhidmat di hospital swasta ataupun luar negeri. Pada masa dahulu, ia merupakan pekerjaan yang disanjung tinggi tetapi pada masa ini, ia merupakan kerja di mana pendapatannya kurang lumayan. Saya bercadang kerajaan mewujudkan skim insentif bagi mereka sebagai pulangan untuk mereka yang rela bekerja dengan sepenuh dedikasi.

Sekian sahaja ucapan saya, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin : Sila Datuk Ghazi.

12.00 tgh.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Akta Perbekalan Tambahan 2000. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Michael Chen yang telah dilantik selaku Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara sebentar tadi dan juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan serta penghormatan setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Tan Sri Mohd. Yaakob, bekas Yang di-Pertua Dewan yang telah pun menjalankan tugas dengan baik dan begitu understanding dengan Ahli-ahli Yang Berhormat semasa beliau menjalankan tugas dan Alhamdulillah, beliau masih bersama-sama dengan kita dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tiga perkara sahaja, tiga kementerian iaitu B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, B.19 Kementerian Pertanian dan B.26 Kementerian Pendidikan.

Pertamanya, B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan khususnya kementerian ini yang telah pun mengambil langkah utama untuk mengharamkan video game di seluruh negara. Ucapan tahniah juga saya sampaikan kepada kerajaan-kerajaan negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan yang berkaitan yang ada masalah video game dan kesannya amat memberangsangkan sekali. Ini menunjukkan bahawa dengan kuasa yang ada pada kerajaan sebarang masalah boleh diselesaikan jika kita hendak. Contoh, video game yang pada mulanya nampak seolah-olah terlalu rumit untuk diselesaikan nampaknya boleh diselesaikan, Alhamdulillah.

Yang agak mengelirukan rakyat termasuk saya sendiri ialah baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula mengumumkan yang ada kelonggaran sedikit diberi. Kelonggaran kalau tempat dia begini, premis dia begini, boleh pula. Bila kita sudah mula keras, kemudian kita mula boleh, ini permulaan bibit kita menanam sebenarnya benih untuk masalah yang lebih besar pada masa depan. Saya mengharapkan pihak kerajaan untuk betul-betul tegas, kalau sekali sudah buat keputusan, habis cerita.

Oleh kerana saya pun agak keliru, saya melawat laman web Jabatan Kerajaan Tempatan ini pagi tadi dan saya ingin mendapat maklumat terkini sebab kekecualian

yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu agak tidak saya faham dan saya ingin berkongsi pendapat dengan ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Malangnya saya tidak dapat maklumat itu kerana dalam ruangan yang dikemas kini pada 2 Ogos tahun ini, yang terkini yang dapat ialah hanya maklumat tentang lawatan Menteri yang berkenaan di Majlis Daerah Kuala Kangsar pada 18 April 2000. Jadi perkara yang begini dalam laman web pun kita tidak dapat terkini. Oleh kerana itu saya minta pihak kerajaan memberi penerangan sejelas-jelasnya, kalau tidak, pendirian tegas yang begitu cemerlang kita capai, kita juga memulakan kelemahan dan ketidaksahihan atas keputusan kita itu.

Perkara yang berkaitan ialah mengenai kos rendah. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada sedikit menyebut mengikut Jun 2000. Saya juga dapat daripada laman web, saya hendak komen juga. Angkanya berlainan, saya tidak tahu mana yang betul tetapi angka saya ini ada dalam tangan dan yang ditunjukkan di sini kos rendah, kos sederhana, kos tinggi, jumlah dan sebagainya. Statistik yang ditunjuk ialah peratusan 89.4% pencapaian mengikut RMK-7 dibandingkan dengan sasaran sebanyak 800,000. Daripada 800,000 sasaran, pencapaiannya 715,172 bersamaan 89.4%. Statistik ini sekali pandang nampak baik tetapi yang lebih mustahak ialah kita mesti memberi fokus kepada masalah yang paling rumit, yang paling rakyat ingin melihat jawapan dan komitmen kerajaan iaitu pembinaan kos rendah.

Kalau kita melihat pembinaan kos rendah, statistiknya tidak diberi, ada diberi dari segi angka bulat tetapi perangkaan dari segi peratusannya tidak diberi, saya harap laman web ini pun boleh dikemas kini supaya maklumatnya agak lebih terkini dan lebih bermakna untuk pengguna-pengguna seperti saya dan rakan-rakan lain. Kalau tidak, kita kena buat kerja lebih, bukanlah susah sangat tetapi kena cari juga alat hendak tekan, hendak dapat peratus (percentage) dan sebagainya. Sebagai contoh, kos rendah 253,000 sasaran; yang dapat, yang mencapai 192,521 mengikut congkak saya, 76% pencapaian, not bad.

Tetapi kalau kita lihat kos tinggi, tengok kos tinggi. sasaran RM85,000, yang pencapaiannya RM206,081. Ini bersamaan 242% lebih lagi daripada yang disasarkan. Jadi, kos tinggi ini kita lebih banyak tetapi yang kos rendah tak cukup. Ini masalah

rakyat sekarang. Jadi, kalau begini kuasanya ada pada kita, tadi saya sudah sebut video game baik, hebat, kita juga kena kontrol, kena menunjukkan kuasa bila kita bercakap dengan pemaju-pemaju, kerana kalau boleh pemaju ini semuanya hendak buat untung. Jelas dalam statistik ini kalau kita lihat taburan dalam negeri pun yang tinggi ialah negeri Selangor - RM157,000, yang kedua tingginya Johor - RM113,000, yang ketiga tingginya Sarawak - RM74,000 kos rumah yang dibuat.

Jadi, pada saya pihak kerajaan hendaklah tegas dan kalau mesti diambil balik lesen atau kebenaran atau keputusan mereka membina rumah, kalau lama tak bina, gunakan kuasa, ambil balik kuasa itu supaya mereka tidak layak lagi membuat pembinaan bangunan dan diberi kepada pihak-pihak lain yang berkebolehan.

Seperkara lagi mengenai rumah kos rendah ialah polisi yang dibuat oleh pihak Kerajaan Persekutuan sendiri. Ini berlaku di negeri Selangor dan saya tahu dengan agak secara detail. Biasanya rumah kos rendah dibina rakyat menunggu-nunggu untuk membeli rumah ini kerana harganya berpatutan. Tetapi dalam satu kes yang dikatakan hanya boleh disewa sahaja, tak boleh dibeli. Apabila semasa disewa, rakyat mengatakan bahawa kerajaan selalu melaung-laungkan bahawa rumah kos rendah ialah untuk dimiliki oleh rakyat yang mampu tetapi tak boleh. Ini hanya boleh sewa. Maka pemimpin tempatan termasuklah saya sendiri cuba membuat rayuan supaya diberi kelonggaran, kita buat sewa beli, jadi, *strike in between*. Kalau tak boleh beli jangan bagi sewa, kita sewa beli, jadi dia boleh bayar sewa sikit-sikit RM140 akhirnya ada kemudahan untuk kita beli.

Pada saya, ini satu langkah yang bukan kreatif sangat sebab perkara ini berlaku dalam dunia industri kewangan dalam kita membeli-belah barang-barang dan sebagainya. Mengapa tidak pihak Kerajaan Persekutuan mengambil langkah ini dan menawan hati rakyat bahawa kalau itulah kehendak rakyat dan dia mampu bayar kita beri peluang kepada mereka untuk membeli rumah itu pada akhirnya.

Tuan Zainal bin Rampak: Yang Berhormat, maaf, soalan tambahan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, dari pandangan Yang Berhormat, rumah murah ini, yang pertama berapakah jumlah bilik yang cukup untuk kalangan mereka yang berpendapatan rendah yang keluarganya ramai.

Soalan kedua, berapa sebenarnya harga rumah murah, pada pandangan Yang Berhormat, harus dijual kepada mereka rakyat yang berpendapatan rendah kerana kos yang kita tengok berbeza-beza di antara RM45,000, RM60,000 yang telah diisytiharkan oleh kerajaan. Jadi, pada pandangan Yang Berhormat berapakah jumlah yang patut ditetapkan oleh kerajaan, rumah kos murah yang mampu disewa dan akhirnya dibeli oleh mereka yang berpendapatan rendah.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Soalan pertama tentang berapa bilik yang baik, sekarang ini dalam keadaan terkini sudah lebih banyak bilik daripada dahulu. Dahulu hanya dua bilik, sekarang sudah standard, tiga bilik.

Mengenai harga ini adalah soal relatif. Saya katakan kalau ditanya pandangan saya lebih murah RM25,000, yang dahulunya dikenali lebih baik. Tetapi mungkin harga RM 25,000 itu tidak begitu realistik dalam suasana tempat di Petaling Jaya, masalah yang saya bercakap. Oleh kerana itu, kita boleh *convince* masyarakat setempat oleh kerana beberapa faktor yang tertentu, maka kita hendaklah kena bayar lebih daripada RM25,000, umpamanya RM36,000, yang lainnya RM42,000. Apabila kita berhujah memberi sebab-musabab yang agak logik kepada mereka dan tidak ada pilihan lain, nampaknya, mereka boleh menerima. Oleh kerana mereka boleh menerima dalam harga yang begini, pada saya sudah menjadi satu pencapaian. Maka sekarang tanggungjawab besar pihak kementerian dan kerajaan menawan hati rakyat dengan memberi fleksibiliti cara hendak membeli ini yang saya kata kaedah sewa beli tadi. Itu jawapan saya kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Syarikat Perumahan Negara - saya ucap tahniah, baru-baru ini dibuat pengumuman bahawa Syarikat Perumahan Negara sekarang pun hendak memberi penumpuan kepada pembinaan rumah kos rendah. Nampaknya mereka prihatin tentang masalah statistik yang telah saya tunjukkan. Insya-Allah, kalau mereka menjadi Syarikat Perumahan Negara mempunyai ongkosnya yang baik, mempunyai kedudukan dan *influence* yang baik, saya harap di mana sahaja projek terbengkalai atau diterbengkalai kita kena tarik balik lesen buat rumah kos rendah tadi, Syarikat Perumahan Negaralah yang menjadi jawapannya. [*Bunyi sesuatu di belakang*] Saya sangat bersetuju....Tak ada apa-apa? Tak ada apa-apa, alhamdulillah. Kalau ada apa-

apa kita kena *react* kepada masalah dahulu. Setiap masalah mesti diberi jawapan, insya-Allah. Jadi, itulah harapan saya mengenai Syarikat Perumahan Negara.

Kemudian, saya hendak pergi terus kepada B.19, Kementerian Pertanian. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang baru, Yang Berhormat Datuk Effendi Norwawi, seorang tokoh korporat yang terkenal dahulu kerana membawa pembaharuan dalam Kementerian Pertanian. Dalam masa turun berkempen di Teluk Kemang baru-baru ini saya berkesempatan bersama-sama dengan dia sambil makan mendengar cerita tentang wawasan pertanian yang baru yang juga diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mendengar ceritanya, saya begitu yakin (*convince*) bahawa corak, bentuk kepimpinan Kementerian Pertanian dengan disokong diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengalami satu perubahan baru. Barunya ialah kita hendak anak muda ada identiti dengan pertanian. kalau kita ingat sejarah dahulu semasa kita muda di sekolah orang menganggap orang berniaga ini tak baik, semua hendak jadi pegawai kerajaan kerana *glamour*. Tetapi sekarang kerana kejayaan DEB, orang berniaga itu menjadi buruan dan mempunyai tempat yang baik dalam masyarakat.

Sekarang kerana wawasan itu saya nampa k baiknya ialah sekarang kita boleh memberi tempat kepada pemuda-pemudi baru dalam bidang pertanian, memberi pengiktirafan yang baru, seolah-olah kita melalui satu *cycle* yang lain berlandaskan kejayaan kita boleh kita memberi keistimewaan ataupun kebolehan berniaga kepada masyarakat bumiputera.

Dalam usaha untuk membuat persediaan bercakap hari ini, saya pun kata kita kena pergi melawat laman web. Jadi, kita pun tumpang hendak tengok sebab hendak dapat bahan terkini mengenai wawasan pertanian yang baru. Apa yang saya dapat. Pertama, saya ucap tahniah kerana memang cantik, menarik dan gayanya sungguh baik dan diuruskan oleh *Agrolink* yang ditulis - Setiausaha Parlimen pun ada di sini. Amat baik, menarik dan bermanfaat dari segi yang diberi. Cuma bila saya *click* pada objektifnya, tujuan, fungsinya dan ingin melihat pada wawasannya yang telah saya dengar secara lisan tadi dalam laman web tak ada.

Jadi, *assignment* saya menurun, yang tadi hangat paras sudah jadi lemah longlai dan sejuk macam dalam *air-cond* 15 darjah *centrigrade*. Jadi, Yang Berhormat

Setiausaha Parlimen ada di sini, saya harap kalau sudah laman web secantik itu biarlah kita berisi dengan benda-benda yang agak strategik yang kita ingin mengetahui. Semua sudah baik tetapi boleh dibaiki seka li lagi.

Saya mengikuti yang lain ada juga Bahasa Melayu, cuma malangnya yang kementerian punya hanya Bahasa Inggeris. Ini Dato' Zainuddin bercakap semalam, inilah cara sebenarnya kalau kita bercakap hendak bawa *Desa Internet*, hal ini hendak bawa ke kampung, hendak merapatkan jurang digital, pertamanya ialah biarlah laman web Kementerian Pertanian yang kita hendak pelopori itu pun ada dalam Bahasa Malaysia. Jangan hanya MARDI. MARDI okay, saya hendak komen MARDI ini ada dwi-bahasa. Tetapi *the main* kementerian tidak ada. Itu satu.

Kemudian, saya pergi ke MARDI. Apakah kisah MARDI ini. Saya hendak tahu MARDI kerana MARDI ini merupakan satu badan penyelidikan dan pembangunan yang hebat dalam dunia pertanian. Terlintas dalam fikiran saya kalau sekiranya kita ingin mencapai wawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, hendaklah dimanfaatkan semaksimum mungkin kedudukan MARDI itu. Jadi, kita pun tengoklah MARDI.

Alhamdulillah, kita dapat maklumat yang baik. Cuma saya dapat daripada amanat Ketua Pengarah, saya nampak gambar dia semua elok tetapi saya cari nama dia tak ada. Dari segi maklumat ini kita cuba fikir dari segi *totalitynya*, kena ada A sampai Z, kita hendak tahu juga, kalau saya nampak dia siapa hamba Allah ini. Saya kena pergi ke tempat lain dan kemudian barulah saya berjumpa bahawa yang bernama Ketua Pengarah ini ialah Dr. Saharan Haji Anang, betul Yang Berhormat ya, baiklah.

Yang saya tertarik ialah dalam ini pun disebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun telah memberikan wawasan baru ke atas bidang pertanian dan menaruh harapan yang tinggi kepada MARDI. MARDI telah dipilih sebagai agensi peneraju atau *lead agency* dalam melaksanakan matlamat menjadikan sektor pertanian sebagai *engine of growth*. Ini baik sekali. Saya nampak ada relevan dengan wawasan pertanian tadi, berteraskan teknologi. Saya ucap tahniah kepada MARDI, Ketua Pengarah khususnya kerana menyebut yang ini. Ini saya amat berkenan kerana memang secocok dengan pemikiran saya sendiri. Kata dia “*kita perlu beriltizam*

untuk melakukan satu anjakan pemikiran”, change paradigm shift mind set dan gaya bertindak, cara kita bertindak. Kata dia, “saya mengesyorkan supaya kita bermula dengan anjakan mental dan diikuti anjakan budaya bekerja.”

Syabas kepada MARDI, syabas Ketua Pengarah dan keseluruhannya. Cuma saya harap *statement* sedap yang dibuat dalam kata pengantar ini dapat direalisasikan dalam bentuk pelan-pelan tindakan dan insya-Allah, akhirnya dalam bentuk hasil apa yang telah kita dapat.

Bila saya perhati lagi hendak dapat kisah terkini dalam laman web MARDI ini, ada yang terkini, katanya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *'The Opening of Sesang MARDI Station cum Tropical Pit Soil Research Centre.'* Saya tak payah *translatelah*, saya anggap sebagai maklum - dan dimasukkan dalam satu muka itu sebanyak 32 gambar yang sebesar setengah ibu jari saya. Itulah maklumat mengenai tajuk *The Opening of Sesang MARDI Station cum Tropical Pit Soil Research Centre.* Saya masih terharu dan tertanya-tanya apa benda Allah ini.

Jadi, mesej saya ialah boleh buat. Jangan hanya *excited* letak 32 buah gambar, kalau gambar itu tidak memberi manfaat kepada yang melihat gambar. Tujuan penggunaan multimedia ialah untuk memberi kefahaman yang lebih. Bila saya melihat teksnya gambarnya warna-warni, gambar pun saya tak boleh tahu apa benda, 32 gambar sebesar ini terlalu amat kecil dan menandakan bahawa orang yang buat seolah-olah melepas batuk di tangga. Bos suruh taruh gambar, aku taruh gambar. Apa hendak jadi, apa cerita itu belakang kira. Cuma ada hamba Allah tengok dan dia berpeluang bercakap dalam Dewan ini, nasib baiklah ada orang dengar jadi itulah kita harap akan dapat dikemaskinikan.

Saya tekankan hal ini kerana proses ini adalah proses pendidikan. Kita hendak bawa Internet ke desa, kita hendak orang kampung bermanja-manja, jatuh cinta dengan ICT tetapi kalau bila mula dia tekan butang, dia nampak gambar pun tidak kenal siapa, tulis pun tidak, dia tidak tahu, dia kata, *“Ah, apa guna aku tengok, tidak ada benda pun”*. Ha, ini mesej saya yang saya hendak sebut. Itu sahajalah mengenai MARDI dan perkara lain ialah mengenai 'album 2000' ini, apa dia album 2000, ini bukan album menyanyi Siti Nurhaliza, tidak.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak ada di sini. Ha, ini album 2000 ada dalam tangan saya ini, ini pun yang terkini, saya cari yang terkini lah hendak tahu apa yang MARDI buat yang terkini, sebab hendak access ini, sebab kalau wawasan sudah ada objektif yang hebat, perubahan mentalnya sudah cukup dan sebagainya kita hendak tengok apa hasilnya ini.

Album 2000 menyebutkan pengisytiharan dua variety ubi keledek telong dan jalur emas di Stesen MARDI Telong, itu satu sahaja, saya baca kotak yang pertama. Kotak kedua, lawatan Yang Berhormat Menteri Besar Kedah ke gerai MARDI Ekspo Pertanian Langkawi. Yang ketiga, Majlis Pengenalan Benih Padi MR-219 di Teluk Malik, Jitra, Kedah. Saya tahu Jitra ini, Kubang Pasu. Majlis Perasmian Stesen MARDI Sesang, Sarawak and that's all, sedikit gambar.

Masih lagi saya hendak tekankan kalau dalam album 2000 ini pun tidak ada maklumat, tarikhnya tidak ada, yang mana satu yang Menteri Besar, yang mana satu yang caption tidak ada, jadi album 2000 diadakan sahaja atas nama album tetapi tidak memberi manfaat yang dikehendaki.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Ya, ya.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak tumpang tanya dan saya pun tertariklah dengan Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli, nampaknya operasi Internet itu berjalan baik beliau melaksanakannya.

Kalau boleh saya ingin mendapat sedikit penjelasan kalau terdapat dalam MARDI, projek penanaman padi di atas bumbung di Kedah, adakah mempunyai suatu gambaran yang terkini dalam laman web MARDI itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat. Jawapan saya ialah saya kurang maklum sebab saya tidak melawat ke situ, saya tidak meletakkan niat untuk mencari tentang bab padi. Saya percaya bab padi itu ada tetapi sama ada ia menceritakan bab padi di atas bumbung, atas parit dan sebagainya, itu wallahualam, insya-Allah kalau ada peluang lain boleh dilihat ataupun Yang Berhormat sendiri boleh juga melawat laman web itu dan beritahu saya bila sampai pada masa dan ketikanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak akhiri bab Kementerian Pertanian dengan FAMA. FAMA ini baik, saya nampak dia punya mesejnya bagus dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan ertinya saya bayangkan kalau saya anak kampung melalui FAMA nampak kita ada keyakinan bahawa teknologi Internet ini dimanfaatkan. Cuma yang ada giatnya ialah apakah pelaksanaan sebenar yang dilaksanakan oleh FAMA, sama ada ia betul-betul memberi bantuan dan pertolongan kepada petani-petani kecil di luar bandar. Ini yang menjadi persoalan dan saya harap eloklah pihak kementerian juga perkemaskinikan target audience dari segi orientasi kita menyediakan maklumat-maklumat ini.

Saya melihat sepintas lalu, boleh jadi saya salah – gambaran tenaga penerbitan laman web ini ialah sasarannya orang-orang macam kita ataupun orang-orang luar negara yang ingin tahu dalam bahasa Inggeris, patut juga diklasifikasikan walaupun tidak secara direct tetapi secara indirect, masuk juga satu ruang lain yang memang kita berniat, target sasaran kita ialah orang-orang kampung, pak tani yang mula hendak berjinak-jinak dengan ICT ini, dengan laman web.

Jadi, kalau itu jadi hasrat kita bila dia datang kepada yang berat, dia tinggal, dia pergi yang ringan sedikit. Dia kata ini okay, ini aku boleh dapat maklumat. Jadi, bila dengan amalan begitu dia sendiri meyakinkan diri sendiri bahawa keperluan yang dia hendak terjawab dalam laman web FAMA umpamanya, umpamanya dia boleh jual ubi kayu dia, contact dengan si Ahmad yang ada di Pekan Jitra, yang ada komunikasinya begini dan dia akan mendapat manfaat daripada maklumat itu. Itu sahaja yang saya hendak simpulkan dari segi FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya hendak sebut ialah Kementerian Pendidikan. Pertamanya, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang menganjur Bulan Membaca sejak Ogos 1995. Ini ada kaitan dengan ucapan Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin mengenai bahasa, saya tidak hendak fokus tentang bahasa sangat tetapi sambilannya saya akan sebut.

Saya ucap tahniah juga kepada *Utusan Malaysia* yang telah memberi fokus kepada Bulan Membaca Kebangsaan yang memberi ungkapan *Baca Amalan Ceria Anda*. Masyarakat berilmu, pemangkin k-komuniti dan keekonomi, semua ini baik, ini yang saya kata kalau dia semua tengok yang ini, bila dia terus melawat, diamalkan,

disedarkan mendapat manfaat, dia akan lebih appreciate. Cuma yang saya ingin berkongsi pendapat di sini ialah mengikut reaksi yang ditemuramah oleh pihak akhbar ini, masyarakat setempat mengatakan bahawa pendekatannya terlalu agak akademik, pendekatan untuk mempromosi Bulan Membaca Kebangsaan ini.

Oleh kerana itu pada saya kalau sudah hampir lima tahun kita buat agak cara akademik dan tidak begitu menepati sasaran dan setengah-setengah kelompok masyarakat tidak sedar pun tentang kata program membaca ini, promosi Bulan Membaca. Saya harap pihak kementerian yang berkenaan akan memberi fokus dan nafas baru dalam abad 21 ini supaya kalau kita hendak lihat sejarah tahun 60'an, masa kita hebat dengan Bahasa Kebangsaan dahulu begitu aktif, mungkin tidak semestinya kita ikut semua yang dahulu yang telah berjaya tetapi kita ambil ciri terbaik dahulu, masih relevan dan sadurkan dengan pemikiran terkini dan teknologi terkini supaya dengan alat media yang ada pada tangan kita yang lebih hebat daripada tahun 60'an, dari segi media cetaknya, media elektroniknya dan sebagainya. Insya-Allah, masyarakat akan lebih merasai program Bulan Membaca di peringkat kebangsaan ini dan dalam usaha Bulan Membaca ini saya percaya hasratnya ialah untuk menggalakkan orang membaca.

Saya ingin membuat pendedahan ataupun mengumumkan di sini mengikut sedikit kajian yang saya buat bahawa jiran kita, rakyat pulau Singapura yang kecil sahaja saiznya hanya sebesar Koridor Raya Multimedia sebenarnya telah mencapai tahap peminjaman buku tertinggi di dunia. Saya kalau boleh tidak mahu hendak recognize sangat Singapore ini kalau boleh tetapi kalau ada hakikat sebenar, kita kena melihat ini sebagai satu contoh sebab dia tidak jauh daripada kita. Tidak payah bayang, oh kalau kata di Switzerland, iu Switzerland, dia bolehlah. Masih ada mentaliti begitu tetapi saya katakan ini jiran kita yang sekecil ini hanya sebesar Koridor Raya Multimedia pun boleh mencapai tahap itu. Apa yang diperolehinya?

Kajian oleh persatuan antarabangsa bagi perpustakaan bandar raya metropolitan pada tahun 1997 menyatakan bahawa Singapura mencapai pinjaman buku di perpustakaan sebanyak 22.5 juta, pinjam buku. Perpustakaan Queens Baro, New York 15.5 juta, Perpustakaan Hong Kong 15.5 juta. Ini menandakan hampir 50% orang-orang Singapura lebih banyak meminjam dan membaca buku, saya buat

andaian pinjam itu bacalah untuk analisa ini, bukan jadi ambil pinjam simpan, itu boleh arguelah, saya tidak berani jamin. Saya buat andaian yang pinjam itu baca sebab tidakkanlah dia pergi ke perpustakaan teruk-teruk sampai dia tidak baca langsung.

Jadi, inilah pada saya promosi Bulan Membaca patut letakkan satu target untuk kita capai kerana yang hendak baca ini, hendak di buku sama ada dibeli dengan wang sendiri, takut jadi masakh ataupun melalui Internet, ataupun pergi ke perpustakaan. Tetapi perpustakaan negara kita ini pun saya harap sekarang ini sudah pada peringkat ubahsuai menjadi digital dan kalau sudah digital, eloklah dibuatnya on-line supaya dimanfaatkan oleh masyarakat. Kalau begini barulah kita menyediakan segala kemudahan untuk rakyat mendapat maklumat access to information untuk everybody, untuk semua.

Jadi, pada saya usaha-usaha yang saya sebut tadi ada kait mengaitnya. Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai mutu ahli-ahli akademik kita yang hendaklah kita perhati dengan agak teliti dan beri perhatian jangan kita ambil take for granted, dengan izin.

Sebenarnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan ada di sini. Mengikut akhbar yang saya dapat daripada *New Straits Times*, 8 Ogos. Kata Yang Berhormat Menteri Pendidikan dia memang berhajat untuk memantau mutu ahli-ahli akademik ini kerana katanya kalau kita tidak pantau, satu hari nanti pelajar sendiri pun akan mengambil tindakan mahkamah terhadap pensyarah yang tidak bermutu itu. Pada saya ini satu pemikiran yang memang radikal dan baik ada pada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Saya harap perkara ini akan dapat dilaksanakan dari satu peringkat ke satu peringkat dan kalau boleh saya mencelah. Saya ingat saya pernah menyebut di sini bahawa dalam dunia profesion mengajar dalam universiti ini yang saya tertarik ialah kawalan mutu dari segi penyampai, pensyarahnya kerana itulah yang hendak menunjukkan mutu komunikasi yang anak-anak pelajar boleh mendengar.

Kalau kita lihat amalan sekarang ahli akademik sebenarnya tidak payah menjalani apa-apa latihan atau membuat apa-apa persediaan bila dia hendak masuk

bidang bersyarah dalam universiti setakat saya tahu, kalau saya salah tolong betulkan, setakat yang saya tahu. Tetapi kalau hendak pergi mengajar sekolah rendah, sekolah menengah ke na pergi ke maktab, ke pusat latihan dan sebagainya, ada certificate baru boleh mengajar, tidak ada certificate tidak boleh recognize, ada degree pun tidak boleh, tidak dapat gaji yang tinggi tetapi bila hendak mengajar di universiti ada sahaja Ph.d boleh masuk mengajar.

Oleh kerana itulah pengalaman kita kadang-kadang pensyarah yang menyampaikan syarahan itu pun adalah agak teruk sehingga membosankan pelajar-pelajar dan mungkin kerana inilah ada di antara kalangan pelajar Melayu khususnya yang agak lemah kerana inspirasi daripada pensyarah pun tidak ada, dia sendiri pun sudah memang lemah, kalau sudah pensyarah pun tahapnya agak rendah, ini agak mencurigakan.

Pada saya, saya membuat seruan kepada pihak kementerian supaya inilah masanya boleh kita memanfaatkan teknologi, inilah masanya boleh kita masukkan kegunaan komputer digital multimedia dan sebagainya dalam pengajaran kerana apabila kita menggunakan alat-alat ini proses komunikasi akan meningkat dengan memuncak dan proses penerimaan oleh yang mendengar juga akan menjadi lebih baik.

Oleh kerana itu saya menyeru kepada pihak kementerian, pihak menteri khususnya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya kita memberi sokongan kuat di atas usaha ini dan usaha ini akan menentukan mutu pengajaran universiti kita akan menjadi tinggi sebab kita tidak hanya terkenal, kita tidak hanya mahu terkenal dengan mengadakan banyak institusi pengajian tetapi mutunya rendah, macam negara jiran yang pernah kita tahu beribu universiti tetapi kadang-kadang ijazah yang dikeluarkan oleh universiti itu tidak begitu mempunyai mutu dan diiktiraf.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Datuk Long bin Jidin : Yang Berhormat Datuk, ada laluan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Minta laluan sedikit daripada sahabat kita, Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi. Universiti ini sebenarnya, saya hari itu ada menanya apa bezanya universiti dengan kolej. Saya berpendapat universiti ini dibezakan dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain, kolej, diploma dan

sebagainya kerana wujudnya suatu pendekatan penyelidikan yang tinggi dan kalau sekiranya seseorang pensyarah hendak naik pangkat kepada profesor dan sebagainya yang penting ialah apakah makalah, jurnal dan penyelidikan yang dibuat. Ini saya perhatikan di kalangan pensyarah-pensyarah kita, mutu penyelidikan mereka dari segi pengeluaran hasil penyelidikan itu dalam jurnal-jurnal dalam peringkat tinggi sedikit, antarabangsa, mungkin tidak pernah diambil kira.

Jadi, saya hendak tahu daripada pendapat Yang Berhormat adakah patut pihak kerajaan memastikan, sungguhpun kita tahu jumlah PhD di universiti-universiti pukul rata sungguhpun *Asiaweek* menyebut angka yang salah tetapi pukul rata lebih kurang 45 - 55 dengan 45% kebanyakannya dengan Ph.D. Tetapi bagaimana caranya untuk kementerian hendak memantau pada pendapat Yang Berhormat Datuk dari segi *keep track* untuk hendak mengetahui pensyarah-pensyarah ini mengeluarkan idea-ideanya menerusi jurnal-jurnal antarabangsa atau tempatan yang tinggi dari segi prestasi keserjanya. Jadi, minta pendapat ini.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal ini patut dituju kepada Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tetapi kerana sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz, dia Presiden Kelab Senator tanya, saya cuba jawab jugalah. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz tadi amat sekali dan saya bersetuju. Saya terpandang sepintas lalu mekanismenya mungkin sudah ada cuma sama ada tenaga dan *wheel powernya* ataupun hendak buat atau tidak, wallahualam. Dalam Kementerian Pendidikan saya difahamkan ada unit khas, ruang khas tentang pendidikan tinggi, universiti, ada pegawai tertinggi, saya ingat peringkat Timbalan Ketua Pengarah *or something like that, I'm not sure*. Saya pun sudah *a bit out of touch* dari segi itu. Tetapi adalah pegawai tinggi yang bertanggungjawab tentang pembangunan universiti.

Saya dengar banyak kali Yang Berhormat Menteri Pendidikan berucap dan ada masa yang saya ada bersama dengannya dia berucap pun, banyak universiti ingin mencapai taraf dunia dari segi wawasan *targetnya*, baik. Tetapi katanya yang taraf dunia ini pun kita kenalah naikkan dengan mutu yang lain. Ertinya jabatan ini, unit dalam kementerian kenalah kalau tidak ada, saya agaknya mungkin tidak ada, kenalah

ada satu sistem, wujudkan satu sistem yang mengambil kira fakta-fakta ini umpamanya cara pembelajaran, umpamanya kertas penyampaian seminar, kertas yang dibuat dalam jurnal. Umpamanya kertas yang disampaikan dalam seminar dan maklum balas ini hendaklah diadakan satu sistem di mana kita boleh kumpul dan nilaikan, mungkin kalau cara ini. Ini saya terbaca juga dalam akhbar umpamanya dalam sebuah universiti di mana cuba diamalkan sistem pelajar membuat penilaian terhadap pensyarah. Ini pun sudah mendapat reaksi yang agak negatif.

Pada saya, perkara-perkara baru yang baik begini mungkin terpaksa menghadapi proses ini cuma kita tidak boleh salahkan yang negatif itu sahaja, mungkin dari segi pengurusan kita agak *excited* hendak membuat sesuatu yang baru dan caranya kita tidak *polishkan* sedikit. Mungkin isu *managing change* itu hendaklah diberi pengiktirafan dan diberi fokus supaya kita mengambil kira tentang *responds* pelajar itu sendiri. Jadi, untuk respond kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, saya amat bersetuju supaya pemantauan ini dibuat sistem yang agak lebih sistematik, letakkan fakta-faktanya untuk mengawal selia prestasi pensyarah-pensyarah di peringkat universiti ini kerana di tangan merekalah akan terletaknya mutu pendidikan. Mutu pendidikan keseluruhan *average* itu akan menandakan sama ada Malaysia berjaya sebagai *centre of excellence* di dunia. Kita mewujudkan banyak bidang-bidang hebat. Ini yang swasta ini, saya hendak sebut IPTS tetapi nanti sekejap saya tidak mahu sebut lagi, *IPTS is coming*, hebat. Jadi, pada saya kawalan mutu terlalu amat mustahak dan saya bersetuju benar dengan pendapat Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz yang dahulu dan yang tanya tadi pun saya *respond* begitu. Kita *save wave length* lah dengan Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga dalam perkara pendidikan ini yang hendak saya bawa ialah mengenai *life long learning*. Saya amat tertarik tajuk *life long learning* ini, kita belajar seumur hidup ini. Sunnah Nabi menyebut supaya kita terus belajar, terus sampai ke liang lahad dan ini selaras dengan Islam. Saya tidak payah sebut tentang bab ayat Al-Quran, Surah Al-'Alaq tentang ilmu ini. Cukup hebat kerana ini menandakan permulaan budaya keekonomi ini. Yang saya tertarik dalam tangan saya ini ialah akhbar dari Australia yang saya dapat daripada Canberra

yang sama setaraf dengan Putrajaya. Australia ada Canberra; kita ada Putrajaya, tidak kalah Malaysia. Ia ada *adult learners week* khas promosi, ada bulan untuk pelajar-pelajar lebih umur ini, lebih *adult* - dewasa, sorry dan ini menandakan kenapa ia buat ini? Ia buat pula *international seminar* untuk mempromosikan supaya masyarakat tanpa umur terus belajar, *life long learning* - ini yang amat saya tertarik.

Saya ajukan, saya ingin mercadangkan kepada pihak kementerian supaya kita menjadikan ini sebagai satu fokus juga. Kalau sudah selalu Bulan Membaca Bahasa Inggeris dan sebagainya, cuba kita *integrate*kan program-program ini, *adult learning*, *life long learning* dengan soal membaca dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. *This is integrated approach* sebagai satu kempen yang hebat dalam negara. Jadi, mana-mana orang melihat ini secara total ia lebih faham. Ini sekali dengar bahasa, sekali dengar Inggeris, sekali dengar perpustakaan baca, jadi ia sendiri pun - kita hendak mendidiknya ia tidak nampak *total picture*. Jadi, hendak mendidik ini kita kena juga kena buat *in a diagramatic fashion* ala *web page* juga masukkan, sumbatkan maklumat dalam satu *page* tetapi bersistematik. Ada agendanya, ada sasarannya, ada *methodology approach*nya yang baik dimulakan dengan yang senang-senang yang ia faham dan dibawa kepada yang agak lebih rumit kemudian, barulah terbuka selera dia untuk bersama-sama dengan kempen kita. Pada saya inilah utamanya kalau pihak kerajaan ingin membuka minda keseluruhan rakyat dalam bidang *life long learning* ini, belajar semua, insya-Allah, kekusutan pemikiran di mara yang ada *jam* kita boleh *sludge*, kita boleh *abstract* yang *jam-jam* kekusutan pemikiran itu melalui proses ini secara tidak langsung tetapi agendanya ialah agenda yang baik, agenda yang berlandaskan Islam, agenda yang berlaraskan [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] 'iqraq bismirabbikal lazikhalaq' dan seterusnya.

Datuk Long bin Jidin: Datuk, ada yang minta laluan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Ya.

Datuk Haji Karim Ghani: Minta jalan, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta sedikit penjelasan. Adakah Yang Berhormat Datuk Ghazi sedar bahawa untuk membaca kita memerlukan buku tetapi nampaknya harga buku sudah melambung tinggi menyebabkan orang susah hendak membeli buku, terutama sekali orang-orang di luar bandar. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Karim yang bertanya, jawapannya, “ya, saya sedar”. Kalau Yang Berhormat ingin tahu dengan lebih jelas bagaimana sedarnya sekarang ini ada Pesta Buku di Mines Resort, Exhibition Centre di Sungai Besi. Boleh melawat, masih ada, ini promosi buku. Saya bukan mewakili mana-mana pun. Tetapi oleh kerana dia tanya harga buku, hendak test tengok harga buku tinggi tak, pergi ke Pameran Buku sekarang ini. Betul! Tetapi dalam usaha kita, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tentang soal masalah hendak turunkan harga dan sebagainya tetapi bila kita ada satu agenda besar, yang ini menjadi sebagai satu sampingan. Kita sama-sama selesaikan *as you go along*.

Kata Dr. Mahathir, kalau kita hendak tunggu semuanya selesai *never happen*. Lebih kurang dia kata, kalau perancangan yang tidak lengkap itu lebih baik dilaksanakan daripada kita menunggukan perancangan yang lengkap yang tidak pun dibuat. Ini saya amat bersetuju sekali. Oleh kerana itu pada saya, saya masih tekankan bahawa biarlah harga buku-buku itu tinggi, tetapi mesti ada kumpulan yang menekankan agar harga rendah. Tetapi agenda besarnya ialah memberi manfaat pendidikan kepada masyarakat supaya dia menjadi masyarakat yang belajar, berilmu dan membaca dan mencari maklumat Internet, cari maklumat yang sah baru buat keputusan. Jangan hanya dengar *rumors [Disampuk]* Guruh di langit, dia beri peribahasa pula, saya hendak beri yang senang sahaja. Tidak apalah ya.

Dato’ Abdul Aziz bin Shamsudin: Khabar angin.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Ha, khabar angin, terima kasih Dato’, dia dapatlah itu. Saya hendak cari yang itu sebenarnya. Yang guruh di langit, angin di laut, asam di darat ini tidak apalah. Itu bila saya bercakap seni saya pergi ke situ. So bab khabar angin, baiklah. Saya hendak habis *on the dot* pukul 1.00 sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat yang saya ingin bawa ialah mengenai apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat menteri tentang *blue print*, untuk polisi pendidikan nasional yang sepuluh tahun ini. Ini satu usaha yang baik, mengikut yang saya dapat daripada akhbar akan siap di akhir tahun, akhir tahun tidak beberapa lama. Saya juga ingin mengetahui daripada pihak kementerian apa *progress* nya sekarang. Boleh tak beri dia punya *smoke signal* dia sedikit, boleh beri

trailer dia sedikit. Sebenarnya saya ingin mengatakan seelok-eloknya biarlah draf itu keluar oleh kerana ini jangka masa sepuluh tahun. Soal pendidikannya, semua pakar. Saya tahu orang kementerian pun pening kepala juga. Yang Senator nampaknya macam semua pakar pendidikan, orang lain pun pakar.

Jadi lebih baiklah kita dedahkan dahulu draf ini, beri pendedahan maksimum kepada masyarakat supaya *input* itu kita dapat daripada berbilang masyarakat, selain daripada hanya mendapat daripada saluran-saluran tradisional yang dibuat oleh pihak kementerian. Kadang-kadang ada orang berminat tetapi dia tidak tahu di mana hendak sampaikan. Jadi kadang-kadang inilah yang menjadikan satu benda yang tidak puas hati. Sebenarnya yang dia tidak puas hati itu benda itu ada, tetapi oleh kerana kita tidak berkomunikasi dengan dia dan kita tidak mendengar buah fikiran dia, jadi dia rasa frust dan kadang-kadang bila dia frust ada orang lain bisik pula, jalanlah. Ini yang menjadi masalah. Jadi saya harap perkara-perkara ini akan dapat didedahkan drafnya dan mendapat maklumat sehebat mungkin, seluas mungkin dan usaha ini usaha baik dan saya hendak menekankan.

Patutlah dimasukkan juga tentang usaha untuk mendapat kemahiran dan maklumat baru *learning how to learn*, saya ingin menekankan bahawa dalam polisi yang masa depan ini kena menekankan juga tentang kaedah cara hendak belajar. Kita kena belajar cara hendak belajar, *learning how to learn*. Kata John Naisbit, ini dia punya pengarang terkenal dalam bidang pengurusan dan masa depan, saya *quote* dengan izin, "*In the world that is constantly changing, there is no one subject or set of subjects that will serve you for the possible future. Let a lone for the rest of your life. The most important skill to acquire now is learning how to learn*". Tidak ada lagi yang boleh menentukan kita boleh hebat, selamat masa depan hanya satu iaitu belajar cara hendak belajar.

Apa manfaatnya kerana kalau kita tidak belajar cara hendak belajar, kita akan mengambil masa katalah sebulan untuk hendak mendapat yang itu, tetapi kalau tahu cara hendak belajar kita akan mungkin mengambil masa hanya dua hari untuk mendapat ilmu dan maklumat yang disebutkan. Oleh kerana itu pada saya, perkara ini patutlah dimasukkan dalam agenda kebangsaan yang sedang direka bentuk oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Pada saya ini juga menandakan satu usaha yang amat strategik, yang amat tepat dalam menyediakan corak pendidikan berasaskan keekonomi. Saya nampak Kementerian Pendidikan menggubal ini, saya juga difahamkan, ISIS juga menggubal persediaan keekonomi, Kementerian Kewangan juga menggubal keekonomi. Saya harap di antara badan-badan yang berasingan ini juga bercakap sesama sendiri supaya diselaraskan segala usaha itu supaya manfaatnya akan datang turun kepada rakyat semaksimum mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kelima yang saya hendak sebut ialah IPTS. IPTS ini saya difahamkan ada sebanyak 600. Saya pernah bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ataupun Timbalan Menteri Pendidikan baru-baru ini, saya hendak tahu kedudukan pelajar-pelajar di IPTS ini mengikut bilangan kaum dan mengikut sama ada tempatan atau luar negara. Kita hendak melihat, adakah usaha kita mewujudkan 600 IPTS, Institut Pengajian Tinggi Swasta ini sampai hajat kita sebenar. Telah timbul pendapat mengatakan ada IPTS kalau pinjam kata Dato' Aziz, macam kolej status sahaja. Jadi mungkin perlu *dimergekan*, digabungkan IPTS ini supaya tahap, mutu dan kekuatan kewangannya menjadi lebih hebat dan dapat menjalankan peranannya yang sebaik mungkin.

Contoh model yang dapat kita lihat senang sahaja dalam industri kewangan perbankan. Bukan senang tetapi kena mulakan sekarang, sebab industri perbankan pun masih belum selesai lagi. Sudah kita *announce*, 'cop' sekali kemudian *announce* 'cop' lagi sekali, kita beri lagi kelonggaran. Jadi kita harap dalam bidang IPTS ini pun biarlah kita melihat sekarang sebelum ia menjadi agak lebih lewat.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat 'cop' itu apa?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: 'Cop' ini saya pakai latar belakang orang Kedah sedikitlah. Cop ini kira tunggu sekejap, tangguh. 'minta tangguh' macam itu, [*Mengangkat tangan ke atas*] Tarik balik.

Puan Jamilah binti Ibrahim: [*Bangun*]

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Yang Berhormat hendak minta laluan.

Datuk Long bin Jidin: Dia hendak minta chop.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Oh! Hendak minta chop. Ha, itu satu praktikal terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ghazi. Dalam perbincangan dan perbahasan Dato' Ghazi memang menarik pada kita, kerana ini adalah melibatkan minda, wawasan dan *academician* itu sendiri. Jadi bagaimana pandangan Dato' Ghazi bagi menyelesaikan masalah dan falsafah yang telah pernah diutarakan oleh Imam Al Ghazali kerana kita tahu bahawa tenaga operasi itu melibatkan begitu ramai sekali. Bagi menentukan ianya dapat dilaksanakan begitu baik, cetusan dari pandangan Imam Al Ghazali menyatakan [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Yang bermaksud, dia tahu untuk melaksanakan tugas dia kerana dia tahu. Itu tidak menimbulkan masalah bagi saya. Tetapi di sebaliknya [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Kalau ada wujud orang itu, dia tidak tahu dan dia tidak sedar bahawa dia tidak tahu. Dia hendak operasi kan *academician* perubahan keseluruhannya. [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Dia sedar bahawa dia ini tidak tahu hendak buat, mungkin dia boleh pelawa Dato' Ghazi, mai tolong *operatekan* kepada kami, senang. Tetapi yang akhirnya [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Insya-Allah yang ini saya rasa boleh laksanakan semua rancangan dan idea-idea yang telah diberitahu oleh Dato' Ghazi bahawa dia sedar suatu perubahan yang mendadak, suatu anjakan paradigma untuk kita memajukan negara berdasarkan falsafah pendidikan bersepadu, Insya-Allah. Terima kasih itu minta pandangan dan jawapanlah.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada Yang Berhormat. Bila dia tanya mengenai pandangan saya mengenai Imam Al Ghazali, ini berat. Sebenarnya yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi sudah jelas. Kita yang menjadi masalah kalau ada orang itu yang dia tidak tahu, tetapi dia tidak tahu, ini masalah. Kalau dia tahu, dia kata dia tidak tahu, is okay, bolehlah tepuk belakang, hei awak kena belajarlah. Ini yang kita hendak mempromosikan *life long learning* ini. Jadi memang Imam Ghazali kata memang tepat sekali. Walaupun saya tidak boleh ulang perkataan dalam Arab, Al Arabi [*Ketawa*] Masya Allah. Tetapi isi, inti pati Imam Al Ghazali itu saya amat akui dan amat bertepatan sekali.

Ini mengukuhkan bahawa dunia keekonomi selain daripada ayat Al Quran pertama yang diturunkan oleh Tuhan, Imam Ghazali juga sebut, sunah Nabi

Muhamad S.A.W. mengikut sunah nabi juga telah menyebut menandakan kebangkitan umat Islam kalau kita menggunakan akal fikiran yang diberikan oleh Tuhan. Ini dia petanda yang ditunjukkan oleh Tuhan. Hanya manusia sahaja yang akan menjadi penentang dan pendorongnya. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, yang keenam soal bahasa, ini sedikit sahaja saya hendak sebut. Saya bertanya semalam kepada Dato' Zainuddin tentang macam mana kita hendak koordinasi. Sebenarnya separuhnya saya sudah jawab. Maksud saya ialah kerajaan kena mengambil alih tugas yang *integrated* ini. Jangan biar satu hari diumumkan bahasa Melayu, satu hari selepas itu umum pula bahasa Inggeris, satu hari diumumkan pula budaya. Jadi rakyat pun agak keliru. Oleh kerana kita boleh duduk berbincang bersama, mari kita letakkan satu *platform* dalam dunia Internet umpamanya satu. Kalau Microsoft boleh letakkan mula-mula Windows 2000, itu *platform*. Jadi semua PC memakai Windows. Injin yang menggerakkan segala-galanya adalah Windows, sebagai contohlah. Ini maksud saya, saya cuba hendak menjawab soalan saya semalam. Oleh kerana saya rasa tidak begitu puas hati dengan respons Datuk Zainudin walaupun dia memberi pengkhususan dalam bidang yang lain.

Jadi saya harap kerajaan kena adakan *platform* ini dengan benda-benda yang terlalu amat relevan. Jangan banyak sangat, kalau sudah sampai sepuluh sudah tidak jadi hal, kena jadi 4-5 benda sahaja. Umpamanya dari segi yang saya sebutkan tadi sebagai contoh. Maka kekuatan itu boleh kita sekraskan dengan kekuatan asas ilmu, asas Quran, asas hadis dan kalau ini kita ketengahkan, apakah ada masyarakat Islam dalam Malaysia ini berani mencabar kita, bahawa kita tidak berlandaskan Islam, tentu tidak. Ini yang saya maksudkan. Insya-Allah saya harap pihak kementerian akan dapat mengambil langkah yang sedemikian.

Kemudian mengenai oh soal bahasa, jawab itu saya sudah habis. Akhir sekali kertas peperiksaan dan beg berat. Ini yang paling ringan. Beg berat ini soal tidak habis-habis lagi. Masya-Allah. Kalau masalah besar boleh selesai, tolonglah selesaikan masalah ini. Ini baru-baru ini saya dengar hendak buat *locker*, selepas itu dia cop pula, bukan *locker*, laci yang berkunci. Kemudian cikgu pula kata laci berkunci tidak kena, kena buat yang lain, yang mana yang betul ini. Kalau tidak betul

pun biarlah pihak kementerian *one statement, ones and for all, no more debate*. Jadi kadang-kadang perkara-perkara ini agak mengelirukan dan tidak begitu meyakinkan masyarakat dan akhir sekali tajuk kertas peperiksaan.

Kita pernah ambil peperiksaan dalam tahun 50'an, 60'an tidak lama dahulu, bukan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Kita ini siapa? 50'an saya tidak masuk campur. Kalau 60'an itu mungkin. Adakah Yang Berhormat Dato' ini 50'an punya generasi ataupun apa? *[Ketawa]*

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Dato' Aziz, saya sebenarnya 60'an, tetapi saya selalu serambang beri *coverage* itu tinggi termasuklah rakan-rakan yang 50'an. Supaya yang 50'an ini pun termasuk pengalaman ertinya tidak ada masalah peperiksaan. Jadi biarlah dengan teknologi tercanggih ini saya rasa tidak hendaklah, saya pun bekas guru juga, mengajar lama dahulu. Jadi kita rasa, *I am sure* kita boleh selesaikan masalah ini.

Sekian saya mengucapkan terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Datuk Long bin Jidin: Oleh kerana jam kita tepat pukul 1.00. Jadi saya tangguhkan majlis ini sehingga pukul 2.30 petang. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang .

[Tuan Yang di-Pertua mmpengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Perbahasan diteruskan. Yang Berhormat Tuan Haji Karim.

2.31 ptg.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang bercakap dalam Perbekalan Tambahan (No.2) 2000 dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dato' Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Saya dan Ahli-ahli Dewan Negara yang lain yakin dengan pengalaman dan kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua akan menjadikan Dewan yang mulia ini lebih mantap dan dihormati umum. Tetapi kita jangan lupa juga mengenang jasa Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob yang telah pun tamat tempohnya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Semasa tempohnya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, telah banyak berjasa kepada Dewan Negara ini kerana negara kita telah melalui peristiwa-peristiwa yang menguji ketabahan dan kesabaran Ahli-ahli Dewan Negara seperti pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan kegawatan ekonomi.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob telah berjaya mempengerusikan mesyuarat dengan penuh keyakinan dan saksama dan menenangkan keadaan walaupun ada ahli-ahli yang menyuarakan emosi mereka secara keterlaluan. Kita harus merakamkan ucapan terima kasih kita kepada Yang Berhormat Tan Sri bukan sahaja di dalam *Hansard* tetapi juga harus diberi cenderamata dan sijil dari Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memasuki kepada kandungan perbahasan ini. Saya akan menyentuh secara ringkas tajuk-tajuk di bawah B.3 - Jabatan Audit, B.19 - Kementerian Pertanian, B.21 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, B.25 - Kementerian Pertahanan dan B.26 - Kementerian Pendidikan.

Pertama sekali saya ingin menyentuh mengenai Maksud B.3 dalam Jabatan Audit. Pada masa ini kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Keutuhan Jabatan yang bertujuan untuk membendung dan menghapuskan amalan rasuah di dalam sesuatu jabatan. Saya ingin mencadangkan satu jawatankuasa audit juga ditubuhkan di setiap jabatan kerajaan. Kalau syarikat swasta dikehendaki menubuhkan jawatankuasa auditnya untuk memastikan perjalanan syarikat itu adalah mengikut amalan perauditan yang betul, tiada sebab mengapa jabatan kerajaan pun tidak boleh menubuhkan satu jawatankuasa audit untuk mengawasi pengurusan dan perbelanjaan sesebuah jabatan.

Melalui jawatankuasa ini kerajaan dapat memastikan bahawa setiap tindak-tanduk pentadbiran dan penggunaan wang kerajaan adalah mengikut amalan

perauditan yang baik, dengan izin, *good audit practises*. Dengan cara ini setiap pengeluaran pesanan tempatan ataupun bekalan dari stor dapat dijejak oleh pihak pentadbir tanpa perlu menunggu kehadiran pegawai audit luar ataupun pegawai audit dalam. Oleh yang demikian, pentadbiran jabatan tersebut boleh mengambil tindakan serta-merta jika didapati ada amalan-amalan yang tidak sihat berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh kepada Maksud B.19 - Kementerian Pertanian. Hari perayaan berlaku setiap tahun. Ia bukanlah satu fenomena yang jarang-jarang berlaku seperti gempa bumi ataupun kehadiran komet Helly. Kita semua tahu setiap tahun ada empat perayaan dan setiap kali perayaan menjelang, harga barang makanan akan naik melambung. Yang menjadi mangsa adalah pengguna-pengguna sama ada yang berpendapatan rendah atau tinggi kerana mereka terpaksa membayar lebih dari yang biasa untuk barangan yang sama. Satu daripada sebab yang dinyatakan mengapa harga barangan tinggi ialah kerana orang tengah mahu mengaut keuntungan yang lebih kerana mereka berpendapat hari perayaan adalah hari untuk menambahkan kekayaan.

Jadi, apa salahnya sekiranya Kementerian Pertanian memainkan peranan tambahan sebagai orang tengah iaitu, kementerian membeli dari petani dan menjualkannya kepada pengguna dengan harga yang cukup untuk menampung kos pentadbiran sahaja ataupun pulang modal. Kementerian ada mempunyai kemudahan yang cukup seperti lori-lori untuk pengangkutan, bot-bot yang boleh digunakan untuk membawa ikan dan bilik sejuk untuk menyimpan stok-stok hasil pertanian. Pembelian ini ialah untuk menampung keperluan semasa hari perayaan. Bila menjelang hari perayaan, kementerian boleh mengeluarkan stok-stok ini untuk dijual terus kepada pengguna di seluruh negara. Pengguna-pengguna tidak akan berasa bimbang bila mereka ketahui bahawa bekalan memang mencukupi kerana kementerian ada menyimpan stok untuk menampung keperluan mereka semasa hari-hari perayaan. Ini juga termasuk di dalam konsep kebolehan memperolehi makanan ataupun dengan izin, *food secret security*. Orang tengah tidak boleh merungut kerana mereka tidak akan mengalami kerugian kerana makanan akan dijual pada harga biasa. Ia bukan terlalu rendah yang boleh merugikan orang tengah, ataupun terlalu tinggi yang menyusahkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh mengenai Maksud B.21 mengenai Hal Ehwal Pengguna. Kementerian ini telah membelanjakan wang untuk menubuhkan sistem maklumat yang canggih bagi melicinkan urusan pentadbiran kementerian. Bolehkah kementerian ini adakan satu software yang boleh digunakan untuk mengesan perjalanan harga barang-barang keperluan terutama pada hari perayaan. Sekiranya kementerian boleh menjejak harga barangan melalui komputer, kementerian boleh bertindak dengan serta-merta apabila terdapat harga barang yang naik melambung. Dengan cara ini, rakyat akan yakin bahawa keadaan pasaran adalah terkawal kerana kementerian boleh menjejak turun naik harga sesuatu barang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan, saya ingin bertanya dengan kementerianya adakah peruntukan yang diberi ini mencukupi untuk menjaga keselamatan negara? Tidak guna juga kalau kita ada bangunan yang tersergam indah tetapi keselamatan negara kita tidak terjamin kerana kita tidak mahu membelanjakan wang yang lebih sedikit untuk keselamatan.

Kementerian Pertahanan mesti memainkan peranan yang proaktif bagi menjaga keselamatan negara. Tidak perlu menunggu kehadiran anasir-anasir yang tidak diinginkan berlaku, baru bertindak meminta peruntukan yang lebih bagi mengawal keselamatan. Kita tidak mahu apa yang berlaku di Pulau Sipadan dan Pulau Pandanan berlaku lagi kerana Kementerian Pertahanan kehabisan wang untuk membeli peluru dan senjata untuk mengawal negara dan menunggu Dewan Negara meluluskan peruntukan untuk berbuat demikian. Kementerian harus memperkukuhkan bahagian *intelligence* atau risikan untuk mengetahui apakah yang boleh menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Sekiranya boleh, biarlah kita tahu yang anasir luar akan datang untuk menggugat keselamatan negara dan kita bersedia menyambut kehadiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengukuhkan pertahanan negara kita Malaysia, disarankan kepada kerajaan supaya mempertingkatkan tahap keselamatan persempadanan, kem-kem tentera dan peralatan ketenteraan seperti berikut:

- (i) Menyediakan infrastruktur penempatan yang selesa untuk pasukan keselamatan di sempadan dan di pulau-pulau strategik.

- (ii) Memenuhi dan menyediakan keperluan logistik yang mencukupi dari segi 'modaliti', kuasa tembakan, komunikasi dan sebagainya bagi menyokong operasi yang dijalankan supaya pengawalan dan pengawasan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- (iii) Menyediakan dan mempertingkatkan sistem dan peralatan pengawasan merangkumi pengawasan darat, laut dan udara. Ini adalah sebahagian daripada kaedah amaran awal terhadap kehadiran penceroboh dan lain-lain anasir yang tidak diingini.
- (iv) Memberi apa-apa bentuk insentif yang munasabah kepada anggota pasukan keselamatan yang bertugas di perbatasan sebagai menghargai sumbangan mereka kepada negara.
- (v) Menyediakan sistem keselamatan moden secara berkomputer ke atas penempatan-penempatan pasukan keselamatan yang menyimpan peralatan-peralatan yang mempunyai kepentingan kepada negara yang mana ianya boleh mengganggu serta menjejaskan keselamatan negara.

Nombor dua, menambah bilangan rumah keluarga bagi anggota pasukan keselamatan terutama di kawasan bandar-bandar besar yang mana kebanyakan kadar sewa rumah di kawasan ini adalah tinggi. Ini akan dapat meringankan dan memberi keselesaan kepada anggota keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, B.26 Kementerian Pendidikan. Saya akan menyentuh mengenai Sekolah Wawasan. Hasrat murni kerajaan untuk mewujudkan Sekolah Wawasan ini telah disalahertikan oleh rakyat Malaysia. Ini adalah kerana terdapat pihak yang tertentu telah menyeleweng fakta yang sebenar untuk kepentingan politik mereka sendiri sedangkan Sekolah Wawasan ini merupakan langkah yang paling penting untuk mewujudkan integrasi kaum di antara masyarakat majmuk Malaysia.

Oleh itu Kementerian Pendidikan perlu memainkan peranan yang penting untuk menjelaskan dengan lebih mendalam hingga ke akar umbi tentang kepentingan Sekolah Wawasan kepada semua lapisan masyarakat terutama sekali masyarakat

kaum Cina demi perpaduan bagi menjamin hidup kita merasa aman, makmur dan damai.

Saya akan menyentuh tentang bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, kini bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling penting terutama sekali untuk menghadapi cabaran di era globalisasi ini. Oleh itu apabila menyedari bahasa Inggeris merupakan bahasa terpenting di era tersebut, kementerian perlu memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan lagi usaha untuk memperbaiki prestasi bahasa Inggeris terutama sekali bagi pelajar-pelajar luar bandar. Prestasi bahasa Inggeris ini hendaklah meliputi dalam bidang akademik dan juga komunikasi.

Antara langkah-langkah yang boleh diambil ialah:

- (i) memberikan kursus kepada guru-guru bahasa Inggeris mengenai pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan lagi minat pelajar terhadap bahasa Inggeris terutama sekali pelajar-pelajar di luar bandar;
- (ii) memberikan intensif kepada guru-guru bahasa Inggeris yang mengajar di luar bandar serta memberi kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang naik pangkat seperti menegak ataupun melintang.

Di samping itu, kita juga berharap kementerian hendaklah memantau kegiatan yang dilakukan oleh guru-guru bahasa Inggeris dari semasa ke semasa demi mempertingkatkan lagi prestasi bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar.

Saranan saya supaya kerajaan mengambil tenaga pengajar dari kalangan sukarelawan dari negara-negara Komanwel yang mana pada masa dahulu kita telah gunakan atau kita telah menerima khidmat-khidmat guru-guru sukarelawan ini yang mana mereka telah memberi khidmat yang agak baik kepada peningkatan prestasi bahasa Inggeris. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya berterima kasih dan mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jaya Partiban.

2.49 ptg.

Puan Jaya Partiban: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut memberi sedikit pandangan sebelum menyokong Rang Undang-undang Perbekalan

Tambahan. Memandangkan Kementerian Belia dan Sukan menerima lebih daripada RM6 juta saya berharap program-program yang diuruskan oleh kementerian ini mendatangkan faedah kepada semua belia di negara ini tanpa mengira kaum. Langkah-langkah perlu diambil untuk menentukan bahawa maklumat mengenai segala usaha dan rancangan kementerian ini sampai kepada semua sasaran yang ditujukan. Kaum belia yang menganggur atau yang tidak begitu bertanggungjawab biasanya tidak membaca surat khabar. Oleh kerana itu, media elektronik hendaklah digunakan dengan seluas-luasnya dan kementerian juga perlu mengkaji cara-cara lain untuk dengan izin, *reach out* kepada golongan sasaran ini.

Kita sering mendengar kaum belia yang terlibat dalam gejala-gejala sosial, kadar yang tinggi terdiri daripada belia India. Kebanyakan mereka adalah daripada kawasan setinggan ataupun berhijrah ke bandar daripada keluarga mereka yang berpendapatan rendah, mereka kurang pelajaran dan tidak mempunyai sebarang kemahiran. Bagi membantu mereka menjadi rakyat berguna dan bertanggungjawab, Kementerian Belia dan Sukan hendaklah membuat satu kajian tentang kemungkinan mengadakan satu program khas untuk belia India. Saya rasa tidak patut kementerian berkata tidak akan adakan rancangan khas untuk belia India.

Kerajaan kita sentiasa peka kepada segala masalah yang dihadapi rakyat dan mengambil langkah yang perlu untuk menangani masalah golongan yang tertentu. Mengapa dalam hal ini tidak bertindak sedemikian. Gejala sosial di kalangan belia India bukanlah satu masalah etnik. Ia adalah satu masalah nasional. Sekiranya peratus tertentu rakyat negara ini yang terdiri daripada golongan belia mewujudkan masalah, bukankah ia akan membawa kesan negatif kepada imej negara dan juga segala usaha memperbaiki lagi taraf hidup rakyat umum.

Sekiranya golongan ini tidak diberi bantuan khas, apa akan terjadi. Mereka perlu panduan, tunjuk ajar, sokongan dan bantuan dan bukanlah hukuman. Bagi mereka yang sakit, kita menyediakan rawatan. Bagi mereka yang lemah dalam pelajaran kita mengadakan kelas tambahan. Ini amalan biasa tetapi apabila belia India menghadapi satu masalah, tidak mahu mengadakan program khas untuk membantu mereka, mengeluarkan kenyataan oleh pihak-pihak tertentu sahaja tidak mencukupi.

Pada amnya mereka bukanlah penjenayah. Kebanyakan mereka hanya mempunyai masalah disiplin. Saya rasa tidak betul label mereka sebagai gengster. Mereka tidak menerima perhatian atau tunjuk ajar dari keluarga masing-masing. Jadi kerajaan mempunyai tanggungjawab yang tertentu. Satu kementerian iaitu Kementerian Belia dan Sukan diwujudkan dengan tujuan kementerian itu akan menjaga segala kepentingan semua belia di negara ini. Tetapi nampaknya MIC diharapkan menyelesaikan masalah ini semata-mata.

Saya tidak nafikan bahawa MIC sebagai parti yang mewakili kaum India mempunyai juga peranan yang tertentu tetapi kerajaan lebih-lebih lagi kementerian yang bertanggungjawab terhadap golongan belia perlu membuat kajian dan aturkan program-program yang sesuai untuk membantu golongan ini yang memerlukan fahaman, sokongan, tunjuk ajar dan juga latihan. Saya berharap peruntukan tambahan ini juga digunakan untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini mengenai isu-isu berkaitan dengan pendidikan. Saya percaya Kementerian Pendidikan akan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menentukan semua sekolah di negara ini biarpun sekolah kebangsaan, sekolah Cina, sekolah Tamil ataupun sekolah agama tanpa mengira terletak di mana mempunyai segala kemudahan asas dan suasana yang kondusif supaya para pelajar dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran dalam keadaan yang sempurna.

Sekolah-sekolah Tamil sudah menjadi satu kenyataan bahawa prestasi penuntut-penuntut di sekolah Tamil masih tidak memuaskan dan tidak menggalakkan. Ada beberapa faktor yang bertanggungjawab untuk keadaan ini. Kekurangan guru-guru yang berkelayakan, infrastruktur fizikal sekolah-sekolah Tamil yang pada kebiasaan boleh dikatakan buruk dan amat menyedihkan dan kekurangan kemudahan-kemudahan seperti komputer, tempat permainan dan sebagainya.

Saya ingin menyatakan bahawa pihak kerajaan harus memberi lebih fokus kepada sekolah-sekolah Tamil agar memberi harapan kepada murid-murid yang keluar dari sekolah-sekolah tersebut supaya mereka ini dapat bersaing dengan murid-murid yang keluar dari sekolah-sekolah berjenis kebangsaan dan juga dapat bersaing dalam satu dunia yang sudah ditimpa oleh globalisasi dan liberalisasi.

Jadi, saya ingin meminta penjelasan dari Menteri Pendidikan apakah langkah-langkah yang akan diambil di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 untuk membantu dan menaik taraf sekolah-sekolah Tamil. Memang tidak boleh dinafikan bahawa kerajaan Barisan Nasional sentiasa peka dan prihatin tentang isu-isu semua rakyat. Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa situasi itu belum memuaskan.

Di samping memfokuskan tenaga sepenuhnya terhadap usaha meninggikan mutu pelajaran dan pencapaian akademik, saya merasa tekanan yang sewajarnya pula perlu diberi kepada dengan izin, *human values* dan integrasi antara kaum. Kini para pelajar di sekolah suka bergaul sesama kaum mereka sendiri sahaja. Sikap ini jika dibiarkan saya takut apabila pelajar-pelajar ini dewasa kelak mereka tidak akan bercampur gaul dengan bangsa lain dan perpaduan dan muhibah yang dipupuk selama ini akan terjejas dan membawa akibat buruk kepada negara dan juga kepada keamanan negara ini.

Di sini saya ingin juga menyentuh tentang pilihan raya kecil di Lunas di mana kaum remaja, kaum belia yang beraksi secara ganas dan agresif. Buat kali pertama apabila berkempen dalam satu pilihan raya saya merasa takut bersama juga dengan kawan-kawan saya yang pergi berkempen sebab nampak sahaja kenderaan dengan lambang Barisan Nasional ataupun kita pakai jaket Barisan Nasional, mereka berhentian kereta dan mengeluarkan kata-kata yang tidak senonoh dan juga ada kalanya mereka *puncture* kita punya kereta. Saya merasa takut mungkin keamanan yang saya dapat nikmati selama ini tidak akan menjadi satu kenyataan dalam masa 10 atau 20 tahun nanti apabila anak-anak saya ataupun cucu-cucu saya tidak dapat tinggal dalam aman dan damai. Perpaduan yang kita nikmati sehingga sekarang saya amat takut.

Inilah buat kali pertama kita takut keluar dalam jalan raya dan bergerak dari satu tempat ke satu tempat dalam keadaan yang menakutkan. Mereka cukup agresif dan kebanyakan mereka adalah golongan muda, remaja. Dan ada kalanya kami juga nampak ada kanak-kanak yang berumur tidak lebih daripada 10 tahun mereka gulungkan bendera pembangkang dan mereka naik van. Kita nampak itu semua. Itu semua adalah sesuatu yang menakutkan dan bagi kita yang bukan Melayu yang tidak merasa takut sebelum ini merasa takut.

Saya harap dalam keadaan ini mungkin apabila mereka di bangku sekolah lagi dapat menyemaikan semangat muhibah, semangat perpaduan dan sifat hormat-menghormati disemaikan di hati sanubari mereka daripada kecil supaya mereka menjadi orang dewasa yang dapat menghormati orang lain.

Ketika saya di bangku sekolah dulu saya masih teringat saya adalah daripada sebuah ladang yang berhampiran dengan sebuah kampung dan semasa perayaan Deepavali bapa saya akan menjemput seorang Pak Haji untuk menyembelih kambing. Begitulah kita menghormati agama Islam. Dan pada masa perayaan hari raya mereka akan jemput kita dan mereka tidak akan menghidangkan daging lembu tetapi menghidangkan ayam. Begitulah mereka menghormati agama lain. Tetapi sifat itu sekarang saya rasa makin lupalu.

Kalau ini terjadi, saya bimbang tentang perpaduan dan keamanan di negara ini. Saya berharap semua pemimpin dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di sini akan berusaha untuk menentukan negara kita terus aman damai dan kita semua hidup dalam keadaan dan suasana yang tidak menakutkan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Minta laluan. Saya setuju dengan Yang Berhormat kerana kita dapati tahap agresif ini meningkat daripada Sanggang dulu, saya ingat sudah agresif tetapi Lunas lebih agresif. Kalau sekiranya boleh dikatakan sekali ganda lebih agresif. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, dalam keadaan yang menakutkan begitu, adakah ianya melanggar etika pilihan raya dan kalau ianya melanggar etika pilihan raya, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengesyorkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya bagi menggariskan satu lagi etika baru di mana kalau sekiranya penyokong-penyokong calon yang menimbulkan keadaan yang menakutkan ini, yang menimbulkan isu-isu agama dan perkauman yang amat extreme ini, sehingga keadaan keamanan tidak tenteram, mereka mungkin lucut daripada menjadi calon. Terima kasih.

Puan Jaya Partiban: Yang Berhormat Dato', bagi pendapat saya, adalah perlu satu kajian yang mendalam dibuat Suruhanjaya Pilihan Raya sebab saya rasa rakyat jelata, biar siapa dia tidak mempunyai kuasa untuk menghentikan orang pergi dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Malaysia ini adalah satu negara yang demokrasi di mana ada kebebasan bergerak dari satu negeri ke satu negeri yang lain.

Apa yang berlaku pada hari pilihan raya itu, sangat menyedihkan sebab ada satu golongan – saya tidak boleh katakan kecil sebab bilangan mereka amat besar tetapi mereka mengambil undang-undang di tangan mereka. Saya rasa mereka tidak berhak menghentikan bas, naik atas bas dan memaksa orang yang ada dalam bas itu keluaran kad pengenalan mereka. Mereka tidak berhak. Saya rasa hanya polis sahaja berhak.

Apa yang lebih membimbangkan saya adalah mereka yang buat ini semua, dibiarkan begitu sahaja tetapi mereka yang berada dalam bas yang tidak buat apa-apa kesalahan dan tidak melanggar sebarang undang-undang, sebab di Malaysia kita boleh pergi ke mana-mana negara tanpa sebarang gangguan atau tanpa mendapatkan kelulusan ataupun apa-apa. Mereka dikepung dan diiringi ke balai polis dan diarahkan keluar dari negeri itu. Mana ada undang-undang? Mereka tidak hormati undang-undang. Kalau mereka ada buat gangguan atau kekacauan atau mewujudkan sebarang pengacauan ketenteraman awam, saya boleh faham. Tetapi mereka tidak buat sebab wanita MIC dari negeri lain pun ada 25 orang di atas bas itu.

Tetapi mereka tidak dibenarkan turun dari bas. Mereka tidak dapat pergi ke tandas selama enam jam, dari pukul 6.30 pagi sehingga pukul 12.00 tengah hari dan polis pun hanya ikut kehendak parti pembangkang, kumpulan yang kepung bas itu dan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap mereka. Mereka sebaliknya mengiringi bas-bas ini ke balai polis dan selepas enam jam, suruh mereka keluar dari Kedah. Mereka mengiringi bas itu sehingga ke lebuhraya. Apa undang-undang ini? Saya tidak faham.

Dalam keadaan ini, saya rasa, Suruhanjaya Pilihan Raya mesti membuat satu kajian yang mendalam dan jika perlu mengadakan peraturan-peraturan yang tertentu untuk menjamin perkara seperti ini tidak berlaku di masa depan dan juga rakyat jelata tidak akan merasa takut untuk keluar dan mengundi mengikut kehendak mereka. Sebab itulah amalan demokrasi. Kalau kita kata demokrasi dan tidak akan benarkan orang bergerak dari satu negeri ke satu negeri yang lain dan tidak biarkan mereka undi secara yang mereka suka. Itu tidak adil. Sesiapa sahaja boleh dipilih. Itu perkara biasa.

Dalam pilihan raya, seorang mesti menang dan seorang mesti kalah. Itu adalah perkara biasa. Tetapi macam mana boleh menghentikan ataupun paksa

seseorang itu ikut kehendak satu kumpulan hanya kerana mereka terdiri dari bilangan yang besar dan ada juga di antara mereka yang pegang pisau dan parang. Apabila wanita MIC itu telefon saya pukul 6.30 pagi pada hari itu, dia takut. Dia naik bas dan kata, "Bagi IC!". Mereka takut. Memang ada seorang dua yang menangis. Saya berharap pada masa akan datang, perkara-perkara seperti ini dielakkan dan Suruhanjaya Pilihan Raya perlu mengkaji apakah peraturan yang perlu dikenakan untuk mengelakkan masalah seperti ini.

Balik kepada perpaduan di sekolah. Saya merasa sikap bergaul sesama kaum sendiri, sepatutnya dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali sekiranya kita perlu hidup sebagai rakyat Malaysia yang menikmati perpaduan, keamanan dan juga kemakmuran negara ini. Sikap ini jika dibiarkan, saya takut apabila pelajar ini dewasa kelak, mereka tidak akan bergaul campur dengan bangsa lain dan perpaduan akan terjejas. Di dunia ini, mencari kebendaan adalah satu amalan biasa. Tetapi itu sahaja tidak mencukupi. Untuk menjadi manusia yang sempurna, seseorang itu hendaklah mempunyai nilai-nilai hidup yang murni dan sifat-sifat yang terpuji seperti dikehendaki oleh semua agama.

Dalam konteks ini, saya merasa Kementerian Pendidikan mempunyai tanggungjawab yang besar kerana di sinilah sifat-sifat seperti ini dibentuk. Jadi, menjadi harapan besar saya bahawa Kementerian Pendidikan akan mempergiatkan usahanya menyemaikan nilai-nilai ini di kalangan para pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu tentang kedudukan bekas anggota angkatan tentera, khususnya yang terdiri daripada kaum bukan bumiputera. Kita harus mengingati bahawa ahli-ahli anggota angkatan tentera sedia mengorbankan nyawa untuk tanah air kita, sama dengan ahli-ahli angkatan tentera kaum bumiputera. Mereka telah menggunakan, dengan izin, *the best tears of their life* untuk mempertahankan negara yang dicintai ini. Apabila sampai masa untuk meninggalkan perkhidmatan angkatan tentera, mereka mempunyai banyak komitmen keluarga. Anak-anak mereka biasanya sudah cukup umur pergi ke universiti dan sebagainya.

Walaupun kerajaan telah mengadakan pelbagai manfaat untuk bekas-bekas ahli anggota tentera ini, kebanyakan dari golongan ini mendapati sukar untuk mereka mencari pekerjaan berdasarkan umur dan taraf pendidikan. Hasil daripada semua ini,

ramai bekas tentera akhirnya dengan izin, *end up at the lower rank of the social ladder*. Tambahan pula, gaji anggota tentera tidak begitu *attractive* dan oleh kerana masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka apabila mereka meninggalkan perkhidmatan, ramai tidak menyertai pasukan tentera. Hasil daripada semua ini adalah masalah menarik bukan bumiputera ke dalam angkatan tentera, makin lama makin merosot.

Untuk mengatasi masalah ini, saya bercadang ahli-ahli bekas angkatan tentera diberi peluang untuk menyertai Amanah Saham Nasional. Mereka diberi layanan serupa dengan bumiputera apabila membeli rumah iaitu layak menerima diskaun yang sama. Anak-anak bekas anggota, layak dipertimbangkan untuk biasiswa dan tempat-tempat belajar di institusi MARA dan lain-lain institusi pengajian tinggi. 5% daripada semua kontrak atau tender kerajaan dikhususkan untuk bekas anggota tentera supaya mereka juga dapat menikmati kehidupan yang selesa selepas berkhidmat untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Kesihatan, saya merasa kesal kerana kementerian ini mengambil masa yang begitu panjang untuk membawa klinik-klinik di ladang di bawah pengawasan Kementerian Kesihatan. Rakyat Malaysia pada amnya, menikmati perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang baik tetapi rakyatnya yang tinggal di kawasan perladangan, nampaknya ketinggalan. Alasan klinik-klinik ini terletak di tanah persendirian sudah lama kita dengar. Baru-baru ini wanita MIC melancarkan Bulan Kesedaran Kesihatan dan tumpukan perhatian di ladang-ladang.

Kami sedih apabila mengesan beberapa orang pekerja ladang wanita menghadapi penyakit *breast cancer* dan *cervical cancer* pada *advanced stage*. Ini adalah kerana mereka kurang kesedaran dan tidak pula pergi membuat pemeriksaan yang perlu. Di ladang-ladang tidak terdapat kemudahan pemeriksaan seperti ini dan juga mereka kurang sedar tentang pentingnya mereka perlu pergi di mana dapat kemudahan itu. Mungkin pihak kementerian akan berkata mereka boleh pergi ke pusat perubatan yang berhampiran. Tetapi mereka ini tidak mempunyai kesedaran tentang pentingnya menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa.

Saya merasa Kementerian Kesihatan mempunyai tanggungjawab membawa kesedaran ini kepada rakyatnya yang kurang kesedaran, kurang mampu dan kurang pendedahan. Saya berharap Kementerian Kesihatan mengambil langkah-langkah perlu untuk mengatasi masalah ini.

Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Christina.

3.13 ptg.

Datuk Christina Lorline Stephen Tibok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2000. Sebelum itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Michael Chen yang dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Christina Lorline Stephen Tibok: Adalah diperhatikan bahawa sebahagian besar daripada jumlah RM4.9 bilion yang dipohon di sini adalah untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan kerajaan. Kenaikan gaji ini adalah selaras dengan pemulihan ekonomi negara selepas dilanda kegawatan pada tahun 1997 dan 1998.

Dato' Charern Intachat: Minta laluan, Yang Berhormat. Mintalah kuat sedikit, kami tidak berapa dengar. *[Ketawa]*

Datuk Christina Lorline Stephen Tibok: Terima kasih, okay. Tuan Yang di-Pertua, saya dalam perbincangan yang ringkas mengenai rang undang-undang ini akan hanya menyentuh kepada B.26 iaitu Kementerian Pendidikan dan B.34 iaitu Kementerian Kesihatan.

B.26 - Kementerian Pendidikan mendapat RM470.5 juta daripada Perbekalan Tambahan 2000 ini. Kementerian Pendidikan telah membelanjakan, saya difahamkan sebanyak RM23.11 juta pada tahun lalu untuk melaksanakan program pendidikan khas. Saya percaya bahawa matlamat program ini untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada murid-murid cacat tidak dapat dicapai sepenuhnya. Sebab ini tidak dapat dicapai adalah kerana kekurangan guru terlatih dalam pendidikan khas serta kekurangan peralatan dan kemudahan. Saya harap Kementerian Pendidikan

akan mengambil berat tentang hal ini supaya ahli-ahli masyarakat kita yang kurang bernasib baik dapat hidup dengan baik seperti juga orang-orang biasa.

Selain daripada itu saya mohon juga kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk memantau pengurusan sekolah berasrama penuh terutama sekali dalam pembekalan makanan dan pengurusan kewangan. Ini adalah disebabkan menurut kajian beberapa sekolah didapati lemah mengenai pengurusan kewangan seperti perakaunan, kutipan tidak teratur dan pengurusan akaun asrama kurang memuaskan. Kualiti makanan juga didapati tidak memuaskan. Oleh itu saya meminta di sini Kementerian Pendidikan untuk memantau dan juga untuk memastikan bahawa murid-murid kita yang tinggal di asrama ini dapat makanan yang berzat. Kementerian Pendidikan juga telah melaksanakan Skim Pinjaman Buku Teks. Syabas, di atas langkah yang baik ini. Walau bagaimanapun ada teguran bahawa ada beberapa kelemahan dalam pelaksanaan skim ini diperhatikan, seperti pelajar-pelajar yang tidak layak diberi bantuan buku-buku tambahan dibeli sungguhpun stoknya masih ada dan bayaran dibuat untuk buku yang tidak dibekalkan.

Untuk ini saya sarankan bahawa kementerian bertindak untuk mengawasi perkara ini supaya tujuannya tercapai dan wang kerajaan tidak disia-siakan. Untuk mengawasi masalah ini saya mencadangkan Kementerian Pendidikan mewujudkan satu jawatankuasa penyelia di setiap daerah supaya tujuan dan pelaksanaan Program Skim Pinjaman Buku Teks ini dilaksanakan dengan teratur dan tidak disalahgunakan.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan B.34 iaitu Kementerian Kesihatan yang kita nampak bahawa mendapat RM190.6 juta daripada perbekalan ini. Saya ingin menyentuh tentang perancangan projek-projek kesihatan dan juga kualiti kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi kontrak. Saya rujuk perkara ini kerana laporan tentang tahun lalu menunjukkan sebanyak 23 kes kerja pembinaan di tujuh hospital tidak mengikut spesifikasi. Satu daripada kes ini ialah tentang siling jatuh di Klinik Kesihatan Luyang, Kota Kinabalu baru-baru ini. Ini adalah disebabkan ukuran siling tidak sama dengan ukuran bingkai siling. Saya juga difahamkan bahawa banyak projek kesihatan tidak dirancang dengan teliti di mana beberapa kerja penting tidak dimasukkan dalam kontrak asal. Antara kerja yang tidak diambil kira ialah pembekalan, pemasangan dan penyelenggaraan.

Bagi beberapa kerja lain, sungguhpun telah diambil kira, tetapi kosnya yang ditunjukkan dalam kontrak adalah terlalu rendah. Keadaan ini menyebabkan kos projek itu bagi sembilan buah hospital telah meningkat daripada RM205 juta kepada RM257.6 juta iaitu meningkat sebanyak RM52.62 juta.

Saya percaya Kementerian Kesihatan mempunyai penjelasan-penjelasan tentang perkara ini. Saya juga harap Kementerian Kesihatan akan dapat menjelaskan tentang sembilan jenis peralatan yang dibekalkan sejak beberapa tahun yang lalu yang bernilai RM780 ribu yang tidak dapat dikesan di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Saya percaya ini adalah disebabkan penyimpanan dan penyelenggaraan rekod-rekod peralatan tidak teratur. Saya harap kementerian dapat mengambil tindakan yang tertentu agar perkara seperti ini tidak berlaku di masa-masa yang akan datang kerana bila perkara ini berlaku adalah menggambarkan kelemahan pentadbiran kementerian yang berkenaan. Di sini saya juga ingin sedarkan atau barangkali bertanya kepada Kementerian Kesihatan bahawa di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu ada beberapa bilik konsultasi ataupun dengan izin, *consultation room* mempunyai dua atau empat orang doktor untuk melayan dua atau tiga orang pesakit dalam satu bilik. Ini telah memberi perasaan *self consciousness* kepada pesakit-pesakit dan memang tidak sesuai, pada pendapat saya. Oleh itu saya mintalah kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah ini dengan seberapa segera.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang Akta Perbekalan (Tambahan) 2000 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Tuan Abdillah.

3.21 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas rang undang-undang iaitu Akta Perbekalan Tambahan (2000) (No.2) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, dari mula lagi saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong dengan sepenuhnya rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun, saya ingin juga memberi beberapa pandangan saya ke atas beberapa perkara yang ada dalam rang undang-undang tersebut. Saya ada dua perkara sahaja yang ingin saya

beri pandangan di sini iaitu B.26 berhubung dengan pendidikan dan B.21 berhubung dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa dua, tiga bulan yang lalu, banyak pandangan telah diberi ke atas cadangan kerajaan untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi. Saya sendiri menyokong dengan sepenuhnya cadangan kerajaan untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris ini. Walau bagaimanapun, seperti apa yang kita baca dalam surat-surat khabar dan majalah-majalah yang tertentu, terdapat beberapa bilangan rakyat kita yang mempunyai pandangan yang bercampur-campur tentang perkara ini. Saya berpendapat bahawa pandangan mereka juga ada asasnya dan perlu juga kita lihat kerana yang nyata sekali saya dapat lihat ialah sebahagian daripada mereka khuatir dan bimbang kalaulah dengan adanya peningkatan penggunaan Bahasa Inggeris ini ianya akan mengancam penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa di sekolah dan bahasa ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum, apabila kita menggubal Dasar Ekonomi Baru, pada masa itu juga Bahasa Malaysia telah diusahakan untuk digunakan dalam sekolah dan juga institusi-institusi pengajian tinggi dan usaha pada masa itu yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kita dengan begitu gigih telah berhasil kerana beberapa universiti telah ditubuhkan dan beberapa bidang pengajian telah diadakan dalam Bahasa Malaysia seperti ilmu perubatan, kejuruteraan dan lain-lain lagi. Jadi dengan sendirinya bahawa Bahasa Malaysia sudah dapat menjadi bahasa ilmu. Walau bagaimanapun dalam suasana sekarang ini di mana Bahasa Inggeris adalah penting untuk memudahkan pe lajar-pelajar kita menguasai teknologi maklumat maka rancangan kerajaan ataupun cadangan kerajaan untuk meningkatkan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah adalah tepat pada masanya. Sepatutnya perkara ini sudah diadakan mungkin beberapa tahun yang lalu.

Apa yang harus kita lihat di sini adalah dalam kita berusaha untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris, pelaksanaan dan penggunaan Bahasa Malaysia yang ada sekarang tidak perlu kita ubah. Kita bimbang dengan adanya cadangan kerajaan untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris, kita takut dengan kehairahan kita untuk menggunakan Bahasa Inggeris itu kita akan lupa

kepada matlamat asal Bahasa Malaysia. Selain daripada ianya sebagai bahasa untuk menyatukan bangsa, banyak lagi sebab-sebab lain mengapa Bahasa Malaysia itu digunakan di sekolah seperti apa yang saya memaklumkan awal tadi iaitu salah satu daripadanya ialah untuk membolehkan banyak lagi penuntut-penuntut terutama sekali bumiputera melanjutkan pelajaran mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi. Apa yang saya maksudkan di sini adalah apabila kita meningkatkan Bahasa Inggeris ini tidak seharusnya kita mengubah dasar penggunaan Bahasa Malaysia. Biarlah apa yang ada kita buat berhubung dengan Bahasa Malaysia sekarang kita lanjutkan terus dan kita hanya perlu mencari atau mengkaji satu cara bagaimana penggunaan Bahasa Inggeris ini dapat dipertingkatkan tanpa menjejaskan dan mengancam Bahasa Malaysia itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita berusaha untuk meningkatkan Bahasa Inggeris itu untuk digunakan oleh pelajar-pelajar kita yang perlu ditekankan di sini ialah sikap. Seperti mana yang kita maklum, kelemahan dalam penggunaan Bahasa Inggeris ini adalah didapati terlalu ramai di kalangan penuntut-penuntut bumiputera. Oleh yang demikian, usaha kita untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan penuntut-penuntut bumiputera, salah satu caranya ialah dengan mengubah sikap mereka supaya jangan mereka memandang bahawa Bahasa Inggeris itu sebagai satu bahasa penjajah.

Inilah salah satu faktor juga yang menyebabkan pada peringkat awal apabila Bahasa Malaysia dipertingkatkan, digunakan pada masa itu kebanyakan daripada kita juga, termasuk juga saya semasa bersekolah dahulu terlalu emosi terhadap Bahasa Inggeris kerana difikirkan bahasa itu bahasa penjajah. Jadi sikap penuntut-penuntut kita sekarang terhadap Bahasa Inggeris ialah Bahasa Inggeris itu harus dipandang sebagai satu bahasa ilmu untuk kita mencapai ilmu yang lebih tinggi lagi dan untuk memudahkan kita berkomunikasi dan berinteraksi dengan dunia luar dan jangan dipandang ianya sebagai bahasa penjajah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin memberi pandangan saya kepada Kementerian Pendidikan supaya kementerian dalam usahanya untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah ianya tidak akan menjejaskan

penggunaan Bahasa Malaysia. Carilah jalan yang baik bagaimana penggunaan Bahasa Inggeris itu dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan kelas tuisyen. Saya pernah berucap mengenai kelas tuisyen di Dewan yang mulia ini pada sidang yang lalu kerana saya memandang berat terhadap perkara ini ialah kerana di negara kita kelas-kelas tuisyen ini tumbuh macam cendawan sehingga anak-anak kita di peringkat sekolah rendah pun juga terpaksa dihantar ke kelas tuisyen. Kerana saya percaya ini memanglah sudah menjadi lazim, tiap-tiap ibu bapa mahu melihat anak mereka mendapat pencapaian cemerlang dalam sekolah sehingga dari peringkat sekolah rendah lagi anak-anak telah dihantar pergi ke kelas tuisyen. Saya tidak menentang ataupun membantah kewujudan kelas-kelas tuisyen ini kerana ianya baik, siapa mampu bolehlah menghantar anak ke kelas tuisyen dan siapa yang tidak mampu tak apalah, terpaksa bagi anak ini bergantung kepada sekolah-sekolah.

Dalam hal demikian, saya berharap kementerian akan memantau kegiatan kelas-kelas tuisyen ini terutama sekali di mana ianya menggunakan tenaga pengajar guru-guru sekolah, iaitu guru-guru sekolah akan berkhidmat dalam kelas-kelas tuisyen ini sebagai kerja sambilan. Saya khuatir jikalau guru-guru juga terlibat dalam kelas-kelas tuisyen, prestasi mereka di sekolah akan menurun dan ini akan menjejaskan prestasi anak-anak sekolah. Bagi anak-anak sekolah yang berkemampuan ini tidaklah menjadi masalah kerana mereka bolehlah pergi ke kelas-kelas tuisyen kerana ibu bapa mereka mampu. Tetapi bagi anak-anak miskin yang tidak mampu sekiranya guru-guru yang terlibat dalam kelas-kelas tuisyen tidak mengajar dengan baik di sekolah, maka penuntut-penuntut ini akan terjejas dalam pelajaran mereka.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya memandang berat ke atas kebocoran kertas-kertas peperiksaan yang kadang-kadang berlaku di negara kita ini. Dengan adanya kemudahan yang canggih pada masa ini saya takut kegiatan sesetengah orang membocorkan kertas peperiksaan ini tidak akan dapat dikawal. Seperti mana yang kita maklum, information technology melalui Internet boleh menjadi satu alat yang membocorkan kertas peperiksaan ini. Jadi, oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Pendidikan akan mencari jalan dan berusaha supaya kemungkinan kebocoran kertas peperiksaan awam melalui Internet tidak akan wujud di negara kita.

Saya telah terbaca dalam satu surat khabar di mana sebuah negara bimbang bagaimana penipuan dalam peperiksaan di universiti dapat dibuat melalui Internet. Ceritanya begini, seorang penuntut yang berumur 23 tahun telah membuat website dan menggalak penuntut-penuntut yang mempunyai essay dan research yang baik untuk dijual kepada mereka dan kemudian essay dan assignment ini akan disebar dalam Internet secara percuma untuk penuntut-penuntut lain menggunakannya. Cara mereka mengutipkan wang dalam hal ini ialah dengan menjualkan advertisement. Jadi, walaupun tujuannya ialah untuk memberi kemudahan kepada penuntut-penuntut untuk membuat assignment dan seterusnya, apa yang dikhuatiri ialah penuntut-penuntut itu akan dapat lulus tanpa usaha sendiri, hanya dengan meniru sahaja. Jadi, ini satu kaedah yang mungkin berlaku sekiranya kita tidak mengawal penggunaan Internet di mana ianya boleh digunakan sebagai kemudahan untuk membocorkan kertas peperiksaan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai cyber cafe. Kita benar-benar mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana begitu berani, mempunyai satu *political will* yang begitu baik sehingga tertutupnya sebahagian besar, kalau tidak semua pusat-pusat video game. Orang business ini mereka akan mencari jalan bagaimana mereka boleh menarik minat pelawat-pelawat video game ini. Salah satu mungkin cyber cafe. Jadi, saya berharap kementerian yang berkenaan mungkin juga Kementerian Pendidikan akan memantau kegiatan dan juga maklumat yang ada disimpan dalam cyber cafe.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Datuk Gazi ada bercakap tentang lokar (locker) di sekolah-sekolah. Baru-baru ini saya juga terbaca dalam surat khabar bahawa Kementerian Pendidikan bercadang untuk membekalkan banyak lokar di sekolah untuk murid-murid menyimpan buku-buku mereka. Saya berpendapat bahawa kalau menggunakan lokar ini mungkin perbelanjaan akan menjadi besar untuk kerajaan. Pada hal meja sekolah itu boleh digunakan untuk menyimpan buku dengan membuat kunci kepada drawer yang ada di bawah meja itu. Pada satu ketika semasa saya kecil dahulu di peringkat darjah satu, darjah dua saya pernah belajar di sekolah di mana meja itu sendiri boleh kita gunakan untuk menyimpan buku dan atas meja itu ditutup dengan kunci. Jadi, saya berharap mungkin ini adalah satu cadangan yang

boleh meringankan anak-anak kita daripada membawa beg yang berat-berat ke sekolah dan juga beban kepada kerajaan untuk membuat lokar di beberapa sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang apa yang telah disebutkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat kita tadi berhubung dengan orang tengah. Seperti mana yang kita maklum di masa-masa perayaan seperti yang kita akan alami tidak berapa lama lagi iaitu Hari Raya Aidilfitri, Krismas dan seterusnya, kita akan mengalami satu peristiwa di mana barang-barang yang dijual oleh peniaga-peniaga runcit melambung tinggi, dan ada harga itu didapati tidak berpatutan. Selalunya kita menegur peniaga -peniaga runcit kerana kita fikir mereka yang menyebabkan harga itu naik begitu tinggi.

Di sini saya ingin juga menyaran kepada kerajaan selain daripada menegur peniaga-peniaga runcit kita juga harus menegur para pembekal dan pengedar, kerana didapati para pembekal dan pengedar juga mengambil kesempatan pada waktu ini sehingga pihak peniaga kecil yang menjual secara runcit menaikkan harga jualan mereka. Jadi, kalau boleh kita tangani masalah ini bukan pada peringkat yang akhir tetapi dari peringkat awal iaitu pada peringkat pembekal dan pengedar.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu, mungkin beberapa minggu yang lalu satu jenama kosmetik telah diharamkan kerana didapati mengandungi racun. Tindakan kerajaan sangatlah dialu-alukan kerana ianya dengan sendiri akan dapat mengawal kesihatan rakyat daripada mengguna kosmetik yang mengandungi racun. Apa yang saya ingin tegur di sini ialah kenapakah sehingga kosmetik itu sudah banyak dijual baru kita dapat mengesan racun itu. Kenapa sebelum kosmetik itu dijual kepada pembeli ianya dikajikan dahulu supaya barang-barang itu tidak dijual kepada pengguna. Walaupun kerajaan telah dapat mengharamkan penjualan kosmetik ini, dengan izin, the damage has been done, iaitu banyak orang telah membeli kosmetik ini. Saya berharap di masa-masa yang akan datang kementerian yang berkenaan akan lebih peka lagi dan lebih cekap lagi untuk mengesan mana-mana bahan-bahan yang mengandungi racun dan bahan-bahan yang tidak boleh dijual seperti yang mengandungi bahan toksik dapat dikesan awal-awal lagi sebelum ianya dijual kepada para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya ucapkan di Dewan yang mulia ini, dan dengan itu sekali lagi saya ingin memaklumkan bahawa saya menyokong rang undang-undang ini iaitu Akta Perbekalan Tambahan (2000) (No.2) 2000. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Chia Chui Ket Melanie.

3.41 ptg.

Puan Melanie Chia Chui Ket: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengambil peluang yang ringkas untuk membahaskan rang undang-undang iaitu Akta Perbekalan Tambahan (2000) (No.2) 2000. Rang undang-undang yang dibahaskan di Dewan yang mulia ini bertujuan mengadakan peruntukan untuk mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak RM4,934,986,518.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah peruntukan yang begitu besar lebih kurang 21% dari jumlah anggaran tambahan kedua ini adalah dikehendaki untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam dan kenaikan imbuhan tetap perumahan (ITP) iaitu 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3. Pada pandangan saya ini menunjukkan kerajaan menghargai sumbangan dari kakitangan perkhidmatan awam di negara ini. Saya yakin mereka akan reciprocate, dengan izin, dengan mewujudkan kegiatan dan kemajuan perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.29, Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Tambahan sebanyak RM2,348,077,600 atau lebih kurang 68% jumlah anggaran tambahan kedua ini dikehendaki sebagai pemberian bagi subsidi harga petrol, diesel dan LPG bagi tempoh Oktober 1999 hingga Disember 2000. Ini bermakna subsidi yang diberi kepada seorang di negara ini adalah lebih kurang RM145,000 setahun atau lebih kurang RM9,000 seorang sebulan.

Tindakan untuk memberi subsidi mungkin ada luar biasa kalau dibandingkan dengan negara yang lain. Mungkin pihak kerajaan boleh menjelaskan atau menerangkan kesan subsidi ini dan implikasinya seperti inflasi, menaikkan harga barang-barangan dan lain-lain kalau subsidi ini tidak diperuntukkan. Ini supaya kita boleh menghargai tindakan kerajaan tersebut.

Dengan ini saya juga mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan See Too Mee.

3.45 ptg.

Puan See Too Mee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin sentuh sedikit sebanyak tentang isu pendidikan. Seperti mana kita semua sedia maklum pendidikan adalah teras kepada pembangunan negara, program pendidikan dan latihan kemahiran telah diberi keutamaan yang tinggi oleh semua pihak.

Program pendidikan dalam usaha mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani ke arah melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Sejajar dengan konsep pendidikan untuk semua, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM10,098.8 juta untuk program pembangunan pendidikan dan latihan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan perbekalan tambahan sebanyak RM470,560,600 untuk perbelanjaan mengurus, membiayai keperluan perkhidmatan dan program-program berkenaan. Pelbagai usaha ini demi memastikan semua lapisan rakyat berpeluang mendapat pendidikan yang bermutu tinggi.

Selain daripada itu, pelbagai akta lama dipinda dan akta baru yang telah digubal sejak kebelakangan ini dengan tujuan untuk mengemaskinikan pentadbiran dan pelaksanaan sistem pendidikan negara kita ini dengan lebih licin, teratur dan berkesan di samping memperkenalkan pelbagai dasar perancangan baru demi memperkukuhkan dan mempertingkatkan pelaksanaan sistem pendidikan yang sedia ada dengan cita-cita murni dalam mencapai matlamat dan objektif pendidikan negara kita ini.

Antaranya ialah Akta Pendidikan 1996, Akta 550, Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996, Akta Institut Pendidikan Tinggi Swasta, Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan sebagainya yang berkaitan.

Pengamalan dasar terbuka dalam pendidikan yang akan menjadikan negara kita ini sebagai pusat pendidikan rantau ini tetap menjadi satu kenyataan. Jumlah universiti ditambah sama ada yang ditubuhkan oleh kerajaan atau swasta. Kolej swasta yang ditubuhkan seperti cendawan dengan menyediakan pelbagai kursus peringkat diploma, ijazah sarjana muda melalui program kembar, dengan izin, *twin programme* dengan institut pengajian tinggi yang terkemuka di dalam dan di luar negara. Ini telah banyak memberi peluang dan faedah kepada generasi muda kita untuk melanjutkan pelajaran mereka ke tahap pendidikan tinggi. Dengan seterusnya mewujudkan golongan rakyat berpelajaran demi memenuhi keperluan negara khasnya dalam mencapai matlamat Wawasan 2020.

Namun demikian, peringkat pelaksanaan dan implementasi melalui perancangan, penyelarasan, pengurusan dan pembangunan dari segi infrastruktur persekolahan masih dalam keadaan yang kurang memuaskan terutamanya di pelbagai peringkat sekolah menengah dan rendah seperti yang berikut:

- (i) kekurangan tenaga pengajar yang terlatih khasnya guru Bahasa Cina di peringkat sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Perkara ini kini semakin ketara di mana kekurangan guru dianggarkan lebih kurang 4,000 orang di seluruh negara. Walaupun beberapa langkah diambil seperti pengambilan guru sandaran dan guru berpencen secara kontrak, cuma merupakan langkah-langkah bagi sementara waktu sahaja; dan
- (ii) kekurangan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di kawasan-kawasan bandaran terutama dalam pusat-pusat pertumbuhan pesat dan rancangan perumahan baru. Pertambahan penduduk yang pesat dalam pusat-pusat pertumbuhan telah mengakibatkan kewujudan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan yang berbentuk gergasi dengan jumlah pelajar melebihi 3,000 atau 4,000 orang. Kepadatan pelajar-pelajar dalam satu-satu kelas yang terlalu ramai dan melebihi nisbah seperti mana yang telah ditetapkan sememangnya

menimbulkan implikasi yang negatif dalam pembelajaran para pelajar itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan konsep Sekolah Wawasan. Pada amnya konsep yang menjurus kepada integrasi antara kaum tidak dibantah oleh sesiapa. Dengan memandangkan konsep ini merupakan satu usaha murni untuk memupuk integrasi rakyat, maka maklumat sepenuhnya termasuk garis panduan pelaksanaan konsep ini perlu didedahkan dan dihalusi serta dibahaskan pada peringkat awal di mana cara pelaksanaan konsep ini yang menimbulkan keraguan dan kebimbangan di kalangan masyarakat Cina selama ini.

Konsep sekolah wawasan yang diperkenalkan ini masih belum mencapai satu kata sepakat di antara pelbagai pihak yang terlibat khususnya pihak Dong Zhong, (persatuan badan kebangsaan) dan Jiao Zhong (persatuan guru-guru). Kedua-dua yang bekerjasama dan dinamakan Dong Jiao Zhong yang mewakili lembaga pengarah dan pengelola dalam sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dalam negara ini. Selaku wakil parti Barisan Nasional yang bertanggungjawab dan berprihatin terhadap program pendidikan negara, saya menyokong tentang konsep ini dan berpendapat bahawa masih mempunyai ruang dan peluang yang luas untuk perbincangan bagi menghalusi garis panduan konsep ini.

Saya amat bersetuju dengan saranan dalam pelaksanaan konsep sekolah wawasan untuk sekolah baru tanpa melibatkan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang sedia ada di mana semua sekolah yang akan ditubuhkan nanti akan dijadikan sekolah-sekolah wawasan ini. Ini merupakan satu cara yang lebih mudah dan terbaik untuk membuktikan keberkesanan konsep ini.

Penubuhan sekolah-sekolah wawasan dengan sendirinya merupakan satu langkah untuk mengurangkan tekanan kesesakan jumlah pelajar yang sedia ada dalam sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dalam pusat-pusat pertumbuhan di kawasan bandar-bandar. Malahan terus mencapai hasrat kerajaan dalam memperkenalkan konsep sekolah wawasan yang merupakan kesungguhan kerajaan dalam menyelesaikan masalah kekurangan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dalam pusat-pusat pertumbuhan dalam bandar-bandar.

Pelaksanaan konsep sekolah wawasan juga memerlukan pemantauan kerajaan terhadap masalah kekurangan guru bahasa Cina di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina. Ini merupakan satu persoalan yang nyata dan sering dijadikan isu pertikaian oleh syarikat Cina amnya. Persediaan kerajaan dalam menyelesaikan masalah dengan mengadakan satu konsep pelaksanaan yang lebih lengkap dan praktikal akan terus menunjukkan kejujuran kerajaan dalam menyelesaikan masalah dan memperkenalkan sesuatu konsep yang murni seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini satu persoalan yang penting perlu diambil kira oleh semua pihak sama ada kerajaan atau masyarakat Cina sendiri iaitu sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang sedia ada pada hari ini bukannya seolah-olah untuk sesuatu kaum tertentu iaitu kaum Cina sahaja. Sekolah-sekolah rendah Cina jenis kebangsaan Cina yang ada sekarang telah menampung berpuluh-puluh ribu pelajar pelbagai kaum khususnya kaum Melayu yang merupakan kaum yang paling ramai selain daripada kaum Cina sendiri.

Kewujudan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina telah terbukti nilainya dan ciri-cirinya telah diterima oleh semua pihak dalam negara kita ini, maka juga menjadi satu tanggungjawab kerajaan untuk memastikan identiti sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan sama ada Cina atau Tamil terus terpelihara.

Adalah diperakui bahawa rancangan integrasi murid-murid untuk perpaduan yang diperkenalkan pada tahun 19.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh berhentikan satu minit.

Puan See Too Mee: Baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1), sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat.

[Tuan Haji Gapar bin Gurrohu *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Jemput Yang Berhormat, teruskan.

Puan See Too Mee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Murid-murid perpaduan yang diperkenalkan pada tahun 1986 tetap disanjung dan dijadikan salah satu objektif utama dalam mencapai integrasi kaum dalam negara ini. Erti kata perpaduan kaum adalah satu usaha yang mengambil masa dan memerlukan ikhtiar

ikhlas semua pihak dan masalah hanya dapat diselesaikan jika ia dikaji serta tindakan diambil dengan sikap yang pragmatik dan berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan baru-baru ini, kali ini membabitkan sistem langkau kelas dari kelas tadika terus ke Darjah 2, sekolah rendah. Sebenarnya langkau atau lompat kelas bukanlah satu perkara baru bagi kita semua. Pelajar yang menunjukkan kecemerlangan dalam pelajaran diberi peluang berada satu tahap di hadapan rakan seusia mereka. Pada masa ini, langkau kelas diadakan bagi pelajar Darjah 3 ke Darjah 5 setelah menduduki Ujian Penilaian Tahap Satu (PTS) Tahun 3 sekolah rendah. Kejayaan cemerlang membolehkan mereka melompat terus ke Darjah 5 tanpa perlu belajar di Darjah 4. Malangnya bagi kebanyakan mereka yang menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) kecemerlangan mereka tidak dapat dipertahankan menyebabkan satu penilaian semula terpaksa dilakukan. Matlamat langkau kelas memang baik tetapi ia perlu dikaji secara mendalam kerana ia membabitkan sistem pendidikan yang membabitkan ramai kanak-kanak.

Hari ini terdapat ramai kanak-kanak yang dimasukkan ke sekolah tadika lebih awal dan lebih cepat belajar sehingga menjadi begitu pintar. Sistem pendidikan yang hanya membiarkan mereka belajar mengikut tahap-tahap yang ditetapkan. Sistem persekolahan tidak seharusnya diubah sehingga mengganggu pelajar yang berkemampuan pada tahap purata sederhana semata-mata. Pada lazimnya, Kementerian Pendidikan harus membuat keputusan yang tetap dalam apa juga urusan yang membabitkan murid dan pelajar. Ada yang berpendapat bahawa sesuatu sistem itu baik jika diteruskan. Ada yang ditegaskan di sini ialah kanak-kanak tidak seharusnya menjadi bahan eksperimen sepanjang masa di mana semasa didapati ada masalah kemudian hari, sistem itu diganti dengan sistem lain. Memang apa juga sistem dalam bidang pendidikan seharusnya diperbaharui dan dikaji dari masa ke semasa demi memastikan perkembangan sistem pendidikan negara kita dapat mengikut perkembangan masa. Tetapi ini tidak bermakna anak-anak kita dijadikan sebagai bahan eksperimen terus-menerus.

Dengan itu, saya turut menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan kali ini. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ya, jemput Yang Berhormat Senator Datuk Haji Karim Ghani.

4.05 ptg.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan berjuta-juta terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan perbelanjaan tambahan bagi tahun 2000 yang berjumlah lebih daripada RM4,934,000 juta. Ini menunjukkan betapa prihatin kerajaan kita untuk membekalkan peruntukan yang secukupnya demi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini anak seorang guru dan dalam Dewan ini saya difahamkan ramai bekas guru dan pendidik. Semasa belia dahulu, di bangku sekolah menengah, ayah saya menggalakkan saya dan kawan-kawan melawat ke seluruh pekan dan kampung di Sabah. Kami pergi berbasikal atau berjalan kaki, di mana terjumpa sungai kami mandi, tidur di sekolah-sekolah atau di surau-surau, makan berbekalkan beras, sayur-sayuran atau ikan sering kali dicari sendiri. Ini menyebabkan saya dan kawan-kawan pada ketika itu sangat kenal dengan negeri kami, sangat sayang dengan negeri kami sehinggakan apabila meninggalkan negeri itu untuk beberapa ketika bukan sahaja terkenang tetapi rindu untuk kembali ke kampung halaman. Malahan hingga hari ini sekalipun, apabila melawat tempat-tempat yang dilawati semasa kecil dahulu, kerinduan dan nostalgia itu timbul semula.

Perkara serupa ini saya dapati kurang berlaku kepada belia-belia kita pada masa ini mungkin kerana galakan kurang diberikan oleh ibu bapa atau mungkin peruntukan yang secukupnya tidak dibekalkan oleh kerajaan yang membolehkan belia-belia kita pada masa ini melawat ke negeri-negeri di dalam negara kita ini, menanamkan perasaan sayang, cinta kepada negara. Selepas bersekolah dalam tahun 1960-an dihantar untuk belajar ke luar negara. Selepas belajar, sebelum kembali ke tanah air, saya melawat negara-negara lain di Mesir umpamanya, di India dan Bangkok. Jadi, ini memberikan satu kesempatan untuk melihat negara yang maju, negara yang tidak maju dan dibandingkan dengan negara kita, memberikan saya kesedaran bahawa apa yang kita lihat di negara orang itu, ada di negara kita dan bahawa keadaan di negara kita lebih baik daripada negara-negara yang banyak kita lawati sebelum sampai balik ke negara kita.

Saya dapati akhir-akhir ini apabila pelajar-pelajar kita ke luar negara, selepas belajar terus pulang ke negara kita menyebabkan mereka merasakan *culture shock* di tempat yang maju, sehinggakan menimbulkan perasaan bahawa negeri kita ini mundur, negeri kita ini jauh ketinggalan, sebabnya orang-orang kita, penuntut-penuntut kita yang pergi ke luar negara tidak mempunyai kesempatan melihat macam mana keadaan beberapa negara yang lain. Kalau dapat Kementerian Belia dan Sukan memberikan peruntukan dan bantuan supaya penuntut-penuntut yang pergi ke luar negara, belajar di luar negara, sebelum balik, singgahlah dahulu di negara-negara yang lain supaya apabila sampai ke negara kita semula mereka akan sedar bahawa negara kita ini tidak kurang daripada negara-negara yang lain, malahan bagi saya, inilah syurga.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini sangat tertarik membaca berita yang, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pergi ke India untuk menyiasat bekalan daging yang dijual di negara ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada beliau kerana menyiasat harga, punca barang yang diimport ke negara kita. Jadi, kita tahu bahawa barang yang diimport dan daging yang diimport dari India itu tidak seharusnya dijual dengan harga yang mahal di negara kita tahu. Saya berharap menteri yang berkenaan akan terus juga membuat lawatan ke negara-negara lain untuk melihat, mengkaji, menyemak barang-barang seperti beras, susu, gula dan lain-lain yang diimport ke negara ini supaya kita tahu berapa harga sebenarnya pembelian dan berapa harga dijual di negara kita supaya kita dapat tahu berapa harga yang berpatutan dijual di negara kita ini. Saya ingin merayu, apabila beliau pergi melawat ke luar negara janganlah lupa membawa satu, dua orang Ahli daripada Dewan Negara ini bersama beliau.

Baru-baru ini juga, satu lagi menteri Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz melawat ke Sabah. Beliau menjelajah seluruh Sabah menggunakan kenderaan. Beliau nampak macam mana keadaan sekitar Sabah, macam mana kedudukan jalan raya di Sabah. Saya percaya dengan pengalaman beliau serupa itu, beliau dapatlah memberi penerangan kepada Ahli Jemaah Menteri lain supaya kekurangan di Sabah itu dapatlah dibantu.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, beliau ini bukan orang baru kepada Sabah, seluruh pelosok beliau lawati semasa sebelum menjadi Timbalan Menteri Pendidikan dan saya berharap beliau akan terus melawat Sabah kerana masih banyak lagi permohonan sekolah-sekolah dan juga permohonan peruntukan untuk membaiki sekolah dan melihat keadaan sekolah di Sabah yang sebenarnya masih daif lagi. Saya juga percaya beliau apabila di Sabah melihat maktab Sabah, sebuah maktab di mana dahulu saya pun menjadi salah seorang murid yang terawal. Maktab ini dibuat daripada kayu sahaja, dinding kayu, tetapi umurnya sudah lebih 40 tahun kalau tidak salah dan masih digunakan. Maktab ini mengeluarkan pemimpin-pemimpin tertinggi di Sabah.

Ertinya bahawa sekolah-sekolah tidak semestinya sekolah itu dibuat daripada konkrit dan sebagainya. Tidak salahnya membuat sekolah itu menggunakan bahan-bahan yang ada di negara ini jika *facility* yang diadakan di sekolah itu mestilah di *up to date* seperti Maktab Sabah, apabila dimulakan pada tahun 1957 dahulu ialah satu maktab yang *standard* nya pada masa itu melebihi sekolah-sekolah yang lain. Ertinya sekolah-sekolah yang kita buat tidaklah sangat perlu menggunakan benda-benda yang diimport dari luar negara. Kalau benda-benda bahan pembinaannya boleh digunakan yang di Sabah, kita gunakanlah. Ini boleh mengurangkan belanja tetapi membanyakkan lagi sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Pertanian dan juga agensi-agensi yang di bawah Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian kita di negara ini kalau dibandingkan dengan Kementerian Pertanian di Thailand mungkin bezanya begitu jauh. Dalam tahun 60-an dahulu kita dapati anggur dibawa dari negara Thailand, buahnya kecil, rasanya masam. Tetapi sekarang negara Thailand daripada kajian 'research'nya telah mengeluarkan anggur dan banyak lagi buah-buahan yang kita import ke negara kita ini sama tarafnya dengan buah-buahan yang diimport dari negara-negara lain. Saya lihat di negara kita dari segi pengkajian mungkin bahan-bahan makanan, buah-buahan, sayur-sayuran sangat ketinggalan. Malahan ada kajian-kajian yang kita buat, seharusnya maklumat itu disimpan untuk

kegunaan negara kita, tetapi sebaliknya maklumat dan research yang baru diketahui itu kita hebahkan ke seluruh dunia.

Kita galakkan dibangunkan di negara-negara lain seperti kajian kelapa sawit, yang mana Malaysia ini adalah negara yang terkemuka dalam penanaman dan pengkajian tetapi kita galakkan supaya kelapa sawit juga ditanam di negara orang. Saya percaya satu ketika nanti apabila di negara orang kelapa sawit berkembang dengan pesatnya, harga kelapa sawit kita seperti sekarang akan merosot dan menjadi beban kepada rakyat kita terutama sekali penanam-penanam kelapa sawit dan hasil-hasil pertanian yang lain.

Baru-baru ini saya juga ada pergi ke Lunas, dan juga di negeri-negeri lain di sini. Saya lihat umpamanya penanaman pokok-pokok dan kebun-kebun durian begitu banyak tetapi apabila sampai ke Kuala Lumpur, di Chow Kit saya lihat buah durian harganya cuma RM2.00 hingga RM3.00 sahaja sekilo. Kalau harga durian RM2.00 – RM3.00 sekilo di Kuala Lumpur mungkin di tempat, di ladang itu cuma 40 sen – 50 sen sekilo, kalau ini berlaku apa jadi kepada penanam-penanam buah-buahan seperti durian ini. Apa jadi kepada penanam-penanam yang menanam rambutan. Saya juga seorang yang boleh dikatakan seorang petani, sebab saya juga suka menanam pokok-pokok buah-buahan. Apa yang berlaku di sini mungkin akan berlaku di Sabah juga satu ketika nanti. Saya cadangkanlah kepada Kementerian Pertanian supaya diperbanyakkan lagi *research* untuk mempelbagaikan kegunaan durian, rambutan dan buah-buahan yang lain.

Kalau kita lihat rambutan, umpamanya mungkin di kampung pada ketika ini banyak buah rambutan, harga terlalu murah, mungkin dibuang sahaja. Kita mintalah supaya kementerian dan agensi-agensinya membuat *research* terhadap rambutan, bukan sahaja rambutannya boleh kita makan, kulitnya mungkin boleh dibuat makanan ternakan, tetapi biji rambutan juga kita buat *research* supaya biji rambutan itu boleh dijadikan kacang atau nut. Saya percaya rasanya lebih baik daripada buah badam dan pada buah gajus mungkin berharga sampai RM35.00 sekilo. Jadi kalau kita boleh membuat sedikit *research* biji rambutan, biji pulasan dan lain-lain, saya percaya harganya juga akan sama dengan kacang ataupun *nut* yang diimport dari luar negara.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Datuk Karim Ghani, kalau dapat, kalau banyak lagi dipendekkan sedikit, kerana hendak memberi peluang kepada Menteri Kewangan untuk menjawab.

Datuk Haji Karim Ghani: Pukul 4.30?

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ya. okay

Datuk Haji Karim Ghani: Okey. Jadi di Malaysia ini saya fikir orang-orang Melayu telah memakan durian entah beberapa puluh kurun. Tetapi cara kita memakan durian cuma memakan tempoyak dan lempuk sahaja. Kalau kita pergi ke Filipina, di Davao umpamanya entah berpuh jenis benda dibuat daripada durian. Kalau kita lihat umpamanya, di Melaka, cencaluk yang setahu saya cuma dibuat cicah sahaja. Saya percaya cencaluk mesti ada wanita-wanita kita boleh membuat resepi yang banyak supaya mempopularkan cencaluk ini dan dapat dipasarkan di seluruh Malaysia.

Saya ingin menyentuh sedikit Kementerian Kesihatan kerana di Sabah kita sangat-sangat kekurangan doktor, malahan di hospital-hospital sangat-sangat kekurangan bukan sahaja doktor tetapi pakar, lebih-lebih lagi hospital-hospital di Sabah kebanyakan sesak kerana kita mempunyai masalah pendatang tanpa izin yang memenuhi hospital-hospital kita.

Jadi saya mencadangkan bahawa kalau boleh klinik-klinik desa dibuat di tiap-tiap ADUN, tiap-tiap kawasan Dewan Undangan Negeri supaya boleh ditempatkan seorang doktor, kalau tidak ada doktor kita sendiri, mungkin boleh kita mencari doktor daripada Indonesia ataupun daripada Myanmar, ditempatkan di kawasan-kawasan ini supaya boleh memberikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat kita di Sabah yang sangat memerlukan perkhidmatan itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa negara kita ini, dengan kemudahan yang kita beri yang saya sentuhkan tadi. Saya juga ada pergi ke Lunas, di mana seperti kata Yang Berhormat Puan Jaya tadi, belia-belia yang dalam pilihan raya kecil itu bersikap seperti gerombolan, seperti gangster. Saya dapati kebanyakan budak-budak ini adalah daripada orang Melayu. Saya juga merasa sedih kerana ini bukan sifat orang Melayu. Kita tahu orang Melayu bersopan-santun, beradab dan tidak begini anak-anak Melayu. Saya harap agensi-agensi yang berkenaan dapat

mengambil perhatian, mengkaji apa sebab mereka menjadi begini. Kalau ada parti-parti juga menggunakan taktik-taktik serupa ini, saya rasa dia tidak berkesan.

Saya lihat waktu pilihan raya di Sanggang dahulu, saya menjaga satu daerah pengundi yang bernama Sanggang, begitu juga kelakuan, tetapi di Sanggang yang dahulu parti pembangkang menang 190 undi oleh sebab menakut-nakutkan pengundi, kemenangannya cuma tinggal 30 undi sahaja. Saya menjaga satu daerah pengundi di Lunas bernama Kampung Batu Enam. Di situ juga demikian. Kalau dahulu kita menang cuma 90 undi di daerah pengundi itu, oleh sebab keganasan, kebiadaban, perbuatan yang menakut-nakutkan ini, dia tidak memberi kesan baik kepada orang yang membuat perkara serupa itu, kerana di daerah pengundi Kampung Batu Enam Barisan Nasional memenangi daerah pengundi itu dengan undi yang bertambah. Ini bererti tidak ada faedahnya membuat perkara-perkara serupa itu kerana ia akan hanya menimbulkan kemarahan dan merendahkan martabat bangsa terutama sekali orang-orang Melayu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan ucapan ribuan terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, sekarang kita akan mendengar jawapan daripada Menteri Kewangan, dengan ini dijemput.

4.25 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Kewangan dan lain-lain kementerian yang disentuh dalam perbahasan ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 24 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbahasan dalam Perbekalan Tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula sekali saya ingin menyentuh tentang isu kenaikan harga minyak yang turut disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Mat Hassan, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak dan Yang Berhormat Puan Chia Chui Ket Melanie. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat sekalian kerana bersimpati dan menyokong langkah kerajaan untuk menaikkan sedikit harga minyak kita dengan kadar 10:5:10 seperti yang kita semua maklum.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, ekoran daripada kenaikan harga minyak di pasaran dunia, beban subsidi ke atas barangan petroleum ini telah meningkat dengan ketaranya daripada kira-kira RM1.1 bilion tahun 1999 kepada RM3.1 bilion tahun 2000 dan dijangka meningkat kepada RM4.93 bilion tahun 2001 jika harga minyak mentah kekal pada paras USD36 setong. Jumlah ini belum mengambil kira kehilangan hasil cukai yang telah dikecualikan sebelum bayaran subsidi dilakukan bagi mengekalkan harga kawalan berkenaan. Jumlah cukai yang dikecualikan itu telah bertambah daripada kira-kira RM2.6 bilion tahun 1999 kepada kira-kira RM4.6 bilion tahun 2000 dan dijangka akan terus meningkat kepada RM5 bilion tahun 2001.

Walaupun harga minyak dinaikkan sekarang dengan kadar yang saya sebutkan tadi, kerajaan masih menanggung subsidi kira-kira RM2.86 bilion tahun 2000 ini. Harga minyak kita selepas dinaikkan pada 1 Oktober yang lalu masih lagi kecil dan amat munasabah.

Kalau saya boleh membuat perbandingan sedikit di sini harga minyak petrol negara kita RM1.20 sen tetapi di Singapura RM3.29 sen, Thailand RM1.52 sen, Philippine RM1.43 sen dan Brunei sebuah negara pengeluar minyak yang terkemuka harganya RM1.16 sen, ertinya kurang 4 sen sahaja daripada harga petrol di Malaysia selepas kenaikan harga minyak ini.

Diesel, Malaysia 70.10 sen, Singapura RM1.46 sen, Thailand RM1.32 sen, Philippine RM1.10 dan Brunei 68.14 sen, kurang 2 sen sahaja lebih kurang daripada harga diesel kita. Ini harga di Brunei.

LPG, negara kita RM1.28 sen, Singapura RM3.03 sen, Thailand RM1.09 sen, Philippine RM2.20 sen dan Brunei RM 1.56 sen, lebih daripada harga LPG di negara kita selepas dinaikkan harga LPG di negara ini. Jadi kenaikan yang dilakukan oleh kerajaan baru-baru ini adalah cukup kecil dan cukup munasabah. Saya rasa dengan sebab itulah maka rakyat sebenarnya rela menerima kenaikan itu dan rakyat sedar bahawa kerajaan menanggung beban subsidi yang begitu besar. Saya bagi pihak kerajaan mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat kerana bersedia menerima kenaikan harga yang begitu munasabah.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat, ada yang meminta laluan.

Tuan Hashim bin Ismail: Banyak Yang Berhormat ini, saya takut tidak boleh siap.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan. Nama-nama negara yang diterangkan tadi, kebanyakan tidak mengeluarkan minyak seperti kita.. Jadi, kenapa negara kita yang mengeluarkan minyak sendiri, harganya sama atau kurang sedikit sahaja dengan negara-negara yang tidak mengeluarkan minyak. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tadi ingin menjelaskan bahawa Brunei sebuah negara penge luar minyak yang terkenal, terkemuka juga harganya lebih kurang dan saya juga ingin juga maklumkan bahawa kenaikan harga minyak dunia telah menyebabkan negara-negara pengeluar minyak yang lain seperti Kuwait, Iraq dan sebagainya menaikkan harga minyak masing-masing. Jadi, kerana itulah maka kenaikan ini saya rasa cukup kecil dan munasabah. Terima kasih Yang Berhormat.

Kerajaan juga tidak menaikkan harga minyak sejak lama sudah misalannya petrol sejak 1993, tidak dinaikkan harganya dan diesel sejak 1990, LPG sejak 1990 dan kalaulah tidak kerana kenaikan minyak yang begitu mendadak di pasaran dunia, maka kerajaan saya rasa tidak akan menaikkan harga minyak seperti yang sekarang ini.

Kerajaan ingin merayu kepada para peniaga supaya bersedia membuat sedikit pengorbanan dengan tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan kerana mengambil kesempatan dari kenaikan harga minyak yang kecil ini lebih-lebih lagi menjelang hari perayaan yang akan datang seperti Hari Krismas, Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina yang akan datang nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan juga ada menyentuh supaya kerajaan dapat memberikan penjelasan kepada orang ramai sebelum menaikkan harga barang-barang seperti kenaikan harga bahan petroleum baru-baru ini. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna secara amalnya memang ada memberi maklumat atau peringatan awal kepada orang ramai apabila terdapat perubahan atau kenaikan harga barang-barang kawalan supaya semua dapat membuat persediaan sewajarnya.

Begitu juga semasa kenaikan harga bahan petroleum baru-baru ini, pihak kementerian telah awal-awal lagi membuat pengumuman akan berlaku kenaikan harga minyak walaupun kadarnya tidak dinyatakan pada masa itu dan pihak kementerian mengucapkan terima kasih di atas peringatan Yang Berhormat. Bagaimanapun, saya ingin mengingatkan bahawa kadang-kadang jikalau kita awal-awal lagi telah menyebutkan tentang kenaikan harga sesuatu barang, maka ini akan diambil kesempatan oleh para peniaga untuk memanipulasikan harga barang dan mereka telah siang-siang atau lebih awal menaikkan harga barang-barang tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan juga walaupun beliau tiada di sini, ingin mengetahui tentang status Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Untuk menjawab soalan Yang Berhormat UIAM adalah sebuah IPTA yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1995. Walaupun UIAM ditubuhkan di bawah Akta Syarikat ia juga menerima geran daripada kerajaan bagi maksud belanja mengurus dan pembangunan. Disebabkan sebahagian besar daripada peruntukannya diterima daripada kerajaan, maka ia juga tertakluk kepada kawalan dasar daripada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan.

Terdapat 39 projek pembangunan untuk UIAM daripada jumlah keseluruhan projek, 29 daripadanya merupakan sumbangan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-6, manakala bakinya iaitu 10 projek lagi adalah merupakan projek baru di bawah Rancangan Malaysia Ke-7.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan juga bertanyakan tentang kedudukan Kolej Universiti Islam Antarabangsa sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, Kolej Islam ialah sebuah kolej universiti. Kolej Islam atau (KUIM) ini beroperasi di kampus sementara dengan menyewa sebahagian daripada Institut Profesional Baitulmal. Jumlah pengambilan pelajar pertama seramai 255 orang dan telah mendaftar dalam tiga program pengajian.

Yang pertama Fakulti Syariah dan Kehakiman seramai 89 orang, Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah 84 orang dan Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam 82 orang. KUIM akan dibangunkan bertaraf sebagai sebuah kolej universiti yang

bersifat lebih terfokus dan khusus yang akan memberikan tumpuan kepada bidang pengajian dan pendidikan Islam.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan juga ada bertanya tentang SIRIM, bantuan ataupun peruntukan sebanyak RM28,788,300 sebagai pemberian kepada SIRIM Berhad bagi melaksanakan program Statutori dan Penyelidikan Strategik bagi tempoh tahun 1996 hingga tahun 2000. Untuk makluman Yang Berhormat, SIRIM Berhad yang telah dikorporatkan mulai September 1996, masih dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program-program penyelidikan dan pembangunan strategik bagi pihak kerajaan khususnya dalam bidang teknologi termaju seperti bahan dan pembuatan termaju dan lain-lain bidang teknologi teras bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia mempertingkatkan daya saing di pasaran tempatan dan di pasaran antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ada menyentuh tentang bayaran subsidi barangan petroleum. Tadi pun sudah saya sentuh dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng bertanya tentang bayaran subsidi petroleum. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, tempoh sebenar subsidi yang dibangkitkan bukanlah tiga bulan tetapi sebenarnya 15 bulan iaitu dari Oktober tahun 1999 hingga Disember tahun 2000.

Oleh yang demikian, purata subsidi bulanan tidaklah besar seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Kerajaan membayar subsidi dengan tujuan mengurangkan bebanan rakyat. Oleh itu, walaupun harga barangan petroleum naik, tetapi kadarnya adalah minimum sahaja.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyentuh tentang tindakan bagi menyekat pengaliran diesel ke luar negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar tentang wujudnya aktiviti penyeludupan bahan petroleum seperti diesel ke luar negara yang mana turut memberi kesan ke atas kadar subsidi yang ditanggung oleh kerajaan.

Dalam hubungan ini, pihak kerajaan khususnya melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil langkah-langkah perlu bagi menyekat pengaliran minyak diesel ke luar negara melalui:-

- (i) meningkatkan kawalan di kawasan-kawasan sempadan dengan negara Thailand, melalui kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan iaitu, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Polis Diraja Malaysia dan Unit Pencegah Penyeludupan bagi menahan pengaliran bahan-bahan petroleum ke negara Thailand;
- (ii) melarang penjualan minyak petroleum melalui bekas plastik atau kontena oleh stesen minyak di kawasan sempadan negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan dengan negara Thailand;
- (iii) menguatkuasakan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2000 mulai 6 Oktober, 2000. Penguatkuasaan peraturan ini mengehadkan kuantiti jualan minyak diesel kepada kenderaan dari negara Thailand oleh stesen-stesen minyak di kawasan-kawasan sempadan negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan tidak melebihi 20 liter pada satu-satu masa.

Ada beberapa langkah yang lain, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, yang saya rasa saya singkatkan. Untuk menyingkatkan masa, maka saya tidak sebutkan langkah-langkah yang lain, tetapi itu merupakan tiga langkah yang terpenting yang sedang dan telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk membendung pengaliran minyak ke luar negara kerana mereka mengambil kesempatan di atas harga minyak kita yang jauh lebih murah daripada minyak mereka.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga ada menyentuh tentang pengangkutan awam masih lemah. Orang ramai masih menunggu di perhentian bas. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membaiki keadaan ini? Untuk makluman Yang Berhormat Dato', LPKP sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya. Langkah-langkah yang diambil-

- (i) melaksanakan Sistem Pengkomputeran Kenderaan Perdagangan (SPKP) di mana proses permohonan lesen-lesen baru dan pembaharuan lesen-lesen lama akan lebih cepat apabila semua maklumat disimpan di komputer;

- (ii) bagi memastikan pelanggan mendapat keselesaan, LPKP telah memindahkan pejabat wilayah tengahnya dari Medan Tuanku ke Bangunan PKNS di mana ruang menunggu dan parking yang lebih besar disediakan;
- (iii) bagi memperbaiki perkhidmatan bas, Bahagian Penguatkuasa LPKP sentiasa memantau perkhidmatan dan memastikan syarikat-syarikat mengikut jadual perjalanan. Syarikat-syarikat yang melanggar peraturan atau tidak mengikut jadual akan diberi amaran sebelum tindakan seperti memberi laluan tersebut kepada syarikat-syarikat lain.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga ada menyentuh tentang usaha-usaha menaikkan bangkai kapal NV Antai di Pelabuhan Klang. Setelah berlakunya penenggelaman kapal NV Antai di Pelabuhan Klang pada 24 November, 1997 tindakan telah diambil oleh Lembaga Pelabuhan Klang LPK untuk menguruskan kerja-kerja menaikkan dan memindahkan bangkai kapal ini.

Melalui panggilan tender yang telah dianugerahkan kepada kontraktor yang berjaya pada bulan Februari 1998 dengan harga RM4,753,800. Walau bagaimanapun, kontraktor ini tidak berjaya untuk melaksanakan kerja-kerja ini dengan jayanya dan telah ditamatkan kontraknya pada 8 Julai, 1998. Kemudian pihak LPK ataupun Lembaga Pelabuhan Kelang telah memanggil tender semula untuk kerja-kerja ini pada bulan Ogos 1998 di mana terdapat 15 syarikat yang menyertai tender semula ini dengan tawaran harga di antara RM8,800,000 hingga RM28,433,000 lebih.

Namun demikian, selepas tender semula ini dipanggil, pihak Jabatan Laut telah diarahkan untuk mengambil alih pengurusan pengalihan bangkai kapal ini dan telah pun memanggil tender semula di antara 15 syarikat tersebut. Panggilan tender ini telah dibuat pada 14 Jun, 1999 dan ditutup pada 28 Jun, 1999 dan seterusnya kontraktor yang berjaya telah dianugerahkan kerja-kerja ini pada 24 Jun, 2000 dengan harga RM17,499,000. Kerja-kerja ini telah bermula di tapak pada 21 Julai, 2000 dan dijangka selesai mengikut kontrak pada 31 Disember, 2000 ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyentuh tentang peruntukan untuk ICFM adalah besar. Beliau berharap satu *post-mortem* dilakukan

untuk mengkaji faedah yang diperolehi oleh Malaysia daripada penganjuran mesyuarat tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', persidangan ICFM ke-27 di Kuala Lumpur ini secara langsung telah memberi peluang kepada delegasi dari 56 buah negara anggota dan juga daripada pihak media yang datang dari seluruh pelusok dunia untuk menyaksikan kemajuan pembangunan yang telah dicapai oleh Malaysia.

Ini juga adalah selaras dengan matlamat kita untuk menarik lebih ramai lagi pelancong untuk melawat Malaysia. Malaysia telah berjaya mengalih pandangan masyarakat dalam mesyuarat ICFM ke-27 dari isu-isu politik ke isu-isu ekonomi dan isu-isu kepentingan bersama. Ianya juga membuka mata negara-negara Islam akan implikasi negatif globalisasi dan liberalisasi.

Pada keseluruhannya, Persidangan ICFM ke-27 telah berjaya dilangsungkan dengan semangat kerjasama dan toleransi di kalangan negara-negara ahli. Selaku tuan rumah, Malaysia telah mengendalikan persidangan dengan penuh profesional dan telah mendapat pujian dari kesemua delegasi termasuk pihak media antarabangsa. Lanjutan daripada kejayaan itu, Malaysia telah diberi satu lagi mandat oleh negara-negara anggota OIC semasa Sidang Kemuncak Islam ke-9 yang lalu untuk menganjurkan sidang kemuncak Islam ke-10 di Kuala Lumpur pada tahun 2003. Jadi saya rasa persidangan ini banyak memberikan faedah kepada negara kita dan juga kepada negara-negara Islam yang lain bukan sahaja dari segi politik malah dari segi ekonomi termasuk aspek pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyentuh tentang tambahan TUDM berjumlah RM217 juta bagi tujuan selenggaraan pesawat. Ianya bersamaan dengan 67% daripada peruntukan semasa, belanja mengurus 2000 TUDM yang diperuntukkan untuk penyelenggaraan. Untuk menjawab isu ini Yang Berhormat Dato' rancangan penyelenggaraan pesawat TUDM sememangnya dilaksanakan secara rapi dan terperinci bagi menentukan tahap kesiapsiagaan TUDM dalam menyediakan pesawat-pesawat yang berstatus *mission capable*. Keupayaan TUDM bagi menyedia dan menyelaraskan bantuan logistik dalam penyelenggaraan pesawat amat berkait rapat dengan peruntukan kewangan yang mencukupi. Semasa zaman kegawatan pada tahun 1998, TUDM telah mengalami pengurangan peruntukan

sebanyak 22% di bawah batas peruntukan semasa dan keperluan tambahan di bawah peruntukan dasar baru tidak diperolehi. Tambahan lagi penurunan mata wang ringgit pada ketika itu turut memburukkan keadaan ini di mana alat ganti pesawat TUDM diperolehi dari luar negara.

Ekoran dari itu proses pembelian alat ganti pesawat bagi tujuan stok dan penyelenggaraan pesawat tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Peruntukan tambahan yang dipohon adalah bagi memastikan stok alat ganti yang mencukupi untuk keperluan berjadual atau di luar jangkaan dan bagi menentukan kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan mengikut jadual dan disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Hassan bin Haji Shukri telah meminta Kementerian Pertanian meneliti dan menimbang usaha meningkatkan harga kelapa di ladang. Beliau menyatakan harga belian kurang 15 sen sebiji, upah RM60.00 dan RM50.00 bagi 1000 biji bermakna belian di ladang tinggal 3 sen sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat, harga yang dibeli di peringkat ladang mengikut harga pasaran. Pada masa ini belian adalah antara 35 sen hingga 40 sen adalah mengikut mutu. Harga ini adalah harga kelapa bulat termasuk harga upah mengait dan mengumpul. Harga yang dinyatakan 15 sen adalah harga kelapa yang belum dikait ataupun belum diturunkan lagi. Jaminan belian dibuat oleh Kementerian Pertanian melalui FAMA dan LPP mengikut harga pasaran. Jualan kelapa biji segar dibuat di pasar borong dan pasar tani serta di kilang yang membuat pemprosesan. Pada masa ini tiada import kelapa dibenarkan dari mana-mana negara. Semalam Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri mengatakan kita import banyak kelapa daripada Indonesia maka ini jawapannya, bagi membantu para petani meningkatkan pendapatan Kementerian Pertanian menggalakkan tanaman selingan di kebun kelapa seperti nenas, pisang dan lain-lain.

Yang Berhormat Senator Hassan bin Haji Shukri juga menanyakan, kenapakah perbelanjaan bagi skim baja padi untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 dipohon pada tahun ini. Perbelanjaan lambat dibuat disebabkan tuntutan daripada pembekal telah lewat. Ini kerana baja terpaksa diedarkan terlebih dahulu kepada petani memandangkan kadar pemberian baja padi telah ditingkatkan daripada 4 beg kepada 5

beg setiap ekar. Selain daripada itu terdapat kenaikan harga baja pada tahun 1998 dan 1999 yang menyebabkan kos perbelanjaan meningkat. Kebiasaannya baja akan dihantar kepada petani dan kemudiannya agensi akan menuntut bayaran kepada kementerian. Baja tidak dibeli secara *lump sum* untuk mengelakkan pembaziran.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga menyentuh permohonan bagi perbekalan tambahan oleh Lembaga Koko Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan di bawah perbekalan tambahan Lembaga Koko Malaysia adalah bagi maksud pentadbiran LKM. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan pembangunan, LKM memang telah menyediakan peruntukan bagi program pembangunan kumpulan sasaran pekebun kecil koko sebanyak RM5 juta untuk tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Program ini akan disambung di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Melalui program ini adalah diharapkan ianya akan meningkatkan produktiviti pekebun-pekebun koko dan seterusnya meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil koko.

Yang Berhormat Senator Hassan bin Haji Shukri dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga menyentuh tentang permohonan tambahan RM217 juta yang diperuntukkan kepada TUDM. Maka ini telah pun saya sentuh tadi semasa saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan saya tidak ada maklumat tambahan untuk ditambah di sini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman menyentuh tentang rizab minyak atau rizab petroleum negara kita. Yang Berhormat *concern* dengan simpanan minyak ataupun rizab minyak negara kita dan permainan oleh kuasa-kuasa besar khususnya Amerika dan untuk menjawab soalan Yang Berhormat, Malaysia mempunyai rizab petroleum tetapi ia semakin berkurang daripada 4.1 bilion tong bagi tahun 1995 kepada 3.42 bilion tong bagi tahun 2000 kerana ianya sumber yang berkehabisan. Purata kadar pengeluaran minyak negara bagi tahun 2000 adalah 615 ribu tong sehari. Berpandu kepada kadar ini dan jika tiada medan minyak baru dijumpai dijangka rizab minyak negara boleh bertahan sehingga tahun 2008.

Kerajaan telah memperkenalkan dasar susutan negara pada tahun 1980 yang menghadkan kadar pengeluaran minyak mentah pada tahap yang mapan. Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk meningkatkan peratusan penggunaan tenaga dan

sumber yang boleh diperbaharui yang berpunca daripada biomas, biogas, solar dan mini hidro. Bagi maksud ini, dasar kepelbagaian empat bahan api yang meliputi minyak, gas, hidro dan arang batu yang telah digubal pada tahun 1990 akan diperluaskan lagi dengan merangkumi tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui terutamanya biomas. Petronas juga telah mengambil langkah-langkah untuk menambah rizab minyak mentah negara dengan langkah-langkah berikut ini;

- (i) berusaha membangunkan medan minyak yang kecil dan jauh di laut dalam dengan menggunakan teknologi terkini dalam aktiviti-aktiviti cari gali; dan
- (ii) membuat pelaburan dalam aktiviti-aktiviti hulu di luar negara seperti di Angola, Chad, Gabon, Indonesia, Iran, Pakistan, Sudan dan Vietnam.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga menyentuh tentang guru-guru dari luar negara untuk mengatasi masalah kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris. Pada masa ini Yang Berhormat Dato', Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk mengambil tenaga luar sebagai guru-guru Bahasa Inggeris. Kementerian masih berkeyakinan bahawa tenaga tempatan masih mampu untuk mengajar mata pelajaran tersebut dengan berkesan. Apa yang penting dalam pendekatan ini ialah kaedah mengajar yang perlu diperbaiki.

Isu Bahasa Inggeris ini juga menarik perhatian ramai Yang Berhormat, tadi Dato' Abdul Aziz, Yang Berhormat Senator Haji Gapar bin Gurrohu yang sekarang ini sudah naik pangkat sebagai Speaker, Datuk Zainudin bin Maidin, Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Haji Karim bin Salleh, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim, kesemuanya telah menyentuh tentang soal-soal tentang Bahasa Inggeris. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat sekalian untuk mengangkat penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan rakyat negara kita khususnya para pelajar kita.

Kementerian Pendidikan akan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengatasi kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar, antaranya memperkenalkan komponen sastera dalam kurikulum Bahasa Inggeris sekolah menengah, *structured reading* dan aktiviti-aktiviti pengayaan yang lain. Di samping

itu bahan-bahan sokongan dalam bentuk elektronik akan diperbanyakkan untuk pembelajaran *access* sendiri. Kementerian Pendidikan juga sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan mata pelajaran *technical English*.

Pada masa ini kementerian sedang mengadakan rundingan untuk mendapatkan maklum balas dari sektor-sektor seperti petroleum, pembangunan, kewangan dan perbankan. Berdasarkan syor-syor yang diterima, kementerian akan merangka strategi bagaimana ia boleh dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga menyentuh tentang guru-guru yang mengikuti Pengajian Jarak Jauh (PJJ) tidak diberikan insentif sewajarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato', bilangan kekosongan jawatan guru siswazah adalah terhad sedangkan bilangan guru yang melanjutkan pengajian secara persendirian adalah ramai jumlahnya. Pelantikan guru-guru ini hanya dapat dibuat secara berperingkat dan bergantung kepada kekosongan jawatan serta pengkhususan mata pelajaran yang diambil.

Sekiranya guru tersebut mengambil pengkhususan mata pelajaran kritikal seperti Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris, peluang mereka untuk dilantik sebagai guru siswazah DG3 adalah cerah berbanding dengan mata pelajaran yang sudah cukup atau sudah melebihi seperti Bahasa Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga bersama-sama dengan Yang Berhormat Tuan Haji Gapar menyentuh tentang kekurangan guru di sekolah-sekolah menengah harian. Untuk makluman Yang Berhormat berdua, sehingga kini terdapat kekurangan guru sebanyak 6,574 orang. Walau bagaimanapun, pada 2 Januari 2001, apabila penggal persekolahan dibuka, kekosongan tersebut akan diisi dengan penempatan baru seramai 1,488 orang. Ini bermakna kekurangan guru pada tarikh tersebut, dapat kita kurangkan kepada 5,146 orang.

Kekosongan tersebut akan diisi oleh penempatan guru sandaran terlatih keluaran universiti-universiti tempatan pada Jun hingga Ogos 2001. Penempatan guru yang belajar cuti separuh gaji mulai Februari hingga Disember 2001. Kekurangan guru dalam beberapa mata pelajaran sehingga 16 Oktober 2000, Bahasa Inggeris – 1,769 orang, Sains – 1,395 orang, Matematik – 342 orang, Fizik – 248 orang, Pendidikan Moral – 736 orang, Bahasa Cina – 392 orang dan Bahasa Tamil – 192.

Kementerian Pendidikan sedang mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan masalah kekurangan guru ini akan dapat diselesaikan dan diatasi sebaik-baik mungkin.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga ada menyentuh tentang menswastakan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan pesawat barisan kedua dan kelengkapan peralatan melalui kontraktorisasi di mana AIROD Sendirian Berhad terlibat. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', Program Kontraktorisasi diperkenalkan sejajar dengan doktrin baru TUDM untuk menjadikan TUDM sebagai satu kuasa udara di mana tumpuan perlu diberikan kepada core business iaitu kesiapsiagaan dan ketahanan pada setiap masa. Salah satu objektif Program Kontraktorisasi diwujudkan adalah untuk menjadikan industri pertahanan tempatan sebagai pemangkin kepada perkembangan industri aero angkasa negara.

TUDM telah melaksanakan Program Kontraktorisasi dengan syarat-syarat berikut, AIROD Sendirian Berhad – penyelenggaraan pesawat, Zetro – ground electronic, Satang Jaya – peralatan keselamatan dan Ikhtiar Hidup untuk tujuan pengawasan dan pemantauan TUDM melalui Airforce Maintenance, Air Worthiness and Contract Controller telah ditugaskan bagi mengawal pengurusanenggaraan dan rawatan kawalan kelayakan udara, kawalan mutu perkhidmatan, pengurusan dan perancangan inventori aset milik TUDM serta pengurusan kontrak mengikut klausa yang telah dipersetujui.

Cadangan untuk mewujudkan satu badan khas bagi memantau kontraktor-kontraktor yang terlibat dengan Program Kontraktorisasi ataupun penswastakan adalah dipersetujui bagi dimantapkan lagi pelaksanaan program tersebut. Terima kasih yang Dato' Abdul Aziz di atas cadangan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar ada menyentuh tentang pembangunan yang dijalankan seperti perindustrian dan perumahan seringkali mengakibatkan banjir kilat berlaku di kawasan sekitar. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk sesuatu bangunan baru, pihak pemaju diwajibkan mememukakan laporan cadangan pemajuan untuk kelulusan kebenaran merancang bagi melaksanakan aktiviti pembangunan di atas tanahnya. Di dalam laporan cadangan pemajuan ini, pemaju perlu memberi maklumat mengenai kesan pembangunan kepada alam

persekitarannya, termasuklah kesan pengairan dan saliran, sebelum projek dapat dipertimbangkan untuk kelulusan. Ini untuk memastikan pembangunan yang dirancang tidak mendatangkan kesan negatif kepada kawasan sekitarnya.

Selain daripada itu, Jabatan Perancang Bandar telah menyediakan beberapa garis panduan bagi menangani masalah banjir kilat disebabkan kerja tanah projek-projek pembangunan ini. Di antara garis panduan itu ialah:

- (i) Garis panduan perancangan laluan kemudahan utiliti di kawasan bandar dan luar bandar;
- (ii) Garis panduan perancangan kolam takungan (retention pond) sebagai sebahagian daripada tanah lapang.

Semua pihak berkuasa negeri telah pun meluluskan dan menerima pakai garis panduan ini dan pihak berkuasa tempatan perlu melaksanakannya secara berperingkat-peringkat.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar juga menyentuh tentang pihak kementerian mengambil tindakan bagi menurunkan semula harga rumah memandangkan terdapatnya sesetengah caj dalam perkhidmatan pembetulan yang telah dimansuhkan kepada pemaju. Pada masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan harga rumah kerana harga rumah selain daripada rumah kos rendah ditentukan oleh kuasa pasaran yang bergantung kepada kuasa permintaan dan penawaran. Harga rumah kos rendah yang telah ditetapkan pada masa sekarang adalah didapati berpatutan dan munasabah.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar juga menyentuh tentang harga air mineral yang berbeza-beza. Untuk makluman Yang Berhormat, air mineral bukanlah barang kawalan. Oleh itu, harganya tidak dikawal oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada menjalankan pemantauan harga bagi air mineral. Dalam aspek ini, suka saya memaklumkan bahawa terdapat perbezaan pada harga air-air berkenaan kerana terdapat perbezaan dari segi kualiti air-air tersebut seperti air mineral, air suling, air minuman dan sebagainya. Pihak-pihak yang membotolkan air-air tersebut adalah tertakluk kepada kawalan oleh pihak Kementerian Kesihatan termasuk mengenai punca bekalannya.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar juga mencadangkan supaya insentif kepada guru Bahasa Inggeris diberikan. Untuk makluman Yang Berhormat, insentif kepada guru yang ada masa ini ialah hanya kepada guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman dan guru yang mendiami rumah guru yang *substandard* dan belum ada cadangan untuk memberi insentif kepada guru dalam mata pelajaran dan dalam bidang tertentu. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan ada di sini dan beliau boleh mengambil ingatan dan makluman tentang cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Gapar ini.

Yang Berhormat Puan Jamilah Ibrahim menyatakan adakah Kementerian Pendidikan membuat pemantauan terhadap peralatan fasiliti yang telah lama dan memerlukan peruntukan di universiti-universiti tempatan. Semalam beliau beri contoh, Universiti Malaya. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan kepada universiti atau IPTA adalah bergantung kepada permohonan IPTA itu sendiri. Ini meliputi projek-projek seperti naik taraf, tambahan dan penggantian peralatan dan sebagainya. Pihak kementerian akan membuat semakan terhadap permohonan yang diminta oleh mana-mana IPTA.

Yang Berhormat Puan Jamilah Ibrahim juga menyentuh tentang adakah negara-negara Islam lain memberi bantuan kewangan kepada UIAM. Pada awal penubuhan UIA, memang ada jaminan dari negara-negara Arab untuk memberi bantuan kewangan kepada UIAM tetapi sejak gawat iaitu pada tahun 1997, bantuan tersebut telah berhenti. Bagaimanapun, sempena lawatan Putera Mahkota Arab Saudi baru-baru ini, pihak Kerajaan Arab Saudi telah memberikan sumbangan untuk tujuan tabung pelajar asing di UIAM.

Yang Berhormat Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim menyentuh tentang Kementerian Pendidikan masih menghantar pelajar ke Timur Tengah – apakah bidang-bidang yang diambil? Kementerian Pendidikan masih menghantar dan menaja pelajar ke negara-negara di Timur Tengah. Sebagai contoh, pada tahun ini terdapat 58 pelajar tajaan di Mesir. Kebanyakan mereka mengikuti pengajian dalam Pendidikan Islam. Kerajaan telah mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara termasuk ke Timur Tengah kecuali dalam bidang-bidang kritikal seperti bidang Sains dan Teknologi, pada masa ini banyak ditawarkan di IPTA tempatan. Begitu juga

bidang-bidang dalam Pengajian Islam seperti Syariah, Usuluddin dan sebagainya terdapat di universiti-universiti tempatan. Oleh yang demikian, tidak ada keperluan untuk menghantar secara beramai-ramai pelajar-pelajar kita dalam bidang-bidang yang terdapat di dalam negara kita sendiri.

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh menyentuh tentang isu harga sayur yang tinggi. Harga sayur ditentukan oleh pasaran, Yang Berhormat. Bagi harga tinggi, keuntungan adalah kepada para petani. Langkah penurunan harga di pasaran dibuat melalui jualan terus di pasar tani. Pengguna juga digalakkan makan sayur yang tidak naik tinggi harganya seperti kobis. Di peringkat pengeluaran pula, FAMA menjalankan Program Kontrak Ladang supaya pengeluaran berdasarkan kepada jenis sayur dan kuantitinya ditentukan supaya tidak berlaku kekurangan bekalan di pasaran. Langkah penentuan mutu dan kualiti FAMA pada masa ini melaksanakan skim *tagging* atau label bakul sayur supaya mutu atau kualitinya dapat dikesan dan dipantau.

Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainudin menyentuh tentang bengkel-bengkel membaik pulih kereta motor agar dapat diberikan lesen. Untuk makluman Yang Berhormat, satu kajian sedang dijalankan oleh kementerian mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh *workshop* kereta motor. Hasil kajian ini, diharapkan dapat memberi penemuan sama ada perkhidmatan *workshop* kereta motor ini perlu dikawal selia ataupun tidak. Kajian ini dijangka akan siap pada akhir tahun 2001.

Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak menyentuh tentang penjara digunakan untuk menyimpan pendatang asing. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Penjara Malaysia berdasarkan statistik yang berakhir pada 30 November 2000, menahan seramai 5,678 banduan warganegara asing yang didapati bersalah kerana pelbagai kesalahan jemayah termasuklah di bawah kesalahan Akta Imigresen. Daripada jumlah tersebut, seramai 531 orang telah selesai menjalani hukuman penjara tetapi masih ditahan di penjara di bawah perintah imigresen bagi membolehkan pengusiran ke negara asal dilakukan dengan sempurna. Jabatan Penjara bersama jabatan lain yang berkaitan, terutamanya Jabatan Imigresen sentiasa bekerjasama untuk mempercepatkan penghantaran balik pendatang asing ke negara asal mereka.

Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak juga menyentuh tentang kenyataan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak berlaku kenaikan harga barang-barang keperluan. Untuk makluman Yang Berhormat, kenyataan kementerian berhubung dengan harga barang-barang ini adalah hasil pemantauan harga yang dijalankan sebelum ini dan setelah kenaikan harga bahan petroleum.

Pada keseluruhannya tidak berlaku kenaikan harga kecuali bagi barang-barang hasil pertanian seperti ikan, sayur-sayuran yang mana harganya berubah mengikut faktor cuaca dan musim. Berhubung dengan harga ayam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Pertanian telah menetapkan harga ceiling RM5.40 sekilo bagi ayam yang disembelih bersih. Perubahan harga di bawah paras ini adalah dibenarkan.

Dari pemantauan yang dijalankan adalah dikenal pasti bahawa kenaikan tersebut bukan disebabkan oleh kenaikan harga minyak, sebaliknya berlaku di atas faktor keadaan. Walau bagaimanapun, kenaikan harga ayam itu tidak melibatkan kenaikan yang menyeluruh kerana masih terdapat peniaga-peniaga yang menjualnya dengan harga yang lebih rendah umpamanya di Pasar Chow Kit pada 5 Disember 2000, harganya adalah hanya RM5.00 sekilo sahaja.

Yang Berhormat Dato' Zainudin bin Maidin mencadangkan Kementerian Luar Negeri dapat mengambil graduan Melayu di Universiti Azhar sebagai pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', Kementerian Luar Negeri mengambil perhatian di atas cadangan dan pandangan Yang Berhormat Dato' ini semasa melantik pegawai-pegawai yang akan bertugas di Kementerian Luar Negeri ini supaya mereka dapat di*expose* satu suasana yang baru dan ini diharapkan seperti Yang Berhormat Dato' harapkan iaitu membuka minda mereka dan menjadikan mereka orang yang lebih *modest*, lebih liberal.

Yang Berhormat Dato' Marimuthu menyentuh tentang isu sekolah wawasan. Yang Berhormat Dato', isu ini telah pun banyak diperkatakan dan saya tidak diberi mandat untuk menjawab soalan ini dan saya rasa biarlah pihak yang berkenaan iaitu Kementerian Pendidikan sendiri yang memberikan penjelasan dan dengan cara yang lebih teliti, lebih sempurna. Jadi kalau saya bagi pihak Kementerian Pendidikan

menjawabnya mungkin tidak sempurna, Oleh kerana itu saya serahkan kepada Yang Berhormat Datuk Aziz, lain kali mungkin beliau akan dapat jawab secara lebih teliti, lebih terang dan lebih jelas.

Yang Berhormat Dato' Marimuthu juga menyentuh tentang prestasi Bahasa Inggeris, ini tadi telah disentuh terdapat guru Bahasa Inggeris yang mengajar dalam Bahasa Malaysia, murid tidak bertutur dalam Bahasa Inggeris telah disentuh tadi, saya tidak berhasrat untuk melanjutkan perbincangan ini. Yang Berhormat Dato' Marimuthu juga bincangkan apakah tindakan yang akan diambil oleh PDRM untuk mengelakkan tindakan-tindakan ganas yang dilakukan oleh penyokong-penyokong KeADILan semasa Pilihan Raya Kecil Lunas.

Ini juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Jaya tadi tentang Lunas, juga Datuk Karim Ghani ada sentuh tentang Lunas, keganasan yang berlaku. Saya hendak sentuh sekali perkara ini kerana masa singkat, terhad. Keganasan di Lunas oleh pihak-pihak tertentu dan saya sendiri amat tersentuh dengan isu yang dibangkitkan lebih-lebih lagi Yang Berhormat Jaya tadi dengan penuh perasaan menyatakan rasa kecewa dan takutnya apa yang berlaku di Lunas dan saya harap selaku pemimpin, semua golongan, semua pihak harus mengambil iktibar dari apa yang berlaku di Lunas kerana kita semua sudah tentu tidak mahu pembangunan dan perpaduan yang telah dibina dengan susah payah selama ini akan musnah dan punah semata-mata untuk mencapai cita-cita politik kita. Apakah gunanya kita menang pilihan raya jika rakyat berpecah-belah dan bersengketa. Apalah ertinya kuasa jika ianya terpaksa mengorbankan perpaduan dan keharmonian yang telah bersusah payah kita cipta.

Inilah *concern* yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya bagi pihak semua mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat begitu prihatin dan menjadikan Lunas ini sebagai satu iktibar kepada kita semua supaya kita dapat mendisiplinkan pengikut politik masing-masing supaya kita tidak korbakan perpaduan dan keharmonian negara semata-mata untuk objektif politik kita.

Masalah Yang Berhormat Marimuthu tadi, ini Yang Berhormat Marimuthu yang lain ya. Prestasi sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil. Kementerian Pendidikan sedar mengenai kelemahan prestasi di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Yang Berhormat Jaya pun tadi ada menyebut dan beberapa Yang Berhormat

lain juga menyentuh tentang Sekolah Tamil. Masalah kekurangan guru terlatih akan diatasi dengan mengadakan Kursus Dalam Cuti (KDC) mulai November 2000 ini untuk guru-guru Bahasa Tamil dan Bahasa Cina untuk Guru-Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT). Selain itu, pengambilan guru ke Maktab Perguruan bagi kursus pengajian Tamil juga akan dipertingkatkan.

Mengenai dakwaan bahawa kertas Bahasa Melayu untuk SKJC lebih sukar daripada Bahasa Melayu sekolah kebangsaan, ini tidak tepat. Kertas Bahasa Melayu untuk Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina yang digubal adalah berbeza. Untuk Sekolah Kebangsaan, ia telah disesuaikan dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama, jadi tahap kesukaran adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina yang mana Bahasa Melayu bukan sebagai bahasa pengantar.

Perlu dijelaskan, untuk menguasai sesuatu bahasa, bukan sahaja bergantung pada guru tetapi juga pendedahan seperti menuturkan bahasa tersebut dalam pergaulan sehari-hari dan juga membaca bahan-bahan dalam Bahasa Melayu dan adalah sukar mencapai hasrat tersebut jika murid-murid hanya bergaul sesama kaum yang menggunakan bahasa yang sama. Oleh sebab itulah maka saya rasa Sekolah Wawasan itu dicadangkan supaya murid bergaul dan dapat menguasai Bahasa Melayu dan bahasa-bahasa yang lain.

Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy menyentuh tentang kereta bomba. Walaupun jentera bomba Nissan Diesel yang terdapat di Balai Bentong sudah berusia sepuluh tahun, namun prestasi jentera dan peralatan di dalamnya masih lagi berada dalam keadaan yang memuaskan, Yang Berhormat Dato'. Adalah menjadi prosedur biasa bagi pasukan bomba meminta bantuan dari balai-balai bomba yang berdekatan apabila berlakunya sesuatu kebakaran besar. Ini bagi memastikan supaya kebakaran tersebut dapat dikawal dan tidak merebak apinya dan dapat dipadam dengan lebih cepat.

Di dalam kes kebakaran di Bentong, balai bomba Bentong meminta bantuan dari Balai Bomba Karak dan Balai Bomba Genting Highlands supaya dapat dipertingkatkan kekuatan anggota dan ditambah bilangan peralatannya. Tambahan pula, keadaan rumah yang rapat-rapat dan jenis binaan kayu menyebabkan

kemerebakan api menjadi pantas dan menyukarkan lagi proses pemadaman. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sememangnya ada membuat perancangan untuk membeli 80 buah jentera bomba yang baru dan dijangka diperolehi pada tahun 2002 nanti. Adalah diharapkan supaya Balai Bomba Bentong akan memperolehi jentera bomba yang lebih baik nanti.

Yang Berhormat Dato' Ghazi Haji Ramli menyentuh tentang program Bulan Membaca. Bulan Membaca Kebangsaan yang disambut pada setiap bulan Ogos dipenuhi dengan pelbagai aktiviti di peringkat kebangsaan dan negeri. Antara aktiviti yang diperkenalkan pada tahun ini ialah Pertandingan Perpustakaan Keluarga, pertandingan bertujuan untuk menanamkan sikap menghargai dan menilai bahan bacaan sebagai sumber ilmu serta dapat dimanfaatkan oleh seisi keluarga seterusnya mewujudkan persekitaran yang memberangsangkan bagi ahli keluarga menimba ilmu.

Bagi menyokong hasrat tersebut, untuk mencapai tahap literasi negara 100% menjelang tahun 2010 dan untuk membudayakan pembacaan di kalangan masyarakat Malaysia satu pelan tindakan yang dinamakan Agenda Membaca Negara bagi melahirkan masyarakat berilmu telah disediakan dan dijangka dapat dilancarkan pada awal tahun 2001 nanti.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga meminta tentang Pendidikan Sepanjang Hayat (Life Long Learning). Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meluaskan konsep Pendidikan Sepanjang Hayat ini. Antaranya ialah:-

- (i) mengadakan program kerjasama antara IPTA dengan IPTS untuk menambah peluang pendidikan di peringkat tinggi;
- (ii) memperkemaskan lagi sistem pembelajaran Program Jarak Jauh (PJJ) di IPTA;
- (iii) mempelawa IPTS menubuhkan Virtual University atau Universiti Maya seperti dilaksanakan oleh Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR); dan
- (iv) cuti belajar separuh gaji bagi mereka yang berkelayakan. Di samping itu bagi mereka yang sudah bekerja masih berpeluang meningkatkan tahap profesionalisme dengan memasuki IPTA

melalui saluran kedua iaitu mengambil kira pengalaman bekerja.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga menyentuh tentang pemantauan terhadap pensyarah di universiti. Pemantauan dibuat berdasarkan kepada penerbitan, pendidikan dan pembentangan kertas kerja. Latihan berterusan untuk pensyarah seperti Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), selanjutnya mengadakan MoU antara universiti iaitu bertukar kakitangan akademik dan seterusnya universiti juga mengadakan biasiswa melatih pensyarah untuk meningkatkan kualiti pengajaran para pensyarah kita.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga menyentuh tentang penggunaan multimedia dalam pengajian universiti. Pada masa kini terdapat dua universiti yang mendapat status MSC iaitu UPM dan UUM. Program PJJ banyak menggunakan kaedah multimedia dalam pengajarannya.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga menyatakan kedudukan pelajar di IPTS berdasarkan kaum. Jumlah pelajar yang berdaftar di institusi pengajian tinggi swasta mengikut bangsa, bumiputera dan bukan bumiputera hingga 31 Disember 1999 ialah kolej swasta 32,329 orang bumiputera, bukan bumiputera pula 57,248 orang. Jumlah kesemuanya 89,577 orang, itu di kolej swasta. Manakala di universiti swasta pula bumiputera 5,130, orang bukan bumiputera 6,023 orang, jumlah kesemuanya 11,153 orang. Itu untuk makluman Yang Berhormat Dato'.

Yang Berhormat Dato' juga ada menyentuh tentang beg berat. Perkara ini ada baiknya Yang Berhormat Menteri sendiri menjelaskan. Tadi ada cadangan oleh Datuk Abdillah bahawa dekat meja itu dibuat satu *locker*, tidak payah buat *locker* berasingan, itu Yang Berhormat Dato' Aziz akan ambil perhatian. Dato' Ghazi banyak sangat ini, boleh saya potong? Minta maaf Dato', masa tidak mengizinkan Dato'.

Kelonggaran bagi pengharaman permainan video, Yang Berhormat Dato' Ghazi juga sentuh. Pengharaman permainan video tidak termasuk peralatan kelengkapan permainan kanak-kanak - Carnival Novelty Game, hanya pusat hiburan keluarga, hotel, resort dan kompleks membeli belah dibenarkan beroperasi sekiranya mempunyai alat-alat tersebut di atas, ini untuk permainan kanak-kanak sahaja.

Yang Berhormat Karim Salleh menyentuh tentang isu kemerosotan Bahasa Inggeris. Ini telah saya sentuh tadi, Yang Berhormat Datuk Karim Salleh lebih kurang sama.

Seterusnya Senator Haji Karim Salleh juga meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mewujudkan skim sistem maklumat pemantauan harga. Untuk makluman.....

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat, jika banyak lagi, ada cadangan daripada Menteri, jadi boleh tunggu sekejap.

Tuan Hashim bin Ismail: Boleh tahan juga banyak, Tuan Yang di-Pertua.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga perbahasan Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (2000) (No. 2) 2000 selesai ditimbang dan diputuskan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Saya mohon menyokong.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sebagaimana yang dibentangkan oleh Menteri itu tadi dikemukakan kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi disetujukan, dan disetujukan.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Kita teruskan, jemput Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Haji Karim Salleh, untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang membina satu sistem yang mampu mengesan perubahan harga barang termasuk semasa musim perayaan, sistem penstabilan harga tersebut dibina dengan kerjasama pihak Universiti Putra Malaysia.

Yang Berhormat Puan Jaya Partiban juga menyentuh tentang perpaduan di sekolah-sekolah, bergaul sesama sendiri. Nilai perpaduan memang dipupuk sejak di bangku sekolah sama ada melalui kurikulum mahupun aktiviti kokurikulum. Adalah sukar untuk menggalakkan integrasi kaum sekiranya usaha-usaha murni untuk mewujudkan perpaduan seperti pelaksanaan sekolah wawasan pun mendapat tentangan daripada pihak-pihak tertentu.

Yang Berhormat Puan Jaya Partiban menyentuh tentang program khas bagi membantu belia India untuk menyelamatkan mereka daripada terjebak dengan pelbagai masalah. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah belia India terjebak dengan masalah ini bukanlah khusus untuk belia India sahaja, juga belia-belia dari kaum yang lain. Namun demikian, apa yang dihadapi oleh golongan belia India, justeru itu, pelbagai program di bawah program Rakan Muda telah dirancang dan melibatkan golongan belia India dan melalui persatuan-persatuan belia Tamil beberapa program telah dirancang untuk dilaksanakan. Yang Berhormat balik kempen untuk belia-belia India menyertai program Rakan Muda supaya mereka dapat diprogram dengan cara yang sempurna dan teliti seperti itu.

Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim menyentuh tentang langkah-langkah mengatasi kelemahan Bahasa Inggeris. Tadi telah saya sentuh, terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan. Yang Berhormat Tuan Abdillah juga menyentuh tentang kebocoran kertas peperiksaan. Kementerian Pendidikan mempunyai langkah-langkah keselamatan yang ketat dan prosedur bagi memastikan tidak berlaku kebocoran kertas peperiksaan. Yang Berhormat juga memohon Kementerian Pendidikan memantau cyber cafe. Untuk makluman Yang Berhormat, ini tidak termasuk di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Bagaimanapun kerajaan sentiasa menghargai cadangan-cadangan seperti ini dan agensi yang terlibat akan mengambil kira tentang cadangan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datuk Christina menyentuh tentang pengurusan kewangan di sekolah berasrama penuh tidak teratur. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini akan diambil tindakan sekiranya dakwaan tersebut benar. Pihak Kementerian Pendidikan akan menjalankan kajian dan mengambil tindakan sewajarnya.

Kelemahan dalam Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), untuk makluman Yang Berhormat, atas budibicara sekolah sekiranya terdapat lebih buku teks di sekolah-sekolah berkenaan, sekolah bolehlah meminjamkan buku-buku tersebut kepada pelajar-pelajar yang tidak layak mendapat skim bantuan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Christina juga menyentuh tentang masalah di sekolah pendidikan khas, penambahan bilangan pelajar yang bermasalah, pembelajaran meningkat. Cadangan untuk mengatasinya, yang pertama, pada tahun 2000 ini Kementerian Pendidikan Malaysia akan melatih lebih ramai guru dalam bidang pendidikan khas melalui Diploma Pengurusan Perguruan Malaysia. Yang kedua, pengambilan guru-guru khusus untuk masalah pembelajaran. Latihan dalam perkhidmatan juga diberikan kepada guru asas terlatih dalam bidang pendidikan khas.

Yang Berhormat Puan See Too Mee menyentuh tentang masalah kekurangan guru di SJK(C). Mulai tahun ini Kementerian Pendidikan Malaysia telah meneruskan semula pengambilan guru kontrak bagi bidang-bidang pengajian Cina dan Tamil. Sehingga September 2000 seramai 352 guru kontrak iaitu 298 Bahasa Cina dan 54 orang Bahasa Tamil telah diluluskan perlantikan. Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga memutuskan untuk mewujudkan kursus dalam cuti (KDC) bagi guru-guru sandaran tidak terlatih mulai November 2000 bagi kumpulan pertama di 12 maktab perguruan. Bagi pengambilan November 2000 ini seramai 1,023 orang GSTT Bahasa Cina akan mengikuti kursus dalam cuti ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa dengan jawapan yang akhir ini, saya rasa itu sahajalah penggulangan saya terhadap Perbekalan Tambahan yang telah dibahaskan secara panjang lebar selama dua hari oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya minta maaf kalau ada isu-isu yang tak dapat saya sentuh secara teliti, pegawai-pegawai di kementerian masing-masing ada mengambil ingatan dan catatan dan insya-Allah, cadangan-cadangan yang baik akan diambil kira, diberikan perhatian dan akan dilaksanakan seterusnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibaca bagi kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maklumkan bahawa rang undang-undang bernama sua tu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000) (No.2) 2000 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini Dewan ini ditangguhkan hingga hari Isnin, 11 Disember 2000, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.

8 November 2000

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,
S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T.
(Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)

- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Stephen Tibok (Sabah)
- “ Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Seangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk M. Kayveas (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)

- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)

- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- " Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara
Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Jilid II

Bil. 23

Khamis

7 Disember 2000

K A N D U N G A N

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 1)
MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN TUAN YNAG DI-PERTUA	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 3)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000) (N0.2) 2000	(Halaman 27)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 111)